

29 JULAI 2022 (JUMAAT)



MESYUARAT KEDUA

PENGGAL KELIMA

DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2022

SHAH ALAM, 29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Mesyuarat dimulakan pada jam 9.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Dato' Seri Amirudin bin Shari, S.P.M.S (Sungai Tua)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Datuk Rizam bin Ismail, P.M.W. (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari,
P.S.D., S.M.S., J.P. (Selat Klang)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

TIDAK HADIR (Dengan Maaf)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, D.M.S.M., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, D.P.N. (Batang Kali)

28 JULAI 2022 (KHAMIS)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

**Y.B. Dato' Haji Haris Bin Kasim, D.P.M.S., S.I.S., A.S.A, P.P.T.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

**Y.B. Dato' Salim Bin Soib @ Hamid, D.S.D.K., P.K.T.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

**Y.B. Dr. Ahmad Fadzli Bin Ahmad Tajuddin, S.M.S., P.C.M., A.M.P.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

29 JULAI 2022 (JUMAAT

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Encik Mohammad Redzuan bin Adam
Encik Muhammad Aidil Shafiq bin Khairol Umar
Encik Mohd Sahrul bin Mad Shaiful Bahri
Bentara

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi
Puan Nurul Liana binti Musa
Pelapor Perbahasan

(TUAN TIMBALAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN)

SETIAUSAHA DEWAN : Selamat Pagi dan Salam Sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Keempat belas pada 29 Julai 2022 dimulakan dengan bacaan Doa.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan Doa.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat Pagi. Salam Sejahtera. Saya mempersilakan Subang Jaya.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Soalan Subang Jaya nombor 48.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : PROGRES LRA LANGAT 2

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Sila nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mempercepatkan pengaktifan LRA Langat 2

JAWAPAN :

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Yang Berhormat Subang Jaya bertanyakan soalan berhubung dengan isu projek Loji Rawatan Air Langat 2. Untuk makluman Yang Berhormat, projek Loji Rawatan Air (LRA) Langat 2 dan sistem agihan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Pengurusan Air Aset Berhad (PAAB). Berdasarkan kepada makluman yang diberikan PAAB kemajuan keseluruhan projek sehingga Mei 2022 adalah 90.32% mengikut kemajuan sebenar berbanding 92.58% mengikut jadual kemajuan kerja iaitu kelewatan sebanyak 2.26%. Loji Rawatan Air Langat 2 mempunyai kapasiti reka bentuk pengeluaran air terawat sebanyak 1130 Juta liter sehari, telah pun siap dan diaktifkan bermula Disember 2019.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Walau bagaimanapun, sistem agihan LRA Langat 2 merangkumi koridor barat dan koridor utara masih lagi dalam peringkat pembinaan dan hanya akan siap sepenuhnya pada akhir tahun 2023. Bagi memastikan air terawat daripada Loji Rawatan Air Langat ini dapat disalurkan kepada pengguna. Pihak PAAB membuat penyambungan daripada kolam imbangan baru LRA Langat 2 di Bukit Enggang kepada kolam imbangan LRA Langat 1 sedia ada. Seterusnya, pihak Air Selangor juga telah melaksanakan 2 lagi kerja-kerja penyambungan paip-paip di bahagian hiliran bagi meluaskan lagi sistem aliran kepada lebih banyak kawasan. Pada masa ini Air Selangor telah mengagihkan air terawat yang dikeluarkan dari Loji Rawatan Air Langat 2 menggunakan sistem agihan sedia ada sehingga 400 Juta liter sehari. Sekian.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya mempersilakan Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Soalan 49.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : MEMBANGUN BRAIN BANK SELANGOR

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Apakah rancangan kerajaan dalam membangunkan 'Brain Bank' Selangor?
- Apakah unjuran masa hadapan bidang dan penguasaan ilmu yang diperlukan?

JAWAPAN :

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Speaker dan Hulu Kelang yang bertanyakan tentang apakah rancangan Selangor untuk pembangunan 'Brain Bank' Selangor? Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, dalam penggal-penggal yang lepas kita mempunyai program yang kita panggil sebagai Selangor 'Brain Bank'. Dalam program Selangor 'Brain Bank' ini, peruntukan - peruntukan yang telah disediakan adalah sebuah peruntukan untuk membiayai dan menaja atau mendanai pengajian-pengajian di peringkat Doktor Falsafah kepada anak-anak Negeri Selangor yang dapat menduduk, yang sampai ke kedudukan ataupun yang sampai ke peringkat Doktor Falsafah selepas menghabisi Sarjana Pertama dan Sarjana Kedua ataupun *Master*.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Yang Berhormat sekalian, pada tahun 2019 kita telah menggubal sedikit program ini dengan menggantikan program yang dinamakan sebagai Program Bitara. Dan program Bitara ini tidak lagi melihat, *cream of the cream* ini pada saat mereka sudah sampai kemuncak pendidikan. Dan juga pendidikan dan ruangan mereka untuk mendapatkan pembelajaran, tetapi melihat mereka ataupun siapa-siapa yang anak Negeri Selangor yang belajar di Negeri Selangor ini pada tahap-tahap peringkat pendidikan menengah supaya bila sampai di peringkat menengah mereka boleh melanjutkan pengajian ijazah Pertama ataupun pengajian-pengajian lain. Di peringkat tertinggi terutamanya di universiti-universiti terbaik di dunia.

Kita menyasarkan *world* universiti ataupun 10 universiti yang terbaik dunia. Namun pada ketika ini, kita telah melebarkan kepada 20 atau 30 universiti terbaik di dunia dan sebahagiannya di Asia. Dan kita telah menghantar seorang sebenarnya, pelajar anak Negeri Selangor yang belajar di Negeri Selangor untuk belajar di *Royal Surgeons College*, di Ireland pada waktu ini dan beliau telah atau hampir-hampir habis belajar. Baru-baru ini saya terserempak dengan ayah beliau di Universiti Teknologi Mara atau Hospital Universiti Teknologi Mara beliau memaklumkan anak beliau yang ditajai oleh kita itu sudah sampai di peringkat akhir pendidikan.

Yang Berhormat sekalian, kita taja di peringkat ini untuk masuk ke universiti dulu. Namun begitu, program sebenarnya akan bermula di peringkat menengah. Di mana kita akan kenal pasti, *cream of the cream* bagi pelajar-pelajar yang cemerlang. Mereka akan didik dan dilatih supaya dapat memasuki universiti-universiti terbaik di dunia seperti MIT Harvard ataupun Cambridge, supaya dididik daripada menengah sampai mereka *qualifies* dan mampu berdepan suasana mencabar.

Soalan (b) pula, unjuran masa hadapan bidang dan penguasaan ilmu ini adalah berdasarkan kepada perkembangan ataupun berdasarkan kepada bidang yang menjadi penumpuan di Negeri Selangor. Antaranya, adalah skop-skop yang tertakluk dalam *Smart Selangor* seperti *government*, kuasa dan kualiti, pengurusan air, pengurusan sisa pepejal, bangunan dan juga perumahan, pergerakan ataupun pengangkutan, bab-bab *safety* dan juga sekuriti, kesihatan, pengurusan bencana, makanan, dan juga pertanian serta pendidikan.

Manakala bidang-bidang yang biasanya disebutkan tentang kewujudannya di Negeri Selangor adalah berkenaan pembangunan sosial, pembangunan kebudayaan dan persekitaran, pembangunan pembinaan, keselamatan alam sekitar, perniagaan runcitan, serta bidang-bidang teknologi dan juga *Islamic Fest*. Ini antara bidang-bidang yang diberi perhatian dan tumpuan. Jika bidang-bidang ini dipohon oleh mereka kita akan cuba pertimbangkan. Terima kasih.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalan tambahan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Saya hendak timbulkan isu ini adalah bukan masalah keluarga atau anak saya, tapi ia adalah satu perkara pentingnya dasar. Dia hari ini berada di London, tiga minggu dia balik daripada London. Sebenarnya kenapa cepat sangat dia di London, rupanya dia telah ditugaskan oleh Parlimen untuk menghadiri kursus dan pembentangan kertas kerja. Hebat potensi dia. Dia banyak menulis di surat khabar dan menulis banyak di majalah. Jadi bila dia pergi, saya tanya. Apa. Balik hari kali pertama dia pergi saya difahamkan dia kata telah ditawarkan untuk PhD. Pada kali pertama dia ditawarkan oleh PhD di Sussex U. Kali ini selepas gap 3 tahun dia balik, 5 tahun dia balik *first master* dia, mereka tawarkan mereka. *The same school, Sussex U, sebagai number one school in human right*. Mungkin kita tidak perlu itu. Yang penting dia adalah anak Selangor, lahir di Selangor (Hulu Kelang), pastu dia berada dengan keadaan begitu. Dia *offer* kali kedua oleh Malaysia, ialah dia buat oleh MARA. Jadi MARA kata besar kemungkinan...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalannya Hulu Kelang?

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalannya, apakah dasar kita sebenarnya, 'Brain Bank' kali pertama kita buat adalah untuk kita mendapatkan ramai anak-anak yang berpotensi. Kedua ini, apa beza ia ni, saya hendak minta penjelasan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Adakah ini dapat di manfaatkan oleh seluruh anak Selangor yang ada?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih. Saya. Mungkin permohonan-permohonan yang dibuat dengan libat/rujuk oleh Yang Berhormat Hulu Kelang tadi adalah permohonan-permohonan yang dilakukan sebelum ini. Memang komuniti atau jawatankuasa ataupun panel pemilihan Selangor 'Brain Bank' itu kebanyakannya adalah profesor-profesor Universiti yang akan mengkaji dan akan melihat apakah kertas cadangan ataupun *qualitycian* ataupun pengalaman yang dipamerkan atau yang ditonjolkan oleh setiap calon-calon yang memohon Brain Bank. Ia hampir-hampir sama dengan jawatankuasa *dissertation* bagi setiap PhD yang ingin sampai ke peringkat *viva* sebenar. Sebab itu, saya telah mengubah komuniti dan jawatankuasa ini supaya ia lebih melihat dengan *futuristic* dan melihat dengan lebih terbuka supaya kita menilai sekarang ini sudah di peringkat menengahlah. Kalau dulu kita banyak melihat mereka yang berada di Ijazah Pertama ataupun di Ijazah Kedua, sama ada mereka ini layak di peringkat PhD. Ataupun apakah peringkat PhD yang mereka ingin pohon pada ketika itu. Justeru saya percaya apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi adalah permohonan yang dirujuk

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

beberapa tahun yang lepas yang telah ditolak tetapi permohonan itu memang sepenuhnya ditentukan oleh panel tersebut. Yang mana saya lihat panel tersebut, *purely academician* secara keseluruhan adalah para akademik. Akademia yang memberikan penilaian-penilaian mereka berdasarkan kecenderungan mereka. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan tambahan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, tahniahlah kepada Program Bitara yang mengambil kira pelajar-pelajar di peringkat menengah ini untuk dikenal pasti sebagai input kepada Brain Bank ini. Adakah Kerajaan Negeri juga mengambil kira bagaimana di peringkat Kerajaan Negeri ini menjadikan satu platform untuk kita bukan sahaja mengenal pasti, memberikan satu program kepada mereka supaya mereka ini juga boleh terlibat dalam program yang akhirnya mereka ini menjadi Brain Bank kepada Negeri Selangor terutamanya di sekolah-sekolah yang di bawah Kerajaan Negeri ya, seperti MITS. Mereka ini adalah *cream of the cream* yang terpilih, mungkin juga di peringkat Universiti. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat, memang akhirnya Brain Bank ini kita tidak hendak ada *drain bank* ataupun kehilangan, *blank bank* Brain Bank yang berlaku. Sebenarnya itu adalah kaunter Brain Bank yang berlaku apabila mereka belajar di luar negara ataupun mereka mendapat pendedahan di luar negara, mereka tidak mahu pulang. Jadi apakah kita syaratkan dengan pemilik-pemilik ataupun penerima-penerima Program Bitara ataupun program Brain Bank kita ini. Mereka perlu pulang dan berbakti ke anak syarikat kita ataupun Kerajaan Negeri ataupun atas kelulusan Kerajaan Negeri. Sebagai contoh kalau beliau dalam bidang perubatan kita tidak ada mempunyai hospital lagi. Klinik yang kita ada hanyalah 17 klinik sahaja. Jadi, jika beliau hendak berkhidmat sebagai pakar bedah, nak bertugas di Hospital Sungai Buloh dan sebagainya, kebenaran itu kita akan berikan, itu yang pertama.

Yang kedua, pencapaian-pencapaian yang disebutkan oleh Sijangkang tadi memang kita sedang lakukan dengan rapat terutamanya oleh Yayasan Selangor. Kita bukan sahaja mendekati asrama-asrama Yayasan Selangor sekarang. Kita juga mendekati Maktab Rendah Sains MARA (dengan izin) ataupun MRSM. MRSM ini juga kita ada *attachment*. *InsyaAllah* saya menerima pandangan Yang Berhormat Sijangkang. mungkin kita boleh *explore* pula MITS. Sekarang ini MITS ini mempunyai pelajar-pelajar yang dikelolakan sendiri oleh Jabatan Agama Islam, Bahagian Pendidikan. Dan, biasanya mempunyai pelajar-pelajar yang cemerlang. Terima kasih.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Soalan berikutnya. Permatang.

Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, soalan saya nombor 50.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : JELAJAH JOB FAIR SELANGOR

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Bagaimakah sambutan yang diterima dalam program Jelajah Job Fair Selangor?
- Apakah jenis pekerjaan yang ditawarkan dan menjadi tumpuan utama pemohon?
- Berapakah jumlah pemohon yang berjaya mendapat pekerjaan dalam program Jelajah Job Fair Selangor setakat ini?

JAWAPAN :

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Permatang, berkaitan Jelajah Job Fair. Pelaksanaan Program Jelajah Selangor (*Job Fair*) adalah diantara usaha Kerajaan Selangor dalam menyediakan platform serta ruang kepada masyarakat untuk mendapatkan pekerjaan sesuai dengan kaedah mengawal pengangguran di bawah kadar 4%. Pada tahun 2021, ada enam (6) program Selangor *Job Fair* yang telah berjaya dilaksanakan di lima (5) lokasi berbeza iaitu Shah Alam, Kuala Selangor, Kuala Kubu Bharu, Hulu Langat dan Sungai Buloh. Penganjuran program ini pada tahun 2021 adalah bersesuaian dengan S.O.P yang telah dikenakan oleh MKN dan dengan sebab itulah kehadiran pada waktu itu agak terhad. Walau bagaimanapun pada 2021 kehadiran yang telah direkodkan yang telah berdaftar sebanyak 2,726 berdaftar untuk mendapat pekerjaan, daripada ini 1,178 telah diterima sebagai temu duga kedua, manakala 716 telah diterima untuk bekerja pada *Job Fair* 2021. Pada tahun 2022, kita selaras dengan kelonggaran pergerakan PKP kita telah mengadakan *Mega Job Fair* yang telah mendapat sambutan yang sangat baik telah kita adakan pada 11 dan 12 Jun 2022 di Pusat Konvensyen MBSA. Pada 2022 jumlah tawaran pekerjaan adalah sebanyak 20,490 peluang pekerjaan. Kehadiran mereka yang berdaftar

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

seramai 8,201 jumlah temu duga yang dijalankan adalah pada 3,601, jumlah yang diterima bekerja adalah seramai 1,996 iaitu 55% daripada kehadiran yang diadakan pada waktu itu.

Soalan seterusnya adalah apakah jenis pekerjaan yang ditawarkan dan menjadi tumpuan pemohon. Jenis-jenis pekerjaan yang ditawarkan merangkumi pelbagai sektor, bermula daripada peruncitan, pembuatan, makanan dan minuman dan pelbagai sektor yang lain. Jenis pekerjaan yang menjadi tumpuan utama adalah dalam bidang kejuruteraan ataupun *engineering*. Banyak pekerjaan-pekerjaan yang ditawarkan bermula daripada serendah-rendah daripada juruwang sehingga ke peringkat professional dalam *Job Fair* tersebut. Jadi banyak senarai dan kalau Yang Berhormat berminat saya boleh hantar pada Yang Berhormat kemudian senarai mengikut syarikat-syarikat yang hadir dalam *Job Fair* kita 2022. Walau bagaimanapun pada akan datang ini *Job Fair* kemungkinan dalam bulan September atau Oktober kita nak memberi fokus kepada peluang pekerjaan yang sedia ada dan ditambah memberi fokus kepada dalam bidang perhotelan. Saya akan berbincang dengan Yang Berhormat YB Hee, Kajang untuk kita laksanakan permintaan untuk mereka dalam bidang perhotelan dan peluang pekerjaan dalam bidang sukan. Mereka yang kelulusan dalam bidang sukan, kita akan perbanyakkan sektor-sektor sukan dalam *Job Fair* kita yang akan datang pada kali ini. Disamping itu Yang Berhormat ada juga cadangan dan permintaan daripada Persatuan Orang Buta untuk membantu mereka mendapat pekerjaan. Ini sedang kita menghalusi bagaimana cara yang terbaik untuk kita mendekati Golongan Orang Buta (OKU) ini untuk kita sama-sama bantu dalam *Mega Job Fair* yang akan dating dijangka dalam bulan 9 atau 10 yang akan datang ini.

Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN : Soalan tambahan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN : Okay *Job Fair* kita dah adakan, adakah kategori OKU ini diterima oleh syarikat untuk berkhidmat bersama mereka.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Untuk makluman Yang Berhormat, pada 2018 atau 2019 *Job Fair* kita yang diadakan di MAEPS, di antara kita mempunyai 20 *booth* yang fokus kepada golongan OKU ini. Jadi kita tidak menolak peluang-peluang pekerjaan bantu OKU ini dan sebenarnya kalau kita bantu OKU ini di kalangan especially dikalangan adik-adik kita OKU ini kalau kita bantu sebenarnya JKM membayar *allowance* pada mereka sebenarnya. Jadi di samping kita membuka peluang mereka juga menerima *allowance*. Jadi dengan kata lain Yang Berhormat Permatang di samping pada pekerjaan yang biasa kita tawarkan OKU juga kita tudak tinggalkan dalam *Job Fair* kita.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Taman Templer. Boleh Timbalan Speaker, boleh Timbalan Speaker benarkan saya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, sila. Benar.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Terima kasih. Cuma saya nak tanya dengan Yang Berhormat EXCO. Tadi Yang Berhormat EXCO ada menyebutkan soal berkaitan dengan 5, 6 Program Job Fair ni. *Job, Job, Job* apa kah?. Yelah kadang-kadang. Kita belajar pondok je yang itu. Cuma nak tahu, yang datang daftar ini, yang datang cari kerja ini. Kita nak tahu daripada negeri-negeri berhampiran ni, maksudnya daripada Perak, daripada Kedah, daripada Kelantan daripada Negeri Sembilan. Maksudnya selain manfaatnya diperolehi oleh masyarakat dan juga warga di Negeri Selangor, kita nak tahu juga maksudnya bila kita mengadakan program di Negeri Pakatan Harapan ini maksudnya manfaatnya turut diperolehi oleh masyarakat dan juga warga daripada luar Negeri Selangor. Kita nak minta sedikit komen ataupun pandangan daripada Yang Berhormat EXCO. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Jangan marah Yang Berhormat Templer. Memang setiap...

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Bukan marah, bukan marah sebab baju warna merah ini lain macam. Lainlah macam Sabak dia baju warna biru, koboi.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Yang Berhormat Taman Templer, *Job Fair* Selangor ini menarik perhatian daripada mereka seluruh negara sebab itulah pada waktu kita menganjurkan *Job Fair* ini. Mereka hadir sejaugh utara Perlis dan ada juga daripada Selatan tanah air kita hadir bersama-sama. Tak usah ceritalah, yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ada gerombolan daripada Terengganu datang minta *Job Fair* itu. Itu kita rai juga la. Tetapi nak ceritakan bahawa *Job Fair*, *Mega Job Fair* Selangor kita ini adalah tumpuan daripada semua mereka di kalangan masyarakat pelbagai lapisan, pelbagai tempat. Ia saya setuju dan kita ada laporan yang mengatakan mereka datang jauh daripada semua negeri untuk bersama-sama dalam *Job Fair* kita.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bandar Utama.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Terima kasih Timbalan Tuan Speaker. Bandar Utama ingin mendapatkan pencerahan sekiranya Kerajaan Negeri selain daripada usaha *Job Fair*, adakah untuk pemohon-pemohon OKU, kita ada kumpulkan data ataupun informasi mereka sekiranya sebagai contoh ada peluang pekerjaan selepas itu kita

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

boleh mendapat kembali info-info pemohon-pemohon OKU. Kenapa Bandar Utama bertanya sedemikian adalah kerana kebanyakan pemohon OKU kadangkala menghadapi kesukaran untuk mendapatkan kerja, lebih banyak berbanding dengan pemohon-pemohon biasa. Jadi sekiranya Kerajaan Negeri mempunyai data sedemikian jadi sekiranya ada syarikat-syarikat ataupun agensi dalam Kerajaan Negeri yang membuka ruang untuk pekerja OKU kita boleh terus mendapatkan maklumat mereka. Jadi Bandar Utama ingin mendapatkan pencerahan, adakah kita mempunyai pengumpulan data sedemikian, terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Di peringkat diporfolio saya belum ada Yang Berhormat. Tetapi kerjasama kita adalah dengan persatuan, sama ada Persatuan Orang Buta, Persatuan Orang Cacat dan pelbagai. Mereka ini yang mempunyai data dan ahli-ahli mereka yang tersendiri. Walau bagaimanapun, saya akan mohon daripada Yang Berhormat Dr. Siti Mariah, Kesihatan yang menjaga OKU barangkali ada data yang boleh kita bekerjasama program itu nanti dan saya akan sampaikan pada Yang Berhormat kemudian.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan berikutnya, Balakong.

Y.B. PUAN WONG SIEW KI : Terima kasih Tuan Speaker, soalan Balakong nombor 51.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PELABURAN ASING DI SELANGOR

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi kerajaan untuk menarik lebih banyak lagi pelaburan asing di Selangor terutamanya pelabur-pelabur dari negara China?

JAWAPAN :

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Timbalan Speaker Kerajaan Negeri Selangor mengambil langkah proaktif dalam menarik pelaburan asing ke Selangor. Ketika sempadan Malaysia masih ditutup, Invest Selangor telah mengadakan beberapa siri

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

webinar untuk bertemu dan berinteraksi dengan pelabur - pelabur asing di rantau yang merupakan sumber pelaburan yang penting untuk Negeri Selangor.

Bagi tahun 2021, Kerajaan Negeri melalui agensi pengalakkan negeri telah menganjurkan beberapa program webinar seperti berikut;:-

| BIL | PROGRAM | OBJEKTIF |
|--|--|--|
| SELANGOR INVESTMENT MISSION (WEBINAR) | | |
| 1. | Webinar bertajuk 'How Selangor, The Golden State of Malaysia is Thriving as the ASEAN Business Hub' pada 12hb Mac 2021 (Hong Kong) | Program secara maya ini adalah anjuran bersama Invest Selangor dan Asia CEO Community, Hong Kong. Seramai 55 ahli persatuan iaitu pengurusan syarikat-syarikat Hong Kong telah menyertai <i>webinar</i> ini. |
| 2. | 'Online Business Matching for Selangor & Ningbo Enterprises' pada 8hb April 2021: (China) | Untuk mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan sewaktu PKP, sesi <i>Business Matching</i> secara maya diadakan dimana 6 syarikat Selangor bertemu dan berbincang dengan 13 pengimport daripada Ningbo, China. |
| 3. | The Belt and Road Summit 2021 pada 1hb – 2hb September 2021; (Hong Kong) | Objektif penyertaan program ini ialah mempromosikan Negeri Selangor dan mencari pelabur yang berpotensi melalui program tahunan yang dianjurkan oleh Hong Kong Trade Development Council (HKTDC). Sejumlah 13 mesyuarat diadakan sepanjang program ini dan tindakan susulan diambil oleh Invest Selangor untuk memperkenalkan syarikat yang bersesuaian agar menerokai peluang perniagaan dan pelaburan. |
| 4. | The Asian Logistics, Maritime and Aviation Conference (ALMAC) pada 2hb – 3hb November 2021. (Hong Kong) | Invest Selangor menjadi salah satu penaja program yang dianjurkan oleh Hong Kong Trade Development Council (HKTDC). Satu rakaman video bertema 'Investment Opportunities in Halal Logistics in Selangor' oleh Dato' Hasan Azhari Hj. Idris, Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor, diletak di laman web rasmi sepanjang program ini. Selain dari itu, ISB iaitu Invest Selangor |

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

| | | |
|--|--|--|
| | | berpeluang membuat kempen promosi Selangor di booth maya serta berhubung dengan pelabur-pelabur berpotensi dari seluruh dunia. |
|--|--|--|

Bagi meneruskan program promosi bagi tahun 2022, program webinar bertajuk '*Explore Selangor, the Golden State of Malaysia*' pada 26hb April 2022. Webinar ini adalah bertujuan bersama adalah anjuran bersama Invest Selangor dan MIDA Shanghai, Guangzhou dan Beijing. Rakan strategik termasuk MAYCHAM Greater-Bay-Area dan MAYCHAM Hong Kong & Macau. Sejumlah 77 orang dari Malaysia dan China telah menyertai webinar ini. Selain itu, program misi pengalakkan pelaburan ke China yang telah dirangka akan dilaksanakan setelah sempadan negara China dibuka kelak. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan berikutnya, Lembah Jaya.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Soalan Lembah Jaya nombor 52.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA (N20 LEMBAH JAYA)

TAJUK : PENYELESAIAN ISU HAKMILIK STRATA

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana penyelesaian /pendekatan Kerajaan Negeri dalam isu pemberian hakmilik strata kepada pembeli-pembeli yang menunggu lebih sepuluh tahun dan lebih?

JAWAPAN:

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Lembah Jaya, Timbalan Speaker untuk makluman semua Yang Berhormat. Semakan oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) mendapati bahawa kesemua permohonan hakmilik strata yang dikemukakan dengan lengkap telah diproses mengikut tempoh yang ditetapkan seperti yang terkandung di dalam piagam pelanggan dan prosedur operasi standard (SOP) semasa PTGS. Namun begitu, Kerajaan Negeri mengambil maklum dan komited dalam menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan skim pembangunan berstrata yang masih

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

belum mempunyai hakmilik. Hasil daripada aduan orang awam serta maklumat daripada pihak Pesuruhjaya Bangunan (COB), satu pasukan petugas khas (*task force*) telah diwujudkan bagi menyelesaikan permohonan hakmilik strata yang bermasalah di Negeri Selangor. Selain itu, pihak Kerajaan Negeri melalui PTGS boleh mengambil tindakan di bawah seksyen 8, Akta Hakmilik Strata 1985 terhadap mana-mana pemilik asal tanah atau pemaju yang gagal untuk mengemukakan permohonan hakmilik strata mengikut tempoh yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, kelulusan permohonan hakmilik strata tersebut adalah tertakluk di bawah seksyen 10, Akta Hakmilik Strata 1985.

Untuk makluman Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang telah dilakukan oleh pasukan petugas ataupun (*task force*) di PTGS adalah;

- (1) Membantu menyenaraikan skim – skim strata yang belum mendapat strata di Negeri Selangor;
- (2) Membantu dan menyelaras proses – proses yang perlu dalam permohonan hakmilik strata;
- (3) Mengenalpasti masalah dan isu yang berkaitan dengan skim – skim yang tidak mempunyai strata;
- (4) Membuat pemantauan terhadap skim – skim strata yang bermasalah; dan
- (5) Melaksanakan tindakan penguatkuasaan seperti yang tertakluk di bawah seksyen 8, Akta Hakmilik Strata 1985.

Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Soalan tambahan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Lembah Jaya.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Apakah pendekatan Kerajaan Negeri bagi pemajuan yang pemilik tanahnya telah pun tiada pemajunya telah gulung tikar tetapi tidak ada penyelesaian kepada situasi demikian. Kedua adakah Kerajaan Negeri akan mewujudkan satu tabung bagi membantu meringankan bebanan bagi mereka yang ingin mendapatkan pemilikan strata ini kerana mereka terpaksa membayar denda dan sebagainyalah. Melibatkan kos yang amat tinggi. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Biasanya kalau dalam situasi-situasi yang berkenaan kita akan berurusan dengan likuidator. Likuidator mereka yang akan mengambil alih daripada penggulungan syarikat-syarikat terbabit supaya akhirnya kita dapat menyelesaikan pemilikan strata. Ada saat-saat tertentu kadang-kadang

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

penggulungan itu pun dah tidak ataupun likuidator yang dipilih pun juga akan bertukar-tukar. Ini normalisasi dalam pengurusan rumah hak milik strata terutamanya perumahan yang dibangunkan sebelum-sebelum ini. Dan akhirnya Kerajaan Negeri akan mengambil beberapa keputusan. Antara keputusan yang pernah diambil oleh pihak Kerajaan Negeri adalah meng-wavekan ataupun melupuskan beberapa cagaran-cagaran tertentu atau bayaran-bayaran tertentu supaya pemilikan hak milik strata itu dapat selesai. Kalau tidak silap saya, kita selesaikan satu kes di Kelana Jaya. Apabila pemajunya telah keluar tetapi penyelesaiannya tidak ada sepatutnya caj itu dikenakan kepada Pemaju, Pemaju dah selesai, dah gulung dan kita, dan akhirnya jadi mangsa adalah pemilik-pemilik perumahan itu. Apa yang kita buat, kita *waive* yang sebenarnya seperti *benefit* kepada pemaju tetapi ia juga memberi peluang kepada pemilik-pemilik hartanah tersebut. Namun kita akan semak kes ini, kes *by* kes sebab kita tak boleh nak membiayai yang menjadi kewajipan kepada pemaju. Sekarang kita kena letakkan beberapa syarat tertentu supaya perkara-perkara ini tidak lagi berlaku tetapi ini berlaku sebab pembangunan-pembangunan yang dilakukan pada tahun 90an.

Itu baru ada satu (1) sahaja yang lain kita tak kan buat lagi ataupun kita akan semak kes *by* kes kerana dia akan *repeat*, dia akan mengulang masalah-masalah yang akhirnya pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab telah menjana dan menikmati keuntungan tertentu tetapi tidak menyelesaikan urusan dengan Pejabat Tanah dan Daerah sebagai contoh untuk menyelesaikan lot-lot ataupun untuk menyelesaikan proses pemberimilikan strata yang harus dilengkapkan. Kadang-kadang kos ini agak tinggi dan akhirnya tertimpak balik kepada pemilik-pemilik.

Bagi Pihak Kerajaan Negeri mungkin kita tak buat dana lah. Tetapi dalam saat-saat tertentu seperti caj-caj tertentu itu kita boleh ambil keputusan untuk di*waive*kan. *Waive* itu akhirnya akan memberi manfaat kepadanya kerana mereka tidak perlu membayar ataupun mereka hanya membayar sebahagian kecil daripada kos yang sepatutnya. Kita memang agak kasihan kepada sebahagian pembeli-pembeli ini yang telah ditipu, diperdaya dan dimanipulasi oleh Pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab ini tetapi biasanya Pemaju-pemaju yang ada ini kadang-kadang mereka ini berselindung di atas nama-nama baru. Mereka menggunakan satu *company* JV baru dan sebagainya untuk satu pembinaan kemudian digulungnya *company* itu dan digulingkan dan akhirnya yang mendapat kesan adalah pemilik-pemilik strata tersebut. Terima kasih Yang Berhormat cukup faham lah tu.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Soalan Tambahan. Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya. Lembah Jaya.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Adakah kerajaan akan menggunakan model yang sukses tadi yang dikatakan satu (1) kes yang telah diselesaikan dengan melupuskan ataupun mengecualikan pembayaran, *certain charges*, itu pertama. Kedua, memang pendekatan ataupun kaedah yang digunakan syarikat-syarikat yang menggunakan anak, membuka syarikat baru untuk melaksanakan pembangunan kemudian mereka lari daripada tanggungjawab. Adakah Kerajaan Negeri akan menyenaraihitamkan mereka yang telah melakukan tindakan seperti ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih. Sukses yang saya cerita tadi tu *very specific* dan kes yang perlu kita tidak boleh jadikan sebagai satu kaedah-kaedah yang am ya. Kalau kita gunakan kaedah itu, nanti kesannya orang akan gunakan ruangan itu untuk menggunakan kaedah yang sama mereka menikmati keuntungan, dia tak ambil tanggungjawab dan akhirnya tak selesai. Kita tak boleh nak *replicate* itu kepada semua tempat Yang Berhormat. Kalau kita cetak ulang kaedah yang saya sebutkan tadi maknanya banyak lagi hal yang akan berlaku dan banyak lagi di mana depan orang akan tunjuk ini sebagai *president*. Keputusan Kerajaan Negeri juga sangat *specific* pada ketika itu ia hanya merujuk kepada kes ini dan kes ini tidak boleh lagi diulang pada tempat lain ataupun *replicate* dan ia hanya dirujuk kepada kes *by* kes isu. Ataupun hal-hal yang merujuk setiap kes supaya ia tidak memberikan kesan kerana dana yang sepatutnya dibayar itu sepatutnya dinikmati ataupun diperolehi oleh Pejabat Tanah ataupun Majlis Tempatan dan sebagainya tapi tidak dapat. Akhirnya kita tidak dapat menyediakan fasiliti ataupun kemudahan yang lebih baik sebagaimana yang sewajarnya kita miliki.

Namun begitu, kita juga cuba menilai kalau pada kes-kes yang tertangguh lama, hah kes-kes yang tertangguh lama mungkin kita boleh tengok balik. Saya minta Yang Berhormat EXCO Perumahan untuk menyemaknya kembali ataupun Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor boleh menyemaknya kembali supaya kita boleh selesaikan masalah tertunggak tetapi jangan masalah tertunggak ini boleh dijadikan contoh supaya ada Pemaju JV tadi melalaikan ataupun khianat terhadap tindakan yang sepatutnya mereka buat ataupun tanggungjawab yang sepatutnya mereka laksanakan. Itu yang pertama.

Soalan kedua, berkenaan dengan senarai hitam, KPKT sedang membuat cadangan untuk meminda Akta Pengurusan Strata supaya MOT dibayar semasa pembelian hartanah strata. Hah ini adalah contoh yang akan diambilkan oleh KPKT dan dalam masa yang sama KPKT sedang membuat cadangan untuk meminda Akta Pengurusan Strata supaya MOT, maaf, betul lah dua kali ditulis, dua kali saya baca (ketawa).

KPKT sedang pinda undang-undang Akta Pemilik Pengurusan Strata di mana MOT yang sepatutnya dibayar ini dibayar di peringkat awal. Kalau kaedah ini diluluskan kerana ia di

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

bawah Akta, dia akan lebih baik dan akan mengurangkan risiko tu dan mengelakkan kelewatan pemilikan strata.

Soalan kedua Yang Berhormat, adakah penyenaraihitam? Ya. Kita bukan hanya senarai hitam nama *company* itu tapi kita akan sampai kepada pemegang-pemegang saham dan juga ahli-ahli lembaga pengarah untuk tanggungjawab itu dipikul bersama sampai mereka mampu *ractify* kalau mereka ada projek-projek lain ataupun mereka ingin membangunkan di Negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Pelek.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIIEW : Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana memberi penjelasan yang lengkap. Saya hendak tahu pandangan Yang Amat Berhormat. Apa salahnya kalau kita nampak ada kes yang lama sangat, 10 tahun, 20 tahun tapi yang tak boleh selesai. Pada masa yang sama, saya faham lah kita tak boleh bagi pemaju yang buat salah itu lari begitu jugak. Tapi apakah salahnya Kerajaan Negeri gunakan kuasa yang kita ada untuk menyelesaikan masalah rakyat dulu bagi mereka *strata title* dulu, lepas tu kita terus, kita, kita, kemudian kita terus mencari ya Pemaju-pemaju yang bersalah itu. Dengan cara ini dia akan jadi lebih adil kepada pembeli kerana pembeli bukan mereka yang salah jadi itu, apa salahnya Kerajaan boleh buat begitu. Pandangan Yang Amat Berhormat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat, salahnya ialah apabila tindakan itu kita buat sebagaimana yang pengecualian MOT sebagai contoh terhadap apa yang sepatutnya yang menjadi tanggungjawab Pemaju yang menikmati laba dan juga nikmat yang besar adalah Pemaju kerana Pemaju-pemaju ini *enjoy* dengan kewangan yang mereka nikmati, gunakan perbelanjaan sampai satu tahap tanggungjawab mereka tu mereka tak tunaikan kesan kepada penduduk.

Kita akan bantu penduduk. Sudah pasti. Kerajaan Negeri tidak akan menyita bangunan penduduk tu, itu sudah pasti. Kita tidak akan mengambil dengan sikap kejam untuk menyita tu tapi kita akan kerjakan Pemaju ini dulu supaya mereka melaksanakan tanggungjawab sebab itu Pesuruhjaya Bangunan sebagai contoh merupakan antara badan yang akan mengenal pasti senarai Pemaju-pemaju ini dan akan mendapatkan maklumat-maklumat ini. Memang niat kita nak bantu sebab itu kita ada contoh tadi tapi contoh yang saya sebut tadi, satu (1) kes itu kita akan buat kalau ia boleh dan perlu kalau ia sudah terlalu lama sebahagian *boardnya* juga telah meninggal dunia dan sebagainya kerana ia telah melibatkan kos yang sangat besar ya. Sebagai contoh pengeluaran hak milik strata ia memerlukan satu kos bayaran upah untuk ukur peta strata, pelan strata.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Ini bukan satu benda yang mudah, kadang-kadang pemaju-pemaju ini dia keluar, dia tinggalkan semua, kosong, zero tak ada apa. *Deserted*, tak ada masalah apa dan bayaran ukur tidak dapat dikecualikan. Maknanya Kerajaan Negeri kena bayar melibatkan bayaran ukur tersebut kalau kita nak selesaikan hal tersebut. Mungkin boleh tetapi bayaran-bayaran lain juga macam mana? Dan kosnya sangat besar sebab ia melibatkan setiap petak yang ada di dalam bangunan-bangunan berstrata ataupun bangunan *highrise* dengan izin atau bertingkat. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan berikutnya, Sungai Air Tawar.

Y.B. DATUK RIZAM BIN ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Soalan saya No. 53.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. DATUK RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : INFLASI HARGA BARANG

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah yang diambil Kerajaan Negeri untuk rakyat yang berdepan dengan inflasi harga barang di Selangor?
- b) Apakah penambahbaikan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan petani dan penternak yang menghadapi inflasi tidak terjejas?

JAWAPAN :

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Maaf lah tadi. Jawab strata-strata, inflasi naik lupa. Yang Berhormat Sekalian. Kerajaan Negeri bersama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan harga barang di pasaran adalah berpatutan. Antara usaha-usaha yang diambil dan akan dipertingkatkan ialah melaksanakan penguatkuasaan tegas di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

Penguatkuasaan terhadap Pencatutan atau pengambilan untung secara tidak munasabah oleh peniaga di bawah Peraturan Kawalan Harga dan Anti Pencatutan mekanisme untuk

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

menentukan keuntungan yang tinggi yang tidak munasabah 2018 yang mula dikuatkuasakan pada Jun 2018.

Kedua, pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih agresif meliputi seluruh rantaian pengedaran barang dan perkhidmatan seluruh negara di bawah Operasi Catut 9.0 bermula pada 7 Januari 2022. Operasi ini telah menggerakkan semua anggota penguatkuasaan Kementerian seluruh negeri bagi membendung isu kenaikan harga barang di pasaran. Pengeluaran notis bertulis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan dan Anti Pencatutan 2011 ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga yang tidak munasabah bagi mendapatkan maklum balas dan penjelasan secara bertulis atas kenaikan harga barang tersebut sekiranya wujud elemen pencatutan, tindakan perundangan boleh diambil di bawah Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan.

Yang seterusnya, penguatkuasaan perintah penandaan harga barang dan caj bagi perkhidmatan 2020 yang mewajibkan peniaga mempamerkan harga barang dan perkhidmatan mereka ke atas perkhidmatan dan barang yang dijual. Pelaksanaan skim harga maksimum musim perayaan bagi mengawal harga barang dan keperluan tertentu dan yang seterusnya penetapan harga maksimum bagi gula pasir putih bertapis, pelitup muka ataupun *face mask*, gas petroleum cecair LPG, petrol ron 95, diesel, tepung gandum untuk kegunaan am, minyak masak kampit 1 kilo, bagi memastikan harga dijual tidak melebihi harga yang ditetapkan namun Kementerian akan memperluas kawalan ke atas barang keperluan lain mengikut keadaan dan keperluan. Mengadakan sesi libat urus bagi memberikan penjelasan khidmat nasihat kepada mereka yang terlibat.

Yang ketiga, melaksanakan langkah kolaborasi bersama dengan agensi Kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Pertanian dan memastikan bekalan yang mencukupi dan ditawarkan pada harga yang munasabah. Meningkatkan keberadaan pegawai-pegawai penguat kuasa di lokasi-lokasi tumpuan dan yang terakhir memudahkan rakyat mengemukakan aduan melalui saluran media di Kementerian seperti Aplikasi WhatsApp, KPDNHEP 019-2794317, Portal e-Aduan, Aplikasi Telefon Pintar EZ Adu, Talian Hotline KPDNHEP 1800 800 86 800 dan hadir sendiri ke mana-mana pejabat KPDNHEP yang berhampiran.

Bagi membantu golongan petani, penternak yang menghadapi inflasi tidak terjejas Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) Pemberian dan bantuan intensif secara berterusan dengan memberikan penumpuan kepada bantuan bagi mengurangkan kos pengusaha seperti pemberian input-input tanaman seperti benih dan juga pemberian makanan ternakan kesan daripada peningkatan kos sehingga 25 hingga 100%.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

- (ii) Menambah lokasi-lokasi jualan secara terus hasil segar melalui Program Agro Prihatin seperti Selangor Agro Market dan Program Ihsan. Pada kadar harga jualan yang lebih baik yang masih rendah berbanding dengan jualan kepada orang tengah.

Ini sebagaimana jawapan saya pada Semenyih tempohari dan makna kita telah laksanakan lebih 53 DUN pada musim perayaan lebih 8. Kita dah jual lebih daripada 63,000 paket-paket minyak masak. Kita dah jual lebih daripada 123,000 ekor ayam dan ini telah mampu mengurangkan kesan pengusaha di kalangan masyarakat kita. Walau bagaimanapun dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu pada ketika ini Kerajaan Negeri cuba sedaya upaya mengurangkan kesan akibat inflasi yang telah mula dirasai oleh semua golongan termasuk petani dan penternak.

Di Negeri Selangor terdapat lebih 50 ribu pengusaha telah berdaftar dengan jabatan dan agensi bidang berkaitan di sektor pertanian termasuk petani, penternak, nelayan dan pengusaha industri asas tani, serta penjual hasil pertanian yang terkesan. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan berikutnya, Sungai Ramal

Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker.
Soalan saya nombor 54.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR (N26 SUNGAI RAMAL)

TAJUK : TAMAN MINI SELANGOR

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Melaka mempunyai Taman Mini Malaysia. Alangkah baiknya jika Selangor mempunyai Taman Mini Selangor mewakili 9 Daerah dalam Negeri Selangor yang memaparkan seni budaya, juadah, permainan rakyat, warisan dan lain-lain lagi sebagai daya tarikan pelancong. Bilakah Taman Mini ini dapat direalisasikan?

JAWAPAN :

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Tuan Speaker. Buat masa ini KN belum mempunyai cadangan untuk mewujudkan Taman Mini Selangor. Beberapa faktor perlu dikaji sebelum pelaksanaan projek-projek seumpama ini. Antaranya ialah isu tanah, peruntukan kewangan, pengangkutan awam serta daya tahan projek ini. So, bagi memastikan sebarang projek ialah benar-benar memberi impak kepada pembangunan.

Walau bagaimanapun terdapat beberapa buah pusat kebudayaan yang telah mewujudkan, memaparkan seni budaya, permainan rakyat dan juga warisan sesuatu kaum atau tempat seperti berikut:

1. Royal Klang Heritage Walk
2. Muzium Mini Sabak Bernam
3. Perkampungan Budaya Mahmeri Pulau Carey
4. Bukit Malawati Kuala Selangor
5. Muzium Daerah Kuala Selangor
6. Perkampungan Orang Asli Sungai Rasau, Hilir Batu 14 Puchong (Suku Temual)
7. Kota Seni Petaling Jaya
8. Taman Persahabatan Selangor-Jepun, Shah alam
9. Malaysia Chinese Museum di Seri kembangan.

Sekian.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Soalan berikutnya, Sabak.

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN: Soalan saya, 55.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN (N02 SABAK)

TAJUK : STATUS MAJLIS DAERAH

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah daerah Sabak Bernam, satu-satunya daerah dalam Negeri Selangor yang masih berstatus Majlis Daerah ?
- b) Apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi menukar status Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran?

JAWAPAN :

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Tuan Speaker. Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Bil.4 Tahun 2008; Kriteria baharu naik taraf Pihak Berkuasa Tempatan memberi penjelasan dan panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan PBT berhubung kriteria baharu yang digunakan bagi permohonan naik taraf PBT. Naik taraf PBT adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 4 (2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 Akta 171 di mana Pihak Berkuasa Negeri dengan berunding dengan menteri dan Pihak Berkuasa Tempatan boleh melalui pemberitahuan dalam warta menukar taraf sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan. Antara kriteria baharu naik taraf Pihak Berkuasa Tempatan adalah jumlah penduduk dan jumlah hasil tahunan Pihak Berkuasa Tempatan.

Majlis Daerah Sabak Bernam, mempunyai jumlah penduduk seramai 132,000 orang berbanding kriteria minimum perbandaran seramai 150,000 orang. Selain itu, kutipan hasil tahunan Majlis Daerah Sabak Bernam masih rendah berbanding dengan kriteria minimum perbandaran sebanyak RM20,000 juta.

Antara rancangan jangka pendek dan jangka panjang adalah seperti berikut:

1. Membuka peluang kepada pelabur-pelabur luar untuk melabur dan membangunkan Daerah Sabak Bernam dengan projek yang berskala besar.
2. Memperbanyak lagi projek-projek perumahan, komersial dan industri di daerah untuk membuka peluang pekerja kepada penduduk setempat dan menambah hasil melalui kutipan cukai pintu.
3. Meluaskan lagi zon pembangunan dalam Rancangan Tempatan Daerah supaya tanah-tanah yang berpotensi dapat dibangunkan bagi merancakkan lagi ekonomi daerah.
4. Menaik taraf kemudahan awam dan kemudahan asas daerah.
5. Cadangan pembesaran sempadan bandar; dan
6. Merancang projek-projek strategik daerah seperti Kompleks Agropolitan Sabak, Jambatan Ke-2 Sabak – Hilir Perak dan Pusat R&D Asas Tani.

Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sabak.

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Soalan tambahan saya. Melalui rancangan jangka pendek dan jangka panjang, dijangka tahun bila Daerah Sabak Bernam akan berubah pada Majlis Perbandaran?.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Yang kedua, kami sering dipersalahkan kerana menolak cadangan untuk *parking* berbayar di Daerah Sabak Bernam menyebabkan hasil MDSB tidak meningkat. Saya nak tanya berapakah pendapatan hasil caj parkir sekiranya dilaksanakan di Sabak Bernam dalam masa satu tahun?. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Bagi soalan yang pertama, sebenarnya banyak rancangan yang telah digariskan oleh Kerajaan Negeri untuk membangunkan lagi ekonomi di kawasan Daerah Sabak Bernam. Y.B. Sabak Bernam boleh merujuk kepada buku ini (*Rancangan Selangor Pertama (RS-1)* muka surat 97. Iaitu pemacu perubahan yang keenam. Kawasan Pembangunan Sabak Bernam atau pun SABDA (*Sabak Bernam Development Area*) ini bertujuan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi daerah ini melalui 5 aktiviti teras:

1. Menambah komuniti bernilai tinggi dan meningkatkan tahap produktiviti dengan penggunaan teknologi pertanian terkini.
2. Membangunkan pertumbuhan rantaian industri serta mencipta peluang pekerja dan pasaran.
3. Membangunkan produk pelancongan yang berkaitan dengan Agropelancongan dan ekopelancongan.
4. Menarik perhatian pelabur baharu untuk membangunkan aktiviti perindustrian hiliran.
5. Membangunkan infrastruktur dan kemudahan awam.

Unjuran hasil kira-kira RM248 juta setahun daripada aktiviti teras ekonomi dan mewujudkan kira-kira 3,600 pekerja melalui pengambilan di dalam aktiviti teras ekonomi. Ini semua ada di dalam buku RS-1.

Bagi soalan kedua, saya ingin tegaskan di sini tiada kaitan langsung kutipan caj parkir dengan kenaikan taraf PBT. Dan soalan berapakah anggaran hasil yang boleh dapat daripada kutipan hasil *parking*, saya tiada maklumat itu kerana ia belum dilaksanakan. Kalau nak dapatkan anggaran, saya perlu semak dengan Majlis Daerah Sabak Bernam. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Soalan berikutnya, Hulu Bernam tidak hadir. Berikutnya, Seri Kembangan, tidak hadir.

Y.B. PUAN WONG SIEW KI : Tuan Timbalan Speaker, saya merujuk kepada Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor No. 24 (2), meminta izin daripada Tuan Timbalan Speaker untuk mengambil soalan Seri Kembangan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya benarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH
(N28 SERI KEMBANGAN)**

TAJUK : BANJIR KILAT KAWASAN BANDAR

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan dan projek yang telah atau akan dilaksanakan untuk mengatasi banjir di kawasan bandar?
- b) Adakah tindakan yang akan dilaksanakan untuk menyelesaikan isu banjir di Seri Kembangan dan Seri Serdang?

JAWAPAN :

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tungku yang mewakili bagi Yang Berhormat Seri Kembangan. Seri Kembangan bertanyakan soalan berhubung dengan isu banjir di kawasan Seri Kembangan dan Seri Serdang.

Untuk makluman yang berhormat, projek yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran untuk mengatasi banjir di kawasan Bandar Seri Serdang adalah seperti berikut:

| Bil. | Tajuk | Kos (RM) | Tarikh Mula/Tarikh Siap | Status |
|------|--|------------|--|--|
| 1. | Kerja-Kerja Membersihkan Kolam Dataran Banjir TNB dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Taman Serdang Jaya, Seri Serdang, Daerah Petaling | 199,650.00 | 24.1.2022 – 23.5.2022 Tarikh LAD Bermula: 24.5.2022 | Dalam Pelaksanaan Kemajuan Kerja: 90% |
| 2. | Kerja-Kerja Pengorekan Kolam | 336,750.00 | 25.3.2022 – 15.7.2022 | Dalam Pelaksanaan |

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

| Bil. | Tajuk | Kos (RM) | Tarikh Mula/Tarikh Siap | Status |
|---------------|---|---------------------|--|--|
| | Takungan Seri Serdang dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Taman Andalas Seri Serdang, Daerah Petaling | | Tarikh LAD Bermula: 16.7.2022 | Kemajuan Kerja: 80% |
| 3. | Kerja-Kerja Pengorekan Kolam Takungan A dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Berhampiran Taman Universiti Seri Serdang, Daerah Petaling | 341,149.00 | 25.3.2022 – 15.7.2022 Tarikh LAD Bermula: 16.7.2022 | Dalam Pelaksanaan Kemajuan Kerja: 60% |
| 4. | Kerja-Kerja Pengorekan Kolam Takungan B dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Berhampiran Jabatan Pertanian Seri Serdang, Daerah Petaling | 345,001.00 | 25.3.2022 – 15.7.2022 Tarikh LAD Bermula: 16.7.2022 | Dalam Pelaksanaan Kemajuan Kerja: 60% |
| Jumlah | | 1,222,550.00 | | |

Pemerhatian di tapak oleh pihak Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) mendapati punca banjir kilat di kawasan bandar adalah disebabkan oleh:-

1. Terdapat halangan (*blockage*) di jajaran sistem saliran terutamanya di dalam *culvert*.
2. Saiz longkang dan *culvert* sedia ada di tapak tidak mampu menampung kadar aliran semasa hujan lebat.

Pihak MBSJ akan menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan tersebut melalui kaedah penyelesaian seperti berikut:-

1. Projek Penyelenggaraan Secara Tahunan
Penyelenggaraan sistem saliran melalui kontrak penyelenggaraan tahunan semasa.
2. Projek Sebut Harga One Off

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Projek menaiktaraf sistem saliran terutamanya kawasan *hotspot* banjir kilat.

Berdasarkan pemerhatian oleh pihak MBSJ, isu banjir di kawasan Seri Kembangan dan Seri Serdang secara keseluruhannya adalah berpunca daripada keamatian (intensiti) hujan yang tinggi menyebabkan paras air Sungai Kuyoh serta anak sungainya (Anak Sg. Kuyoh, Sg. Rekah, Sg. Pati Liat dan Sg. Jinma) tinggi dan melimpah ke kawasan yang rendah.

Bagi cadangan jangka panjang, pihak JPS kini sedang melaksanakan projek pembangunan seperti berikut:-

| Bil . | Tajuk | Kawasan Terlibat | Anggaran Kos (RM) | Sumber Peruntukan | Status | Jangka Tender Kerja | Anggaran Tempoh Projek |
|-------|---|--|-------------------|--------------------------|--|-----------------------|------------------------|
| 1. | Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Kuyoh, Selangor | Seri Kembangan SK Seri Serdang, Taman Seri Serdang, Taman Serdang Jaya Lebuhraya Besraya (KTM Serdang) dan Bluwater Estate Kompleks Jabatan Pertanian Serdang | 300,000,000.00 | Persekutuan | Peringkat Reka Bentuk (Laporan Konsep) | Suku Kedua Tahun 2023 | 40 bulan |
| 2. | Menaik taraf Sistem Saliran | SK Seri Serdang, Taman Seri | 15,000,000.00 | Pembangunan Negeri (P13) | Peringkat Pelantikan | Suku Keempat | 40 bulan |

| Bil . | Tajuk | Kawasan Terlibat | Anggaran Kos (RM) | Sumber Peruntukan | Status | Jangka Tender Kerja | Anggaran Tempoh Projek |
|---------------|---|---|-------------------|---------------------------------|--------------------------------|---------------------------------|------------------------|
| | Kawasan Seri Serdang | Serdang, Taman Serdang Jaya | | | Perunding | t Tahun 2023 | |
| 3. | Membina Kolam Takungan Bluewater, Seri Kembangan, Selangor | Lebuhraya Besraya (KTM Serdang) dan Bluwater Estate | 4,000,000.00 | Akaun Amanah Caruman Parit (CP) | Dalam Proses Penilaian Tender | Tarikh Tutup Tender: 7 Jun 2022 | 24 bulan |
| 4. | Menaiktaraf Sistem Saliran di Bangunan Bahagian Kejuruteraan, Jabatan Pertanian Serdang | Kompleks Jabatan Pertanian Serdang | 2,000,000.00 | Peruntukan Persekutuan JKR | Peringkat Reka Bentuk oleh JKR | - | - |
| Jumlah | | 321,000,000.00 | | | | | |

Manakala bagi isu banjir bersifat tempatan, pihak MBSJ sedang melaksanakan “Projek Pembinaan Longkang di Jalan BS 3/8 bagi Penyelesaian Banjir di Jalan BS 3/1”. Tindakan secara berterusan juga dilaksanakan bagi memastikan sistem saliran di bawah seliaan pihak MBSJ berada dalam keadaan baik bersama dengan pihak JPS. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Soalan Tambahan. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya nak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO tentang soalan (a) tentang status Projek Tebatan Banjir di Meru yang telah diluluskan dalam belanjawan sebanyak RM20 juta. Itu yang pertama.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Yang kedua, beberapa tahun lepas saya dan Yang Berhormat EXCO ada membuat perbincangan tentang nak mengatasi masalah banjir di Meru yang berkaitan dengan di Jalan Kenangan untuk *upgrade* longkang di Pekan Meru, Jalan Kenangan. Jadi saya nak tau status nya juga. Mungkin saya tahu tak boleh jawab pada ketika ini tetapi boleh beri jawapan bertulis selepas ini.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Meru. Dia tiada kaitan dengan Meru ya. Ini adalah kepada Seri Kembangan. Walau bagaimanapun, secara umumnya saya bagi tahu memang kita telah mendapat maklum pelaksanaan projek yang besar di Sungai Kapar melibatkan Sungai Kapar yang kalau tidak silap saya, mencecah RM 300 juta yang telah lulus oleh pihak Kerajaan Persekutuan, Projek Tebatan Banjir yang besar melibatkan *barrage*. Ini merupakan projek yang besar yang merupakan projek kali pertama di negara kita. Penggunaan Baraj di Sungai Kapar Besar. Jadi itu saya perlu umumkan.

Ini akan melibatkan pelaksanaan sistem tebatan banjir menyeluruh bagi kawasan Meru. Tetapi yang lain itu, yang dalaman itu sedang diusahakan yang parit-parit dalaman itu di bawah Majlis Perbandaran Klang sedang di usahakan dan saya tidak boleh beritahu spesifik tetapi sedang dilaksanakan dan juga yang lain-lain yang saya dah umumkan sebelum ini pun dalam pelaksanaan. Saya akan dapatkan secara terperinci kemudian. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Soalan berikutnya, Taman Templer.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN: Soalan saya nombor 58.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : MASJID SELAYANG PANDANG

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Proses pembinaan Masjid Baru Kg Selayang Pandang, kemajuan status pembinaan.

JAWAPAN :

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker dan Taman Templer. Ada satu (1) minit lagi. Cadangan pembinaan Masjid Selayang Pandang di tapak baharu Lot PT 11120 seluas 1.88 ekar dan tapak tambahan di Lot PT 87368 seluas 0.49 ekar telah diluluskan oleh Majlis Agama Islam Selangor melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir (JATUM) Bil. 2 /2018 yang bersidang pada 28 Jun 2018. Pembinaan Majlis tersebut dianggarkan berjumlah RM12 juta. Pihak Jawatankuasa Penaja Pembinaan Masjid belum dibenarkan untuk mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang dari pihak PBT disebabkan dana kutipan yang belum mencapai 50% daripada anggaran kos pembinaan.

Cadangan pembinaan masjid ini tidak tersenarai dalam Rancangan Pembangunan Malaysia ke-12 dan Bahagian Agihan Dan Pembangunan, UPEN perlu melihat merit keutamaan pembinaan masjid ini bagi Daerah Gombak serta merit keperluan pembinaan masjid bagi daerah-daerah yang lain untuk disenaraikan dalam RMK-13. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Yang Berhormat EXCO terima kasih di atas jawapan yang diberikan..

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Taman Templer

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Saya rasa soal berkaitan dengan masjid ni dah tidak ada masalah. Cuma isunya pula sekarang ini sebab masjid tu dah diambil, ada Sekolah Agama KAFA sebelah itu. Jadi isunya sekarang ini adalah isu berkaitan dengan Sekolah Agama KAFA itu. Sekarang ni memang lepas ni kalau andai kata sekolah tu diambil tanah sekolah tu dia ambik memang kita dah tidak ada tapak untuk kita menjadikan Sekolah Agama KAFA, saya harapkan supaya pihak Kerajaan Negeri melalui Yang Berhormat EXCO dapat mengambil perhatian soal berkaitan dengan pembinaan Sekolah Agama KAFA yang baru di Kampung Selayang Pandang.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Ya terima kasih. Nanti kita akan bagi jawapan bertulis pada Yang Berhormat.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan berikutnya Pelabuhan Klang.....

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Tuan Yang Berhormat Timbalan Speaker soalan Pelabuhan Klang No.59.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)

TAJUK : ISU PENCEMARAN SUNGAI CHANDONG PULAU INDAH, SUNGAI TENGKORAK TELOK GONG DAN SUNGAI UDANG TELOK GONG

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mencegah kejadian pencemaran sungai yang seringkali berlaku dan berulang di Sungai Chandong Pulau Indah, Sungai Tengkorak dan Sungai Udang Telok Gong?
- b) Apakah kesan daripada pencemaran tersebut terhadap sistem ekologi dan alam sekitar di sungai tersebut?

JAWAPAN:

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN: Tuan Speaker. Yang untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan juga Jabatan Alam Sekitar (JAS) melaksanakan penguatkuasaan secara berterusan bagi mencegah kejadian pencemaran di ketiga-tiga sungai yang berkenaan dengan menyasarkan aktiviti perkilangan yang menghasilkan *efluen* perindustrian dan buangan terjadual susulan kes pencemaran yang kerap berlaku baru-baru ini. Pihak JAS telah mempertingkatkan keberadaan iaitu *visibility* anggota penguatkuasaan dengan menjalankan rondaan harian dan hujung minggu ke kawasan industri Telok Gong dan juga Pulau Indah bagi mengesan sebarang aktiviti yang mencurigakan. Pemantauan di lokasi-lokasi *hotspots* pencemaran menggunakan dron turut juga dilaksanakan. Bagi mengawal pencemaran di pusat di punca. *Control at source*. Kerajaan Negeri Selangor melalui LUAS telah pun memperkenalkan dasar *Polluter Pay Principal* iaitu (PPP) dan *Zero Discharge Policy* (ZDP) untuk mengurangkan masalah pencemaran daripada aktiviti perindustrian dan juga meningkatkan kualiti sumber air negeri. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Klang iaitu MPK telah pun mula mengawal jenis-jenis industri yang dibenarkan beroperasi di kawasan Telok Gong mulai 1 September 2021. Yang terhad pada industri ringan dan sederhana serta tidak industri berat yang baru dibenarkan. Untuk menjawab soalan kedua mengenai kesan pencemaran kepada ekosistem sungai-sungai tersebut, satu kajian yang khusus adalah diperlukan untuk menentu pasti serta tepat apakah kesan pencemaran terhadap sistem ekologi di Sungai Chandong, Sungai

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Tengkorak dan juga Sungai Udang Di Telok Gong. Ini termasuk makluman mengenai inventori punca-punca pencemaran status kualiti air sungai Selangor, data-data kehidupan akuatik dan juga marin, keupayaan tampungan iaitu taring *capacity* sungai dan sebagainya. Sempena itu Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah pun menjalankan kajian awal penyiasatan, iaitu *investigative study* di Telok Gong pada tahun lalu di mana iaitu daptan daripada kajian tersebut boleh membantu pihak Kerajaan Negeri untuk meneruskan kesinambungan kajian sungai yang lebih komprehensif dan juga mencadangkan pelan tindakan mitigasi serta pemulihan sungai sedang pendek dan juga sederhana dan panjang , sekian..

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Pelabuhan Klang

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Ya, terima kasih Yang Berhormat EXCO. Pelabuhan Klang ingin bertanya adakah Kerajaan Negeri mendapat kerjasama daripada Pihak Kerajaan Persekutuan seperti Kementerian Alam Sekitar dalam menangani masalah pencemaran alam sekitar yang sering berlaku di kawasan sungai Chandong, Sungai Tengkorak dan Sungai Udang di Pelabuhan Kelang?

Y.B. TUAN LEE LOY SIAN: Ya, memang soalan ini disediakan oleh Jabatan Alam Sekitar. So untuk makluman Yang Berhormat, hasil siasatan JAS ke atas aduan pencemaran air sungai Chandong yang berwarna merah tempoh hari, itu di mana Jabatan Alam Sekitar berjaya menahan lori tangki yang disyaki membuat sisa cat dan *pigment* yang berwarna merah yang menyebabkan Sungai Chandong berwarna merah pada kejadian 13 Jun dan 29 Jun 2022. Hasil intipan yang dijalankan berjaya menemui lori tangki tersebut yang ditempatkan di dalam sebuah premis di Pelabuhan Klang yang juga dijadikan pusat pembuangan terjadual tanpa kelulusan JAS. Semasa serbuan pada 5 Julai 2022, yang turut disertai anggota penguatkuasaan MPK sebanyak 100 tong *intermediate bulk container* iaitu IBC di isi pelbagai buangan seperti buangan cat, buangan dakwat, asid terpakai, dan minyak hitam terpakai telah pun ditemukan. Selain itu, pihak JAS menemui kesan-kesan buangan *pigment* berwarna pada penutup bahagian atas lori tangki. Beberapa sampel buangan telah pun di ambil untuk dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia JKM bagi analisa kimia. Komposisi buangan siasatan kesalah dibuat atas seksyen 34 B dan 34 A dan seksyen 18 dan seksyen 19 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. So kini tumpuan pada pemilik premis dan pengendalian haramnya terlibat untuk rekod semenjak kejadian pada 29 Jun 2020 sebanyak 14 premis sekitar Kelang dan juga Shah Alam telah digempur oleh Pegawai Jabatan Alam Sekitar namun tidak menemui kegiatan yang mencurigakan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan seterusnya, Dusun Tua.

Y.B. TUAN EDNY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Terima Kasih Tuan Timbalan Speaker soalan saya no. 60

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : KPI DALAM MENGAMBIL TINDAKAN KE ATAS KERJA TANAH HARAM

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kerajaan akan mewujudkan satu KPI untuk memastikan tindakan terhadap kerja-kerja tanah tanpa permit dilaksanakan dalam tempoh tertentu berbanding membiarkannya berlarutan sehingga beberapa tahun?
- b) Apakah kerajaan akan memastikan PBT-PBT segera membawa kes-kes kerja tanah tanpa permit ke mahkamah?

JAWAPAN:

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima Kasih Tuan Timbalan Speaker dan Dusun Tua yang bertanya soalan berkenaan dengan tindakan-tindakan ke atas kerja tanah haram oleh pihak-pihak berkuasa tempatan. Ahli Yang Berhormat sekalian, *Key Performance Indicator* adalah berkaitan dengan pencapaian ataupun *performance* sebuah organisasi malah menjadi petunjuk pencapaian perlaksanaan organisasi masing-masing dalam satu jangka masa yang tertentu. Oleh itu saya ingin jelaskan bahawa Kerajaan Negeri melaksanakan KPI, satu-satu Pihak Berkuasa Tempatan melalui penetapan tempoh masa kepada menyelesaian aduan, jadual pemantauan berkala dan tindakan penguatkuasaan. Ini ukuran KPI yang kita letakkan kepada pihak berkuasa tempatan termasuk dalam kerja-kerja tanah haram ataupun kerja tanah tanpa berlarutan kerja-kerja tanah tanpa permit yang ditanyakan oleh pihak Yang Berhormat Dusun Tua. Pihak PBT perlu mematuhi prosedur, dalam masa sama perlu juga mematuhi prosedur tindakan penguatkuasaan. Prosedur yang pertama adalah penguatkuasaan kesalahan menjalankan kerja tanah tanpa kebenaran di atas tanah hak milik. SOP yang kedua, prosedur penguatkuasaan kesalahan bangunan tanpa kelulusan di tanah hak milik. SOP yang ketiga, prosedur penguatkuasaan kesalahan menjalankan pembangunan tanpa kebenaran, kerja tanah struktur sedia ada di atas tanah-tanah rizab kawasan tanah lapang. SOP empat, prosedur operasi sitaan jentera di atas tanah pemilik. SOP lima, prosedur tindakan penguatkuasaan secara bersepada di tapak pelupusan dan pembuangan sampah haram. Pemantauan dan tindakan penguatkuasaan adalah di atas Seksyen 70 (a) Kerja Tanah Tanpa Kelulusan di bawah Akta Jalan Dan Parit Dan Bangunan 1794 Akta 133, 1974 Akta 133 dan merujuk kepada Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976 Akta 172, kerja-kerja tanah perlu dikemukakan terlebih dahulu ke PBT dan untuk

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

kelulusan seperti mana peruntukan Seksyen 19(1) Akta 172 iaitu tiada seorang pun daripada PBT, selain PBT boleh memulakan mengusahakan atau menjalankan apa-apa pemajuan melainkan jika kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan telah diberikan kepadanya. Pelanggaran bagi pemajuan tanpa kebenaran merancang juga boleh dikenakan tindakan pendakwaan di bawah perenggan 26(1b) Akta 172 dan tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 27 Akta 172. Bagi kesalahan kerja tanah tanpa kebenaran yang telah dijalankan, PBT terlebih dahulu akan mengeluarkan tawaran kompaun mengikut Seksyen 70 (a) Kerja Tanah Akta Jalan, Parit Dan Bangunan, 1974 Akta 133. Bagi ditawarkan kepada pemilik tanah pemaju serta mengarahkan pemilik tanah mengemukakan permohonan pelan kelulusan kerja tanah pada pihak PBT. Sekiranya pihak pemaju gagal atau pemilik tanah tersebut gagal membuat demikian, tindakan seterusnya adalah unit perundangan PBT boleh membawa kes-kes ini ke perintah mahkamah sebagai mana tanya, persoalan yang ditanyakan oleh Dusun Tua. Apakah *sequences* nya, *sequences* nya adalah kita akan tawarkan kompaun supaya mereka membuat proses pemutihan terhadap kerja yang mereka lakukan. Tetapi kalau mereka masih lagi enggan, tawaran itu ditolak seterusnya adalah tindakan-tindakan ke arah mahkamah kerana kita juga ingin mengeluarkan atau memberikan peluang kepada pemilik-pemilik tanah ini supaya memulihkan proses sewajarnya mereka lakukan. Terima kasih.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Soalan tambahan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Dusun Tua

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Berkata mengenai KPI tadi, antara salah satu perkara yang dilihat adalah penyelesaian terhadap sesatu aduan itu. Dalam kes kerja tanah tanpa kebenaran ini atau kerja tanah haram ini, apakah yang dimaksudkan, yang difahami sebagai penyelesaian itu? Adakah sekadar mengetahui pemilik tanah, adakah sekadar kompaun atau hingga di mana sehingga dikatakan selesai itu?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat, apabila kompaun telah dikeluarkan dan mereka membayar kompaun dan mereka melaksanakan proses pemutihan ataupun kebenaran terhadap kerja tanah itu, itulah yang dikatakan selesai. Maknanya kalau mereka masih berdegil maknanya kena bawa ke mahkamah, bawa ke mahkamah bila dia bawa ke mahkamah itu sudah tidak lagi di bawah urusan majlis kerana ia di bawah urusan mahkamah untuk menetapkan walaupun ada kaitan dengan majlis . Jadi yang dikatakan selesai apabila kita sudah kenakan kompaun, mereka membayar dan mereka melakukan proses pemutihan terhadap, ataupun pembetulan terhadap proses permohonan kebenaran mereka. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan seterusnya, Jeram.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Terima Kasih Tuan Timbalan Speaker. Soalan saya nombor 61.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berapakah unit Rumah Selangorku yang bakal dibina di DUN Jeram pada tahun 2022?
- Sehingga ke hari ni, berapa banyak jumlah pemohon yang telah menerima Skim Rumah Selangorku di kawasan DUN Jeram?

JAWAPAN :

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Timbalan Speaker. Jeram memang selalu suka tanya kawasan dia sahaja. Dia tak tanya kawasan orang lain. Jadi untuk itu, untuk makluman Yang Berhormat terdapat 1 projek sebenarnya telah siap 2021 iaitu RSKU jenis D : 170 unit di Shah Alam 2 Sendirian Berhad di bawah IJM Land. Saya ingat saya telah pergi ke sana dan melihat tentang kawasan ini. Tetapi untuk mengetahuan Yang Berhormat, soalan seterusnya tentang bakal dibina di Dun Jeram, iaitu sebenarnya ada 4 projek dengan 903 unit rumah Selangorku yang sedang dibina berhampiran dengan kawasan yang saya sebut tadi. Dan juga di bawah seliaan di bawah Majlis Perbandaran Kuala Selangor. Maknanya sekarang ni sedang bina 4 projek iaitu meliputi 903 unit. Selain daripada itu, kalau Jeram ingin mengetahui projek ini di bawah:-

| Bil | Pemaju / Lokasi | Jumlah Unit |
|------------|--|--------------------|
| 1 | Sejati Inti Sdn. Bhd. Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor | 65 unit |
| 2 | Serambi Padu Sdn. Bhd. Mukim Hujung Permatang, Daerah Kuala Selangor | 392 unit |

| Bil | Pemaju / Lokasi | Jumlah Unit |
|---------------------------|--|---------------------|
| 3 | Soon Sin Hin Dev. Sdn. Bhd. Mukim Api - Api, Daerah Kuala Selangor | 52 unit |
| 4 | OIB Properties (CV) Sdn. Bhd. Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor | 394 unit |
| Jumlah Keseluruhan | | Jumlah : 903 |

Jadi selain daripada ada 16 projek dan juga yang kita luluskan *batch* pertama dan yang kedua 4 projek dan keseluruhannya 10 projek yang telah diluluskan iaitu 16 projek meliputi 12,761 unit rumah RSKU. Rumah Idaman atau Harapan yang dalam perancangan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan sekarang ini di bawah seliaan di bawah Majlis Perbandaran Kuala Selangor. Projek-projek yang 16 itu adalah :-

| Bil | Pemaju / Lokasi | Jumlah Unit |
|------------|--|--------------------|
| 1 | Kota Kelang Development Sdn. Bhd. | 91 unit |
| 2 | Geostream Sdn. Bhd. | 272 unit |
| 3 | Landasan Harta Sdn. Bhd (Perfect Eagle Development Sdn. Bhd.) | 76 unit |
| 4 | Sejati Inti Sdn. Bhd. | 75 unit |
| 5 | Worldwide Holding Berhad | 161 unit |
| 6 | Kelana Kualiti Sdn. Bhd. (Glomac Berhad) Fasa 6B | 178 unit |
| 7 | Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)(Fasa 1A) | 80 unit |
| 8 | Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)(Fasa 1B) | 80 unit |
| 9 | Kemudi Ehsan Sdn. Bhd. | 747 unit |
| 10 | Hillpark Resources Sdn. Bhd. (Plot 1) | 384 unit |
| 11 | Hillpark Resources Sdn. Bhd. (Plot 2) | 396 unit |

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

| Bil | Pemaju / Lokasi | Jumlah Unit |
|---------------------------|---------------------------------------|-----------------------|
| 12 | Hillpark Resources Sdn. Bhd. (Plot 3) | 424 unit |
| 13 | Hillpark Resources Sdn. Bhd. (Plot 4) | 180 unit |
| 14 | KL-Kepong Country Homes Sdn. Bhd. | 631 unit |
| 15 | Elmina Equestrian Sdn. Bhd. | 343 unit |
| 16 | KLK Park Homes Sdn. Bhd. | 954 unit |
| Jumlah Keseluruhan | | Jumlah : 5,072 |

Panjang lagi Yang Berhormat. Saya akan bekalkan perincian ini Yang Berhormat. Yang mana 16 projek itu akan menyumbang 5,072 unit. Dan bakal tambahan ini adalah baru sahaja fasa kedua, ataupun apa ini kumpulan keduanya adalah 4 projek tambahan iaitu sebanyak 7400 unit lagi. Dalam peringkat perancangan yang telah pun diluluskan oleh Kerajaan Negeri akan diselia oleh bawah Majlis Perbandaran Kuala Selangor. Dan 4 ini, yang ini projek besar-besar sikit. Maknanya apa ini bawah Harapan dan Idaman iaitu di bawah

| Bil | Pemaju / Lokasi | Jumlah Unit |
|---------------------------|---|-----------------------|
| 1 | Kemudi Ehsan Sdn. Bhd. (Konsortium PNSB Construction) | 1,258 unit |
| 2 | Konsortium PNSB Construction (Worldwide Property Management Sdn. Bhd.) | 1,349 unit |
| 3 | Paragon Pinnacle Sdn. Bhd. | 4,637 unit |
| 4 | Jernih Kejora Sdn. Bhd. | 156 unit |
| Jumlah Keseluruhan | | Jumlah : 7,400 |

Maka keseluruhan ia dalam perancangan adalah 10 projek yang akan menyumbang sebanyak 12,472 unit Rumah RSKU Idaman dan juga Harapan. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Soalan tambahan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Jeram.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Terima kasih. Antara yang banyak-banyak perumahan yang bakal dibina atau yang sudah dibina, adakah terdapat rumah yang berharga bawah RM100,000.00 di kawasan Jeram. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Ada, Yang Berhormat, sebab projek yang saya sebut ini adalah projek bercampur. Jadi saya akan bentangkan pada Yang Berhormat, selain pada yang Harapan, RM250,000.00 tu, kita ada juga projek-projek yang telahpun diluluskan sebelum ini, yang saya nyatakan itu, yang mesti melaksanakan A, B, C, D. Dan kebanyakannya di kawasan Yang Berhormat, kita, saya lihat selain daripada yang berstrata, kebanyakannya kitakekalkan projek yang di atas tanah atau landed property. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan seterusnya, Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan saya, 62.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : PELAN STRUKTUR PEMBANGUNAN PENGANGKUTAN AWAM KUALA LANGAT

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Masalah kesesakan lalulintas di beberapa PBT semakin serius khususnya selepas PKP dan ini bertambah teruk dengan kualiti perkhidmatan bas awam yang tidak efektif. Adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan Pelan Struktur Pembangunan Pengangkutan Awam Kuala Langat?

JAWAPAN :

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Berdasarkan Rancangan Tempatan Kuala Langat (RTKL) 2030 yang diwartakan pada 5 Julai 2018, telah menggariskan iaitu Cadangan Peningkatan Tahap Perkhidmatan Pengangkutan Awam melalui Projek T-12 (Naik Taraf Perkhidmatan Bas) iaitu :-

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

| KA TEGORI BAS | LALUAN/LOKASI | JARAK |
|---------------------------------|--|-----------------|
| Laluan Bas Antara Bandar | Banting – Bandar Mahkota – Bandar Seri Ehsan – LCCT | T105 (35.9 KM) |
| | | T104 (51.3 KM) |
| Laluan Bas Feeder | Sg Kelambu – Kelanang – Jugra – Sg Buaya – Sri Cheeding – Telok Panglima Garang | F101 (27.1 KM) |
| | | F102 (17.7 KM) |
| | | F103 (20.2 KM) |
| | | F104 (18.82 KM) |
| Laluan Bas Dalam Bandar | Banting – Stadium Jugra – Bandar Sungai Emas – Kota Seri Langat – Taman Delima – MPKL – IPD Banting dan Hospital Banting | CB101 (16.7 KM) |
| | | CB102 (16.2 KM) |
| Laluan Bas Pedalaman | Banting – Kg Tali Air – Morib – Kanchong Tengah – Banting | T106 (34.5 KM) |

Pada masa kini terdapat 2 operator swasta yang sedang beroperasi iaitu melibatkan 4 laluan :

| SYARIKAT | LALUAN | BIL. BAS | BIL. PENUMPANG (Tahun 2022) |
|----------------------------------|-------------------------|----------|-----------------------------|
| K.R Travel & Tours Sdn. Bhd. | Banting – KLIA | 3 | 30,496 |
| Wawasan Sutera & Tours Sdn. Bhd. | Banting – Tanjung Sepat | 1 | 91,345 |
| | Banting – Klang | 6 | |
| | Banting – Kuala Lumpur | 1 | |

Bagi perkhidmatan Bas Smart Selangor, terdapat 2 laluan yang disediakan di kawasan MPKL iaitu :- i. Laluan BTG 1 (Banting – Mitsui – KLIA 2 – Banting) ii. Laluan BTG 2 (Banting – Taman Banting Baru – Permatang Pasir – Chodoi – Banting)

| LALUAN | LALUAN | BIL. BAS | BIL. PENUMPANG (Tahun) | | | |
|--------|---|-------------|------------------------|---------|--------|--------|
| | | | 2019 | 2020 | 2021 | 2022 |
| BTG 1 | Banting – Mitsui – KLIA 2 – Banting | 2 | 331,057 | 110,953 | 34,419 | 20,037 |
| BTG 2 | Banting – Taman Banting Baru – Permatang Pasir – Chodoi – Banting | 2 | 73,966 | 34,464 | 22,044 | 10,503 |

Berdasarkan prestasi semasa, sambutan pengguna terhadap penggunaan pengangkutan awam tidak menggalakkan berikutan penurunan jumlah penumpang terutamanya selepas PKP. MPKL bercadang untuk memperluaskan kolaborasi pengangkutan awam diantara MPKL-MBSA-MBSJ untuk memudahkan kemudahsampaian pengguna contohnya dari Kota Kemuning-Bandar Rimbayu-Bandar Saujana Putra-Putra Heights. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kinrara, apakah Kerajaan Negeri Selangor akan meminta Majlis Perbandaran Kuala Langat untuk menjalankan, bukan sahaja kajian, tetapi pengenal pastian tapak yang bersesuaian, mungkin bukan satu, mungkin dua tiga, untuk dijadikan terminal bas. Apa yang berlaku sekarang, untuk pengetahuan Yang Berhormat, di kawasan Banting dan barangkali Kuala Langat, Sijangkang, dan juga Morib, termasuk, tidak ada terminal bas yang bersesuaian. Kebanyakan tanah yang ada di kawasan Banting dan Bandar, telah pun diberikan hak milik kepada syarikat-syarikat GLC, pada zaman kerajaan yang terdahulu. Dan ini menyebabkan Majlis dan juga operator, bas operator, tidak ada satu tapak yang bersesuaian, untuk menurunkan penumpang, mengambil penumpang dan sebagainya. Saya ingin bertanya, sekiranya ada rancangan itu, bilakah ia boleh dilaksanakan. Kerana tapak ini sangat penting, dan mereka barangkali, Majlis barangkali memerlukan bantuan kewangan ataupun suntikan modal daripada kerajaan untuk membeli, kadangkala, mungkin kita perlu beli tanah tu, untuk dijadikan sebagai satu, dibangunkan sebagai satu terminal bas. Saya ingin bertanyalah, Yang Berhormat.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Kerajaan Negeri sangat mengambil maklum berkenaan kekurangan satu terminal bas di daerah Kuala Langat. Saya kira tapak itu sebenarnya bukan satu isu besar, tetapi kos pembinaan terminal itu, melibatkan satu kos yang agak besar. Oleh itu Majlis Perbandaran Kuala Langat telah mengemukakan permohonan

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

kepada Kementerian Pengangkutan dan untuk meminta bantuan dari segi dana pembinaan untuk terminal bas tersebut. Tetapi sehingga kini belum terima apa-apa jawapan yang positif daripada Kementerian Pengangkutan lagi. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan kedua.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terdapat satu bidang tanah, kalau saya tak silap. Betulkan saya, kalau saya silap. Kalau tak silap, tanah tu di kawasan Sungai Lang, berdekatan dengan Pasar Awam Banting. Itu adalah tapak yang pertama. Kedua, ada perancangan di kawasan sekitar Kota Seri Langat. Barangkali ada perancangan di situ. Ada dua tempat sebenarnya pernah dibincangkan. Jadi adakah Kerajaan Negeri boleh berbincang dengan majlis, sekiranya tidak ada apa-apa lagi daripada Kementerian Pengangkutan dan barangkali Kerajaan Persekutuan, selepas ini pun bukannya daripada Pakatan Harapan. Kalau kita boleh masukkan projek ini di dalam Rancangan Selangor Pertama, supaya, barangkali ia bukan pun projek kerajaan sendiri, boleh dijalankan secara *private partnership*. Kita bangunkan satu terminal. Adakah itu, boleh, ada peluang ke nak masuk dalam RS-1. Itu saja soalan saya, kedua.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Semua projek, sebenarnya, ada peluang untuk masuk dalam Rancangan Malaysia yang akan datang. Tetapi, adakah ia akan diluluskan oleh Kerajaan Pusat, itu soalan lainlah. Tapi kalau kita nak masukkan projek itu, tiada masalah untuk kita masukkan dalam cadangan daripada Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Tak ada masalah nak masukkan.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan tambahan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Tadi Yang Berhormat menyebutkan bahawa kadar penggunaan pengangkutan awam ini menurun, PKP dan selepas PKP. Apakah pandangan Yang Berhormat, adakah perlu satu kajian. Selain daripada kita nak bina satu terminal. Saya khuatir nanti terminal itu ada, tetapi kadar penggunaannya rendah. Hari ini yang sebagai salah satu yang saya lihat, keyakinan daripada pengguna ini. Konsistensi pengangkutan itu sendiri, menyebabkan mereka kurang yakin untuk menggunakan perkhidmatan ini. Jadi apa pandangan Yang Berhormat, berkaitan, satu kajian perlu secara menyeluruh perlu dilakukan.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Saya rasa keyakinan penduduk untuk mengguna pengangkutan awam kerana Covid-19 itu telah timbul lagi. Semua telah yakin bahawa pandemik Covid-19 ini telah dikawal dengan baik. Kita boleh tengok, permintaan, LRT, MRT, baru-baru ini. Memang ramai penumpang. Tetapi keadaan di Kuala Langat berbeza sedikit. Saya percaya, ketidaksinambungan antara pengangkutan awam di kawasan Kuala Langat. Boleh, memang tidak ada masalah, untuk menyediakan pelan induk ke, pelan struktur ke, macam mana pelan. Tetapi pelaksanaan itu, merupakan cabaran besar. Kita semua sedia maklum, pengangkutan awam ini melibatkan kos yang sangat besar. Dan ia merupakan tanggungjawab Kerajaan Pusat untuk melaksanakan segala pelan yang telah disediakan atau akan disediakan. Saya bagi satu contoh, di kawasan Majlis Bandar raya Petaling Jaya, telah menyediakan satu pelan induk pengangkutan awam khusus untuk Petaling Jaya sahaja. Dan kalau tak salah saya, dalam pelan itu, di seluruh Petaling jaya memerlukan 120 laluan bas. Tetapi kini kita hanya mempunyai lebih kurang 60 ke 70 laluan bas sahaja. Yang baki itu, tidak ada perkhidmatan bas lagi. Dan macam mana kita boleh menampung keperluan ini, mengikut cadangan di dalam pelan induk pengangkutan awam Petaling Jaya. Kita perlu komitmen daripada Kementerian Pengangkutan Awam untuk menyalurkan lebih banyak dana dan membantu Selangor untuk mendapatkan lebih banyak bas, untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat di Negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan berikutnya, Semenyih, telah dijawab bersekali dengan nombor, soalan bernombor 33. Seterusnya Hulu Kelang. Tidak hadir. Berikut, Rawang.

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT : Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Soalan saya, soalan 65.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PROJEK SAKIT

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana inflasi menjelaskan prestasi perlaksanaan projek kerajaan?
- b) Berapakan projek yang terjejas disebabkan kenaikan harga bahan pembinaan?
- c) Bagaimana Kerajaan Negeri mengatasi masalah ini?

JAWAPAN :

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Rawang, Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Yang Berhormat Rawang bertanyakan soalan berhubung dengan isu berkaitan inflasi yang sama ada menjelaskan prestasi perlaksanaan projek kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat, inflasi bukan sahaja memberi impak negatif kepada sektor pembinaan, namun menjelaskan pelbagai sektor lain, yang berkaitan pembuatan dan perkhidmatan. Kesan inflasi terhadap sektor pembinaan akan menyebabkan harga bagi bahan binaan meningkat. Selain daripada itu, bekalan bahan yang jadi sukar untuk didapatkan, disebabkan kekurangan bekalan bahan binaan dari dalam maupun luar negara, kerana kos pengeluaran untuk mengeluarkan bahan telah meningkat. Ini juga disebabkan oleh *disrupsi* ataupun gangguan di dalam rantai bekalan. Selain itu, inflasi turut menyebabkan kos berlebihan, atau kos *over run*, terhadap lain-lain perkara berkaitan projek pembinaan. Seperti contoh kadar sewa jentera dan sebagainya. Sehubungan itu, fenomena inflasi ini akan menyebabkan peningkatan luar jangka kos keseluruhan, sesuatu projek pembinaan, sekali gus menjelaskan kelancaran projek dan tidak dapat disiapkan mengikut jadual perancangan. Saya boleh berikan contoh-contoh, sebagai contohnya antara bahan utama, untuk pembinaan ialah besi, besi tetulang, *reforcement bar*, yang telah meningkat lebih 35% kenaikan harganya. Dan juga untuk jalan, contohnya, pembinaan jalan betomin, telah meningkat lebih 43%. Jadi, selain daripada itu juga, pelaksanaan projek-projek perancangan yang belum mula juga terpaksa ditangguhkan akibat inflasi ini. Kenaikan harga barang ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, untuk kerja-kerja yang terlibat memang banyaklah, tapi saya akan mengambil contoh yang JKR. Sebanyak 29 projek JKR, yang dilaksanakan Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor yang melibatkan beberapa agensi jabatan lain, seperti Jabatan Agama Islam, Pejabat Tanah Galian, Pejabat Daerah dan juga PADAT, Perbadanan Adat Melayu dan Kesenian. Ini projek-projek yang diuruskan oleh JKR contohnya. Ada 29 semuanya, yang sekarang ini. Daripada 29 itu, yang terlibat dengan kenaikan kos, kontrak, iaitu *Variation Order*, VO, ialah 27, daripada 29, 27 terlibat. Dan daripada 29 ini, yang disebabkan oleh kenaikan ini, menyebabkan kelewatan, 17. Jadi tinggi, dan sebab terkesan pada semua. Dan juga, ada juga yang menyebabkan, terlalu mahal, terlalu tinggi, jadi bila kita buat tender, buka dan sebagainya, kosnya tidak dapat diurus, tidak dapat diterima, terlalu jauh. Jadi terpaksa kita buat penenderan semula ataupun ditangguhkan. 2. Daripada 29 ini, 2 terpaksa ditangguhkan kerana kos terlampau tinggi.

Sehubungan dengan itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan, telah mengeluarkan pekeliling perbendaharaan, PP Perolehan, PK 2.4, yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2021 sehingga 30 Jun 2022. Berkaitan *Variation Of Price*, VOP. Ini bagi

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

menangani buat sementara iau kenaikan barang-barang binaan ini. Jadi Kerajaan Negeri turut mematuhi akan pekeliling ini. Antara senarai bahan binaan yang terlibat dalam, seperti berikut iaitu :-

- i) Besi tetulang iaitu *re-bar*.
- ii) *Crust aggregate – crusher run*
- iii) *Miles steel pipe* iaitu besi paip
- iv) *Cooper / tembaga*.

Ini adalah empat yang dimaklumkan. Ada lagi bahan-bahan lain tak masuk, yang saya sebut tadi, betomin. Yang memberi kesan besar kepada pembinaan jalan. Tak ada dalam senarai ini. Jadi memang kita menghadapi masalah. Selanjutnya, Yang Amat Perdana Menteri pada 14 Julai 2022, telah mengumumkan bahawa 11 lagi bahan binaan ditambah, dalam pelaksanaan VOP. Yang inilah saya sebut tadi, iaitu simen, batu bata dan dinding kaca, batu bar, bahan syiling serta bahan bumbung. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri sangat menyambut baik pengumuman Yang Amat Perdana Menteri, kerana dengan penambahan bahan binaan tersebut dapat membantu kontraktor yang berdepan kenaikan harga barang binaan. Selain memastikan projek siap pada masanya. Walau bagaimanapun, kenaikan kos ini akan memberi impak yang besar kepada kedudukan kewangan Kerajaan Negeri, kerana Kerajaan Negeri terpaksa mengeluarkan belanja yang lebih besar bagi melaksanakan satu projek dan juga terpaksa menerima hakikat akan kelewatan projek-projek disebabkan oleh kenaikan harga barang ini. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.00 pagi, dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat Seterusnya Sambungan Usul No. 14 Tahun 2022. Usul Rancangan Selangor Pertama 2021 – 2025.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya persilakan Yang Berhormat Taman Medan.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : *Bismillahirahmanirahim. Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Salam Sejahtera dan Selamat Pagi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker di atas ruang yang diberi kepada Taman Medan dan untuk menyambung kembali perbahasan menyokong Usul Rancangan Selangor Pertama yang telah dimulakan semalam pada peringkat mukadimah semata-mata. Ya, kesempatan ini juga diambil bagi berkongsi pandangan dan juga menyuarakan beberapa aspek yang perlu diberikan penekanan dan juga perhatian dalam proses pelaksanaan Rancangan Selangor Pertama dan apa yang menguja kan Taman

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Medan tentang Rancangan Selangor Pertama ini ialah sebagai satu pelan untuk pelaksanaan proses bagi menyediakan sebuah negeri yang diletakkan sebagai tahap pintar, berdaya huni dan juga makmur.

Walaupun sebenarnya kalau kita lihat dari satu sudut bahawa Negeri Selangor dikenali sebagai negeri yang digelar sebagai Darul Ehsan. Negeri yang penuh dengan Ihsan. Ya dan sifat ihsan itu dinikmati oleh banyak pihak, bukan sekadar rakyat tapi juga makhluk dan juga ciptaan yang lain dan saya percaya bahawa mereka yang berada di dalam Negeri Selangor ini terbabit juga untuk memacu ke arah mana proses untuk pelaksanaan Rancangan Selangor Pertama ini sesuatu yang dapat direalisasikan.

Ya, saya hendak melihat dari sudut bagaimakah teras yang telah disusun di antara ke semua aspek-aspek yang telah disenaraikan oleh Yang Amat Berhormat Sungai Tua dalam ucapan pembentangan beliau ialah tentang aspek yang berkait dengan pengukuhan ekonomi, peningkatan kesejahteraan dan keterangkuman sosial, pamacuan kelestarian dan tadbir urus SMART dan berkesan. Jadi sektor-sektor tumpuan itu sesuatu yang sebenarnya menjadi fokus. Kalau kita lihat dari segi bagaimana membentuk keseimbangan di antara setiap aspek-aspek yang disenaraikan. Lalu saya nak melihat umpamanya pada sektor tumpuan yang berkait dengan pengukuhan ekonomi ya di antaranya ialah sektor yang berkait dengan aktiviti pelabuhan dan juga logistik. Kita tahu bahawa Negeri Selangor memiliki pelabuhan yang dulu kalau dalam pelajaran Geografi yang dipelajari oleh kesemua kita di peringkat pendidikan asas ya Pelabuhan Klang. Pelabuhan Klang ada? Tak ada? Pelabuhan Klang ya. Kalau kita lihat bagaimana ini sebagai satu tempat yang memang tak perlu diperkenalkan lagi tapi bagaimana kemudian ia dibangunkan dan kemudian dia memberi kesan kepada banyak aspek. Termasuklah, hah panjang umur, ya sebut nama terus muncul. Jadi kalau kita lihat sewajarnya dimanfaatkan sepenuh-penuhnya sehingga banyak kita lihat aktiviti-aktiviti yang berkait dengan kewujudan Pelabuhan ini dia mempengaruhi kependudukan, mempengaruhi bagaimana jaringan-jaringan pembangunan yang lain. Jadi wajar manfaatnya tapi kawasan berdekatan juga perlu dimanfaatkan.

Baru-baru ini umpamanya saya pernah pergi ke sebuah Pulau yang berdekatan dengan Pelabuhan Klang ya tapi dalam kawasan Yang Berhormat Sijangkang, namanya Pulau Carey. Saya lihat sendiri walaupun Pulau Carey itu aktiviti utamanya ialah pengeluaran komoditi iaitu getah dan juga kelapa sawit tapi tak jauh dari situ dengan mata saya sendiri saya melihat kapal persiaran ni yang membawa pelancong berlabuh dan kemudian diangkut ya, di angkut dengan apa kita panggil *shuttle*. Perkhidmatan perantara ya bot-bot perantara untuk membawa pelancong. Lalu apa salahnya kalau umpamanya kita melihat usaha mempertingkatkan dari segi kemudahan dan juga aspek-aspek fizikal yang boleh membantu melancarkan lagi aktiviti tersebut.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Begitu juga tentang, saya nak memberikan pandangan tentang industri halal yang semalam telah dilancarkan satu daripada aktiviti ya untuk memperkenalkan industri halal untuk memberikan galakan, dorongan bagi industri halal ini sebagai satu yang dapat dimanfaatkan. Sebab bila menyebut perkataan halal orang faham ianya sesuatu yang hanya khusus untuk mereka yang beragama Islam. Tapi hakikatnya kalau kita nak tahu, industri halal ini sebagai sesuatu yang menjadi satu daya tarik ya untuk mereka yang terbabit di dalamnya juga dapat faedah dari segi bagaimana kita tahu sebut halal, halal perkara yang baik, perkara dari segi aspek-aspek yang berkait bukan sekadar apa yang difahami sesuatu yang terhindar ataupun bebas daripada khinzir. Bebas daripada sesuatu yang disenaraikan tapi dari segi aspek yang berkait dengan penyediaan, dari segi kebersihan, dari segi bagaimana kelancaran-kelancaran semua itu lah suatu yang dikaitkan dengan halal lalu tumpuan kepada sektor halal ini suatu yang dipertingkatkan dan juga kita hendak biarlah ia umpamanya rakyat Selangor dapat manfaat daripada industri ini. Ya mereka yang boleh menjadi pembekal, feedar dan sebagainya.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Boleh celah?

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Ya, saya persilakan, sahabat saya tapi jangan lama.

TUAN SPEAKER : Silakan Seri Setia.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Saya nak, terima kasih Tuan Speaker, saya nak tanya sahabat Taman Medan. Bila berkata tentang halal ni, kalau kita lihat apa pandangan Taman Medan kalau saya bagi contoh ada restoran yang halal sijilnya, ada restoran yang tidak ada halal tetapi terutamanya orang Islam dia pilih restoran yang tidak ada sijil halal kerana dinyatakan bahawa restoran halal itu bukan orang Melayu atau Islam.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Terima kasih kepada Seri Setia. Ya. Mungkin perspektif ataupun persepsi itu sesuatu yang kena diberikan apa pembetulan ya sebab aspek halal ini saya lihat, saya begitu kagum umpamanya di kawasan saya, ada satu industri pengeluaran makanan yang mengeluarkan satu burger bernama Purnama Burger. Dia pernah datang minta tolong kepada saya untuk nak mendapatkan status tersebut. Ya, bagaimana seriusnya mereka ini bukan kerana mereka ini terikat dengan soal halal dan haram. Tapi ialah bagaimana serius memenuhi keperluan ya. Saya lihat ya umpamanya tujuannya ialah supaya kita boleh manfaatkan Negeri Selangor sebagai negeri teras dalam negara Malaysia ini ialah satu yang boleh diberikan tumpuan untuk industri ini sebagai suatu yang boleh dijayakan secara bersama. Ya, kita boleh ambil pendekatan untuk supaya mereka yang terbabit dalam industri kecil penyediaan makanan

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

umpamanya diberikan dorongan, diberikan pencerahan ya dalam usaha sebab apa? Ya juga berkait dengan bagaimana hendak memperkuuhkan ekonomi. Ya, sebab kita lihat sekarang ni kerana masalah ekonomi yang menimpa juga dia memberi kesan kepada aspek-aspek yang lain. Aspek-aspek keselamatan ya kalau umpamanya ekonomi bermasalah di kalangan keluarga maka akan jadi gejala-gejala sosial yang lain ya semalam umpamanya saudara, sahabat saya Pelabuhan Klang, dua malam lepas pergi tangkap orang curi kabel. Kenapa curi kabel? Ya, sebab apa? Sebab kita yakin bahawa walaupun dia menimbulkan satu masalah kepada penduduk ya kerana gelap jalan boleh menimbulkan bahaya tapi aspek yang lain juga berkemungkinan mereka ini di kalangan menghadapi kos yang seumpama itu.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Taman Medan, betul lah kita cari yang halal.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Minta izin dulu, minta izin dulu.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Mencuri ni pun...

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Minta izin dulu, tak minta izin dulu.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Mencuri, menyamun ni pun

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Tak, tak. Tuan Speaker, saya mohon minta izin.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Mencuri, menyamun ni pun tak boleh, nak tanya, nak tanya

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Tak, tak minta izin dulu.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Nak tanya dengan Taman Medan ni,

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Minta izin boleh tanya lah.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Kalau jenis orang curi kerajaan ni macam mana? Hah curi kerajaan ni macam mana? Kalau curi kabel pun tadi tak boleh.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Kalau rompak, kalau samun kerajaan yang telah diberikan mandat oleh rakyat apa hukumnya? Tapi ini saya nak cerita ni, bukan, bukan berlaku di sini berlaku di Venezuela. Hah! Saya nak minta pandangan sikit daripada Yang Berhormat Taman Medan.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Terima kasih saudara saya, saya mohon maaf kalau suara tinggi biasalah kadang-kadang ada react lah. Saya susah sikit nak ulas tapi sebenarnya itu sebagai satu yang tidak bermoral lah. Ya, culik kerajaan ke apa. Saya setuju ya. Saya mohon maaf sekali lagi kepada saudara saya Taman Templer, maafkan saya.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Adinda maafkan kekanda.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Baiklah.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Mohon mencelah

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Allah, okay tak apa tapi saya bagi ruang kepada Sijangkang.

TUAN SPEAKER : Taman Medan tapi masa tak banyak ya.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Boleh? Terima kasih Tuan Speaker. Tadi Yang Berhormat Taman Medan menyebutkan. Saya minta maaf ini kalau saya agak terlambat untuk *respond*. Sebab saya terfikir-fikir kalau Taman Medan tadi menyebutkan datang ke Pulau Carey, ya ada melihat satu proses pengangkutan pelancong daripada kapal ke Pulau Carey yang saya ingat mungkin saya agak terlepas pandang kawasan saya. Saya tak pasti sama ada itu berlaku benar ataupun dia penyeludupan manusia ataupun apa? Sebab saya tak pernah tahu pun ya ada proses bawa pelancong daripada kapal turun ke Pulau Carey selama ini. Daripada kapal ke Pulau Carey. Terima kasih.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Apa saya difahamkan oleh penduduk di Pulau Carey ialah bertuah lah Pulau Carey. Saya pun datang jenguk ada sekali tu saya pergi ke satu aktiviti di Amerton Cove ya, bila saya pergi saya lihat perkataan tu di kapal itu tertulis *Cruise*. Tak kan *Cruise* ini menyeludup manusia kan dan difahamkan bahawa bot-bot yang menyediakan perkhidmatan mengangkut para pelancong itu dia bawa ke Pelabuhan Klang. Tak jauhkan. Pelabuhan di Pulau Indah sebab kedudukan Pulau Indah dengan Pulau Carey itu bersebelahan ya. Jadi saya fikir, Sijangkang tidak perlu risau ada penyeludupan manusia (ketawa). Bukan lah, itu saya nampak lah. Jadi maknanya patut terima kasih Pulau Carey kepada saya sebab saya menimbulkan ini mungkin Pulau Carey di dalam DUN nya boleh ambil manfaatnya juga. Ya, okay. Saya setuju. Jadi balik

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

kepada tadi, tumpuan, fokus kita ialah soal bagaimana untuk kita memanfaatkan dari segi sudut imbangan.

Begitu juga Negeri Selangor sebagai negeri yang mensasarkan kesejahteraan rakyat, kebahagiaan rakyat yang saya fikir baru-baru ini dalam beberapa hari lepas ada sebuah orang, negeri yang orang nombor dua dalam pentadbiran negeri itu menyatakan bahawa negeri dia lebih bahagia dari Negeri Selangor. Ikut indeks kajian. Lalu saya pun hairan, ya kalau betul negeri dia kebahagiaan ini diukur dari segi apa? Salah satu kalau saya hendak ambil hadis Nabi SAW menyebut, "satu aspek kebahagiaan ialah (ayat Al-Quran) Rezeki di negeri itu cukup tapi negeri tersebut, kalau saya nak sebut lah banyak rakyatnya datang ke Negeri Selangor. Ya, I/C maaf sebut, I/C tengah-tengah 03. Datang, ya tapi bila hari mengundi pilihan raya balik negeri sampai sesak jalan. Ya, bila duduk dalam Negeri Selangor mereka ini ada masalah dalam Negeri Selangor cari wakil rakyat kat Negeri Selangor. Betul Taman Templer? Betul lah, kan? Ramai datang, tengok-tengok penggundi Bachok. Alah Bachok. Kenal ahli Parlimen Bachok? Lalu bagaimana? Sebab negeri yang bersifat ihsan ya, sebab saya setuju ya dalam antara program yang terkandung dalam iltizam Selangor Penyayang ialah ada dalam Rancangan Selangor ini ialah meletakkan mereka yang berdaftar sebagai pengundi di Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Taman Medan, ringkaskan.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Baik. Bagi saya lagi 1 minit setengah sebab saya dah celah, 4 orang celah saya. Lalu kalau kita lihat ya dari segi keupayaan Negeri Selangor menyediakan apa-apa kemudahan itu berkait dengan proses pelaksanaan Rancangan Selangor yang Pertama dan yang terakhir saya nak petik tentang bidang peningkatan kesejahteraan dan ketrangkuman sosial dan bidang tumpuannya adalah

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Taman Medan

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Hah, Speaker kena tambah masa saya.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Taman Medan saya masa kempen pilihan raya dulu ni, saya ada dengar lah kawan-kawan kita dok sebut kalau Pakatan Harapan perintah nanti dia kata tak ada pembangunan. Kalau Pakatan Harapan perintah nanti, tidak ada raja di Negeri Selangor ini. Kalau Pakatan Harapan perintah nanti, orang Melayu tidak ada kat Negeri Selangor ini. Saya nak minta sedikit pandangan lah daripada Yang Berhormat, sebab Yang Berhormat sebut tadi ada rakyat daripada luar yang datang ke Negeri Selangor ini.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Maksudnya bila Pakatan Harapan perintah ini memang tidak ada pembangunan. Orang Selangor ni kalau daripada Klang nak pergi ke Shah Alam dia naik sampan. Dia naik sampan. Hah! Daripada Klang nak pergi ke Kuala Lumpur ni dia naik kereta kerbau. Sebab tak ada pembangunan. Jalan raya tak ada, sekolah tak ada, masjid tak ada, sebab tak ada pembangunan sebab kita Pakatan Harapan ini tak reti, tak tahu nak buat pembangunan jadi saya nak minta sedikit pandangan daripada Taman, Taman, Taman, Taman Medan.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Taman Templer, semalam soalan tambahan saya kepada Bandar Baru Klang ya berkait dengan Hub Industri Aeroangkasa dilaporkan dalam SelangorKini. Yang bertanya Taman Templer. Saya pun hairan. Saya Taman Medan tanya tau, tiba-tiba saya ingat Bandar Baru Klang dalam laporan tu, Taman Templer yang bertanya, Allah popular sungguh. Lalu

TUAN SPEAKER : Jangan, jangan *jealous*, dia popular sebab dia memang popular lah.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Ya lah.

TUAN SPEAKER : Taman Medan kena menonjol lah. Taman Medan kena menonjol baru dia boleh

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Kita jadi wakil rakyat bukan niat popular. Nak berkhidmat. Ikhlas.

TUAN SPEAKER : Hah! Itu ayat hebat teruskan. Minit yang terakhir. Minit yang terakhir.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Sebab apa Taman Templer sebut, dia kata kita nak cakap banyak tak ada lah, tengok sendiri ya tengok sendiri. Ya, kenapa orang yang mendakwa itu mereka sendiri pun duduk diam dalam Negeri Selangor. Ya, kalau tak percaya, umpamanya indeks kebahagiaan itu diukur ya kenapa, kenapa pilih juga duduk di sini? Pilih beli rumah kat sini, pilih bekerja kat sini, pilih bermacam-macam. Cari jodoh pun kat Selangor juga kan?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Yang Berhormat.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Allah, Yang Berhormat EXCO.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ringkas sahaja. Saya kira gini yang orang Kelantan ini, mungkin yang Kelantan ini mungkin yang tak bahagia tu dia kena merantau ya. Timbalan Menteri Besar Kelantan pun kata, orang Kelantan suka merantau. Dia merantau sebab dia tak bahagia kat Kelantan, jadi dia dah keluar merantau di Selangor nak cari kebahagiaan. Sebab itu lah kadar dia, kebahagiaan dia tinggi. Sebab yang tak bahagia dah datang Selangor. Itu yang menyebabkan kita punya rendah.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : (Ketawa). Okay. Terima kasih Bandar Baru Klang. Jadi umpamanya, yang *last* saya nak petik. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Paya Jaras tentang *Job Fair* soalan pagi tadi ya. Orang daripada negeri lain, saya tak hairan kalau yang cari kerja itu bersifat individu. Ini dalam *Job Fair* di Selangor wakil Kerajaan Negeri lain ya, saya tak sebutlah negeri mana tapi semua orang tahu datang ke *Job Fair* Selangor untuk carikan rakyat dia kerja. Sebab apa?

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Taman Medan

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Allah mencelah lagi

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Saya tak tahu, saya tak tahu. Negeri mana tu? Saya tak tahu. Hah! sila nyatakan negeri tu, saya tak tahu.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : (Ketawa). Dah terang lah pada sesi lepas oleh Yang Berhormat Paya Jaras, Negeri Terengganu. EXCO Sumber Manusia Negeri Terengganu. Rupanya saya tanya macam mana mereka, sebab terpapar dalam berita di satu akhbar EXCO Kerajaan Negeri Terengganu membuat pelepasan kumpulan rakyat Terengganu yang beroleh pekerjaan di Matsushita Shah Alam. Saya terkejut, aikk kenapa datang sini? Aikk, rupa-rupanya mereka pergi ke karnival jom kerja Negeri Selangor cari mana untuk rakyat. Dia tak buat nak buat karnival kerja dia sendiri. Tak salah.

TUAN SPEAKER : Taman Medan

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Saya percaya Rancangan Selangor Pertama ini manfaatnya ialah sesuatu yang boleh menjadi perkara yang menunjukkan kekuatan, menunjukkan bahawa keyakinan rakyat itu akan terus diperolehi pada masa-masa akan datang termasuklah untuk kita mencapai kejayaan di Putrajaya, *insyaAllah*. Saya dengan rasa rendah diri menyokong Usul Rancangan Selangor Pertama yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Sungai Tua. Sekian, terima kasih. *Assalammualaikum Warahmahtullahi Wabarakatuh*.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

TUAN SPEAKER : Satu, dua, tiga empat.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Saya bangun dulu Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Gombak Setia lah.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Terima kasih Tuan Speaker atas peluang yang diberikan pada Gombak Setia untuk mengambil bahagian bagi membahaskan sebuah dokumen penting yang buat kali pertamanya diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri dengan hasrat mengorak langkah demi kemajuan mampan Negeri Selangor.

Tuan Speaker, Rancangan Selangor Pertama 2021 - 2025

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Gombak Setia sepuluh minit sahaja ya.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Yang bertemakan Negeri Pintar Berdaya Huni dan Makmur adalah satu ikhtiar progresif yang harus di dokong oleh semua pihak. Mengambil kira pengalaman lampau sama ada tatkala kita berada di puncak kejayaan, mahupun pengalaman kita berhadapan dengan krisis kita kena harus senantiasa bersedia dengan perancangan yang strategik, konstruktif dan pragmatik bukan sahaja untuk tempoh jangka masa pendek tetapi juga jangka masa sederhana dan jangka masa panjang.

Justeru Gombak Setia ingin mengajak semua Ahli Dewan yang mulia ini untuk membahaskan dokumen yang maha penting ini dengan jujur, ikhlas, tawaduk untuk mencapai matlamat yang satu demi kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat Negeri Selangor Darul Ehsan.

Tuan Speaker, sudah acap kali Gombak Setia mengingatkan agar sesuatu perancangan ekonomi mestilah berdasarkan kerangka dan unjuran yang tepat. Agar kita dapat menghasilkan rancangan dan pelan yang realistik dan benar-benar menjana manfaat demi rakyat dan Negeri Selangor. Kita tidak perlu memetik angka-angka yang besar untuk menarik perhatian atau sekadar mendatangkan keterujaan demi kepentingan politik tetapi akhirnya tidak mencapai matlamat dan lebih malang lagi memperlihatkan sikap *delusional* Kerajaan Negeri. Saya ingin menegaskan bahawa memang perancangan itu penting tetapi untuk mencapai pertumbuhan yang organik dan mampan tetapi jangan sampai kita dianggap *delusional just because we want to impress with big numbers*, dengan izin. Saya meneliti dengan tekun dokumen Rancangan Selangor Pertama, begitu juga dengan teks pembentangan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang menyatakan iltizam

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Kerajaan Negeri untuk menyumbang 30% daripada KDNK Negara menjelang 2025. Dengan 14 petunjuk makro, sebagai *indicator* pencapaian keseluruhan Rancangan Selangor Pertama.

Namun berdasarkan kerangka yang dibentangkan, saya melihat terdapat kontradiksi yang amat ketara di antara matlamat dengan *indicator-indicator* utama yang digariskan dalam Rancangan Selangor Pertama ini. Selangor mencatatkan sumbangan 24.3% yakni RM 343.5 bilion kepada KDNK Negara pada tahun 2020. Manakala pada tahun 2021 Selangor sumbang 24.8% yakni RM 327.1 bilion kepada KDNK Negara. Ini bermakna untuk meningkatkan sumbangan Negeri Selangor kepada KDNK Negara kepada 30% kita perlu mencatatkan tambahan angka pertumbuhan kira-kira 7%.

Saya ingin mengajak seluruh Ahli Dewan yang bijak bestari untuk kita semua berfikir sejenak, apakah dengan unjuran pertumbuhan sebanyak 6.5% hingga 7% yang digariskan dan dijadikan *indicator* adakah ianya cukup untuk merealisasikan matlamat sumbangan 30% daripada kepada KDNK Negara dalam tempoh lima (5) hadapan. Cuba kita kira berapa jumlah sumbangan negeri yang akan ditingkatkan berdasarkan kenaikan setiap peratus pertumbuhan ini? Berdasarkan kiraan saya Tuan Speaker, untuk mencapai sumbangan 30% ini Selangor harus mencatatkan pertumbuhan sekurang-kurangnya 9.5% setiap tahun secara *compounded annual growth* atau CAGR dengan izin. Mengambil kira segala proses dan rancangan-rancangan yang lain dilaksanakan 100% tanpa gagal dalam tempoh lima (5) tahun seperti yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

Tuan Speaker, ini sangat tidak realistik. Pertama, matlamat dan *indicator* yang digariskan ini berkontradiksi antara satu sama lain. Kedua, jumlah pertumbuhan 9.5% setiap tahun ini tidak masuk akal. Kerana ianya jauh lebih tinggi daripada purata pertumbuhan nasional, purata pertumbuhan serantau, purata pertumbuhan global, malah lebih tinggi daripada kadar purata pertumbuhan negara-negara maju. Maka Gombak Setia ingin bertanya, apakah rancangan utama Kerajaan Negeri dan apakah perincian pengiraan komponen utama KDNK dalam usaha untuk mencapai tambahan pertumbuhan kira-kira 70% tadi bagi merealisasikan Rancangan Selangor Pertama ini. Apakah rancangan-rancangan pembangunan ekonomi yang baru kerana berdasarkan usaha-usaha yang dibentangkan saya masih lihat ianya berkaitan dengan idea dan perihal yang sedia ada seperti digitalisasi, usaha ke arah negeri pintar serta projek-projek pembangunan yang kadangkala tidak masuk akal. Sebagai contoh, Projek Pembangunan Serantau Bersepadu di Selangor Selatan ataupun IDRISI, nama sedap. Pembangunan yang dianggarkan merangkumi jumlah keluasan 40,000 ekar dengan anggaran nilai pembangunan kasar GDV RM 1 trilion. Keluasan 40,000 ekar ini jumlahnya 1/3 daripada jumlah keluasan daerah Sepang dan 1 trilion ini nilainya 1,000 bilion ringgit. Apakah Kerajaan Negeri benar-benar yakin

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

pembangunan ini dapat direalisasikan dalam tempoh lima (5) tahun, ini kerana *indicator* ke-12 jelas menggariskan bahawa kadar penyelesaian projek pada tahap 100%.

Tuan Speaker, cuba kita semak, ataupun cuba kita cari mana projek dalam Negeri Selangor yang GDV nya tak perlu ambil 1,000 bilion tadi. Kita ambil 10 bilion, GDV nya 10 bilion. Boleh disiapkan dalam tempoh 10 tahun. Ini baru 10 bilion. Yang kita bincang tadi 1 trillion. Maksudnya 1,000 bilion ringgit. Saya mohon pada Kerajaan Negeri untuk memberikan perincian kepada projek ini berdasarkan angka-angka yang diberikan.

Tuan Speaker, bidalan Melayu berkata, “ukur baju di badan sendiri”, begitu juga dengan perancangan kita untuk merealisasikan sesuatu matlamat khasnya 19 projek pemacu perubahan atau *game changer project*. Saya meneliti satu persatu cadangan projek-projek yang saya yakin akan dilaksanakan dengan kerjasama mahupun swasta yang pastinya nilai pelaburannya bilion-bilion dengan GDV trillion-trillion. Saya mohon Yang Amat Berhormat Dato’ Menteri Besar untuk memperincikan kemampuan fizikal Kerajaan Negeri. Kapasiti anak-anak syarikat Kerajaan Negeri mahupun dengan izin *committed capital* daripada pihak swasta yang telah pun diperolehi untuk merealisasikan hasrat ini. Apakah hasil laporan *what-if-analysis* atau *sensitive analysis* bagi mengukur keupayaan mendapatkan dana dalam melaksanakan usaha-usaha ini. Sekali lagi di manakah elemen kajian risiko serta *what-if-analysis* dan *sensitive analysis* mengambil kira kesan peperangan Rusia dan Ukraine, *disruption in supply chain* dengan izin. Kesan inflasi global dan pelbagai lagi seperti mana laporan Rancangan Selangor Pertama ini. Saya ingin menegaskan sekali lagi, bahawa unjuran sasaran KDNK sebanyak 30% tadi adalah berdasarkan *indicator*-nya pelaksanaan 100% projek-projek dalam Rancangan Selangor Pertama.

Tuan Speaker, saya ingin memperhalusi perbahasan ini kepada usaha Kerajaan melaksanakan pembangunan infrastruktur digital dan pendigitalan yang turut menjadi salah satu agenda dalam Rancangan Selangor Pertama. Gombak Setia ingin bertanya apakah justifikasi pelaburan ekuiti Kerajaan Negeri? Melalui MBI dalam Syarikat Wave Pay System Sdn. Bhd. Bagi pembelian pegangan saham ekuiti 49% dengan nilai 10 juta ringgit. Ini kerana berdasarkan laporan SSM berhubung laporan kewangan berakhir 31 Disember 2021, bagi Syarikat tersebut kelihatan seolah-olah pelaburan yang dibuat adalah defisit nilai sifatnya. Berdasarkan semakan yang saya buat Syarikat Wave Pay System Sdn. Bhd. Ini hanyalah merupakan syarikat yang memiliki modal berbayar sejumlah RM200,000.00. Pendapatan ataupun *revenue* tahunan hanya kira-kira 52,766.00. Syarikat ini mencatatkan kerugian sejumlah 1.9 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021. Kerugian terkumpul bagi syarikat ini dari tahun 2017 hingga 2021 berjumlah lebih 4.7 juta ringgit.

Bahkan, Tuan Speaker, syarikat yang kita labur ini hah Kerajaan Negeri labur ini syarikat ini mempunyai tanggungan liabiliti sejumlah hampir 1 juta melebihi keupayaan aliran aset

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

semasa yang hanya berjumlah 184,462.00. Saya ingin bertanya di manakah justifikasi pelaburan yang munasabah untuk Kerajaan Negeri menyuntik sehingga 10 juta ringgit kepada syarikat yang tidak mempunyai aset malah tidak mempunyai pendapatan. Lebih memerlukan saya kerana melalui pelaburan yang begini besar jumlahnya 10 juta Kerajaan Negeri hanya mendapat pegangan saham 49% dan mungkin *golden share*. Saya amat yakin laporan (bahasa Inggeris) yang dilakukan oleh para pegawai kerajaan mahupun perunding pasti menunjukkan kesenjangan nilai yang ketara di antara jumlah pelaburan dengan kedudukan kewangan syarikat.

Saya ingin bertanya, apakah Kerajaan Negeri meragui kemampuan dan kapasiti anak-anak syarikat milik Kerajaan Negeri? Misalnya saya beri contoh, Selgate Healthcare Sdn. Bhd. yang telah pun yang merupakan pemilik kepada Aplikasi SELangkah yang telah pun diluluskan oleh Bank Negara Malaysia untuk melaksanakan perkhidmatan e-Wallet dengan produk Selangkah e-Wallet.

Tuan Speaker, sesungguhnya bagi saya pegangan 49% saham tidak dapat menjamin kepentingan dan keselamatan data peribadi rakyat Negeri Selangor kerana tanpa pegangan saham majoriti, Kerajaan Negeri tidak akan mempunyai kawalan terhadap pengurusan, terhadap operasi, terhadap aset serta yang paling penting terhadap maklumat dan data strategik milikan syarikat. Apatah lagi *WavePay*, e-Wallet bakal digunakan sebagai gerbang bayaran ataupun *payment gateway* utama Kerajaan Negeri, jabatan serta agensi-agensi Kerajaan Negeri. Ini bermakna segala jenis transaksi cukai, bayaran bil serta lain-lain transaksi antara rakyat Negeri Selangor dengan Kerajaan Negeri akan melalui *WavePay*, eWallet yang tidak dapat dikawal selia oleh Kerajaan Negeri Selangor. Justeru, apakah jaminan Kerajaan Negeri terhadap kepentingan dan keselamatan data Kerajaan Negeri serta maklumat peribadi rakyat Negeri Selangor memandangkan projek ini, saya dimaklumkan telah pun mula dilaksanakan?

Justeru Tuan Speaker, Gombak Setia memohon Kerajaan Negeri sebagaimana yang saya sebutkan tadi, kita ada matlamat yang sama. Tujuan kita adalah untuk menjana kemakmuran negeri dan juga menjana kesejahteraan untuk rakyat Negeri Selangor. Tetapi penting untuk kita memastikan usaha yang baik ini disemak kembali supaya ianya menggunakanunjuran yang tepat, data yang betul supaya akhirnya kita dapat mencapai matlamat sebagaimana yang kita gariskan dalam Rancangan Selangor Pertama 2021-2025. Dengan izin, terima kasih Tuan Speaker.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Speaker.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Tuan Speaker. Saya terus kepada perbahasan. Perkara yang pertama yang Kampung Tunku ingin sentuh berkenaan Teras 1 – Pengukuhan Ekonomi berkenaan pengukuhan sektor pelabuhan dan logistik. Pada tahun 2020 semasa waktu awalan pandemik Covid-19, kita melihat bahawa industri perkapalan, logistik dan rangkaian perbekalan ataupun *supply chain* (dengan izin) seolah-olah *jammed* secara tiba-tiba. Selain itu pandemik, krisis laluan *Suez Canal* yang dihalang oleh kapal gergasi *Ever Given* antara 23 hingga 29 Mac 2021 telah menunjukkan bahawa bidang logistik dan *supply change* (dengan izin) kena ubah perspektif dan operasi mereka daripada model *Just In Time* (dengan izin) *to Just In Case* yang melibatkan daya tahan dan kebolehan untuk membuat *local sourcing*. Negeri Selangor menjadi rumah kepada beberapa pelabuhan utama yang memudahkan perdagangan tempatan dan antarabangsa. Jadi saya gembira melihat projek program dan inisiatif utama di bawah RS-1.

Soalan saya kepada pihak kerajaan ialah apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan industri pelabuhan dan logistik kami berdaya tahan sekiranya terdapat pandemik pada masa hadapan? Soalan kedua berkenaan Projek Carey Selangor. Apakah impak kepada masyarakat orang asli di Pulau Carey? Kedua, bolehkah masyarakat orang asli diserap sebagai tenaga pekerja dalam projek Carey Selangor supaya Kerajaan Negeri dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan di sana?

Kedua, berkaitan dengan ekonomi digital. Dua minggu yang lepas, pihak saya bersama Ahli-ahli Majlis MBPJ baru menganjurkan *PJ Startup Festival* bersama *Selangor Information Technology and Digital Economy Corporation* (SIDEK) rakan kongsi dalam bidang modal teroka *venture capital* dengan izin, *private equity* dengan izin dan lain-lain. Program ini juga berjalan serentak dengan Jelajah Usahawan Digital Selangor Peringkat Daerah Petaling anjuran SIDEK dan telah menarik lebih kurang 5,000 orang selama dua hari. Pada masa negara-negara jiran semakin menjadi tempat untuk *startup unicorn* dan bakal *unicorn*, saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri apakah langkah kita untuk memastikan *unicorn-unicorn* ini di kekal di Selangor, kekal di Malaysia? Kita dah lihat contoh yang paling utama *Grab* berpindah ke Singapura dan sekarang kita ada satu sahaja iaitu *Carsome*. Jadi Kerajaan Negeri haruslah *make it attractive* dengan izin agar *unicorn* itu kekal di Negeri Selangor.

Antara satu cadangan ialah untuk dengan izin, *improve our story telling and share our success stories*. Ramai *panelist* daripada syarikat-syarikat dan agensi seperti MDEC, BSAF, Bursa *Krypto Currency* seperti Luno dan lain-lain yang menyertai *PJ Startup Festival* berpendapat bahawa eko-sistem ekonomi digital Malaysia mesti menambah baik *story telling* kami dengan izin, supaya *startup unicorn* yakin bahawa Negeri Selangorlah tempat yang paling sesuai untuk mereka. Selain itu, ekonomi digital yang diterajui Kerajaan Negeri Selangor haruslah bersifat *inclusive*.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Saya amat tertarik dan terharu dengan perkongsian Yang Berhormat Senator Dato' Ras Adiba Radzi semasa panel di *PJ Startup Festival* yang bertajuk dengan izin, *Digital Economy Global Opportunities For All*. Yang Berhormat Senator Ras Adiba telah berkongsi tentang golongan OKU yang telah mulakan *business* sendiri dalam talian semasa pandemik Covid-19 dan golongan OKU juga terkejut sebab mereka tidak sangka bahawa mereka mampu menyertai dan berjaya sebagai usahawan digital kecil. Mendengar perkongsian Yang Berhormat Senator, bantuan yang mereka perlukan secara amnya termasuk *upgrading of skills* dengan izin dalam pemasaran, *branding*, dengan izin dan juga *networking*, dengan izin. Dalam perjalanan kita menjadi lebih cakna terhadap cabaran dan keperluan golongan OKU, saya berharap SIDEC dan agensi-agensi lain yang mengusahakan ekonomi digital di bawah Rancangan Selangor 1 berfikir secara *inclusive* dalam perangkaan dasar, program dan juga bahan komunikasi. Perkara-perkara yang mudah dilaksanakan contohnya OCTEX ataupun menggunakan *color scheme* dengan izin yang mesra terhadap golongan buta warna juga dapat menggalakkan partisipasi golongan OKU dalam ekonomi digital.

Akhirnya saya ingin membangkitkan Aplikasi SELangkah. Sejujurnya, *I loved SELangkah* dengan izin. Selangkah saya rasa setakat ini lebih baik berbanding MySejahtera dan semasa tempoh pandemik, pasukan Kampung Tunku memang giat mempromosikan penggunaan Apps SELangkah. Dalam sidang-sidang yang lepas, SELangkah diwar-warkan seperti bakal menjadi *super apps*, dengan izin untuk warga Selangor mendapat maklumat dan berurusan dengan Kerajaan Negeri Selangor. Saya ingat dalam peringkat awalan SELangkah ada rancangan untuk *developed SELangkah based year* itu solusi, pembayaran bersatu untuk memudahkan transaksi digital dan selain itu, ada SELangkah *Wallet*.

Jadi saya ingin tanya, dalam contohnya Skim Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS), mengapa kita perlu gunakan *external provider* dengan izin seperti *WavePay*? Saya kira tak salah kalau kita bekerjasama dengan mereka tetapi kita patut menyerap dan integrasikan mereka ke dalam Apps SELangkah daripada mewajibkan orang untuk memuat turun *App WavePay*. Keperluan memuat turun dua aplikasi memberi kesan kepada *user experience* dengan izin dan kita pernah mengalaminya dengan Selangor Mental Sihat di mana asalnya pengguna perlu muat turun Apps *Wat Dot* sekiranya ingin mendapat temu janji dengan pakar kesihatan mental dan segelintir pengguna telah memberi maklum balas bahawa proses *transfer* dengan izin dari SELangkah ke *Wat Dot* agak menyusahkan. So, saya lihat perkara yang sama mungkin berlaku dengan proses *transfer* dari aplikasi SELangkah ke *WavePay*. Saya betul-betul harap Kerajaan Negeri akan mengambil kira faktornya. Again, *I love SELangkah* dengan izin. Tapi saya rasa SELangkah ini kita kena teruskan *branding* yang kuat, jangan bagi dia *branding* itu *diluted* dan kita perlu

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

menghasilkan solusi yang *simple* dan *elegance* dengan izin kerana tak semua orang cakna teknologi dan digitalisasi.

Perkara ketiga yang saya ingin sentuh berkenaan masyarakat menua. Secara amnya di dalam budaya orang Asia ini, warga emas mempunyai mentaliti negatif tentang penuaan. Contohnya nenek saya sendiri kerap berkata “*oh saya dah tua, tak boleh buat apa-apa*” walaupun dia masih boleh makan, tidur dan bergerak seiring dengan umurnya. Berbanding di barat, warga emas ada mentaliti berbeza. Usia tidak menjadi penghalang untuk mereka terlibat dalam aktiviti seperti mendaki bukit dan sukan lasak. Unjuran populasi Malaysia ke arah tahun 2025 dan seterusnya melihat Malaysia menjadi negara berpopulasi tua ataupun *aging society* dengan izin. Dan DUN Kampung Tua eh Kampung Tunku, bukan kampung tua merupakan antara DUN yang ada populasi tua yang tinggi. Tambahan itu, ramai mengalami simptom *emptiness* dengan izin, iaitu tinggal bersendirian dalam rumah sementara anak-anak telah berhijrah ke negeri atau negara lain. Oleh itu, saya gembira melihat inisiatif Kerajaan Negeri seperti platform pekerjaan Tenaga Kerja Warga Emas Selangor, platform Penuaan Aktivis Selangor, membina *facility* persaraan dan lain-lain. So kita diharaplah dapat mengubah mentaliti warga emas dan memberi mereka satu *assurance* dengan izin bahawa mereka tidak disisihkan begitu saja. So saya ucapkan terima kasihlah kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Perkara keempat berkenaan dengan wanita. Semasa sesi pertanyaan semalam, saya gembira mendengar bahawa Akademi Kepimpinan Wanita (AKW) telah melahirkan 5 orang Ahli Majlis Wanita dan 26 orang wanita yang bergiat aktif dalam NGO. Saya juga gembira mendengar berita bahawa AKW sedang berusaha memperoleh akreditasi daripada MQA supaya penyertaan wanita dalam AKW akan diiktiraf oleh majikan dan agensi-agensi lain lalu memberi lebih banyak peluang pekerjaan.

Dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin mengingatkan bahawa Negeri Selangor merupakan negeri yang pertama untuk meningkatkan had umur berkahwin daripada 16 ke 18 tahun. Semasa pandemik, pakar-pakar kesihatan telah melaporkan peningkatan bilangan kes kahwin bawah umur terutamanya antara keluarga miskin tegar. Oleh itu, saya kira pindaan tersebut ada di bawah kerajaan Selangor di bawah Pakatan Harapan ada kesan positifnya remaja perempuan di Selangor digalakkan untuk meneruskan pendidikan dan menyertai *work force* di Selangor. Namun saya berharap kita tidak berhenti sekadar sini, tetapi merancang ke arah *women friendly city* ataupun *women friendly state* dengan izin. Contohnya *facility* menyusu, kemudahan taska dan tadika dan saya ingin tekankan ia kena direka dengan baiklah. *It must be design*, dengan izin bukan di tempat-tempat bersembunyi ataupun ala kadar saja, *last minute* dengan izin. Contohnya kita pasang langsir dan anggap dah mencukupi.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Akhirnya, isu belia. Saya lihat dalam RS-1 bahawa pengangguran dan pekerjaan yang tidak setimpal dengan kelayakan adalah antara punca utama ketidakpuasan dalam kadar belia di Malaysia. Oleh itu, saya cadangkan Kerajaan Negeri harus rancakkan lagi program seperti *Job Fair*, *Job Care* dan program-program *upskilling*. Promosi harus ditingkatkan. Contohnya saya ada penduduk yang minat dengan *Job Fair* di Shah Alam tetapi *by the time she saw the ad*, program itu telah tamat. Saya juga ingin memberi satu cadangan radikal bagi senarai kakitangan awam di bawah kerajaan, bidang Kerajaan Negeri Selangor, setiap jabatan perlu ada kuota 30% wanita dan atau 30% belia. Kita boleh letakkan had umur pada 35 atau 40 *for convenience* dengan izin. Dengan ini, kita dapat jentera kakitangan awam yang berkepelbagaian yang *diverse* dengan izin yang boleh membawa perspektif dan idea yang segar kepada sektor perkhidmatan awam Negeri Selangor. Tambahan itu, belia akan rasa mereka ada ruang dan suara dalam merangka polisi Kerajaan Negeri Selangor terutamanya berkaitan dasar belia. Perasaan *belonging* dengan izin itu amat penting antara golongan belia *you know*. Dan saya rasa kira pentinglah dengan adanya undi 18 dan...

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Ya, saya.

TUAN SPEAKER : Ayat akhir.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Okay boleh. Okay, so yang terakhir saya ingin sentuh berkenaan kelestarian dan sumber air. Kebelakangan ini saya ingin bertanya tentang status henti tugas LRA Bukit Tampoi akibat aliran minyak di muka sauk. Saya ingin bertanya, berapakah akaun pengguna yang terjejas dan bagaimana kita nak elakkan perkara ini berlaku lagi? So, sekian saja isu-isu yang disentuh. Kampung Tunku mohon menyokong Usul No.14 Tahun 2022 – Usul Rancangan Selangor Pertama 2021-2025. Semoga semua perancangan kita menjadi realiti dan kebaikan demi warga Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Bharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih kepada Tuan Speaker yang memberikan peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan usul Rancangan Selangor Pertama 2021 hingga 2030 di Dewan yang mulia ini. Selepas ini saya akan menggunakan singkatan RS-1 saja. Saya ucapkan tahniah kepada Dato' Menteri Besar yang membentangkan RS-1 menjadikan Selangor sebagai negeri yang pertama merangka pelan pembangunan lima tahun. Saya ingin menyentuh empat tumpuan yang dirangka dalam buku RS-1. Pertama, saya lihat sektor tumpuan pelancongan yang ada satu menyatakan kepelbagaian

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

aktiviti pelancongan di Selangor pada muka surat 65. Antaranya adalah Tapak Warisan Kuala Kubu Baru. Saya mengucapkan terima kasih kepada Majlis Perbandaran Hulu Selangor yang mengindahkan tapak Warisan Kuala Kubu Baru itu. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Pekan Kuala Kubu Baru penuh dengan lukisan mural. Baru-baru ini pelukis Orang Asli yang terkenal Sheikh Koyok dan abangnya Ramlan Koyok dijemput untuk menghasilkan karya bertema kehidupan masyarakat Asli Temuan didinding lorong belakang Jalan Dato' Muda Jaafar Kuala Kubu Baru. Sheikh Koyok itu mungkin dari Pulau Carey ya, dia orang Banting. Lukisan mereka akan menjadi mural budaya Orang Asli yang pertama di Malaysia. Saya mencadangkan kempen "Pusing Selangor" mempromosikan mural tersebut supaya orang awam lebih menfahami kehidupan dan budaya Orang Asli Temuan. Saya mendapati isu dan cabaran slaid hayat yang tertulis dalam RS-1 memang tepat menunjukkan keadaan semasa iaitu kekurangan bakat kemahiran dan kekurangan dana mengakibatkan kekurangan inovasi. Adakah strategi yang dirangka boleh mengatasi isu dan cabaran yang dihadapi? Pada pandangan saya peranan SBIOCO adalah sangat penting. Saya mencadangkan SBIOCO memberi geran kepada pasukan penyelidikan bagi tujuan inovasi.

Tuan Speaker, program khas kerjasama makmal adalah satu inisiatif yang sangat baik. Saya mengambil contoh di negara China. *China Pharceutical Univercity* (CPU) atau Bahasa Cina panggil "*Cong Kuo Yao Keta Shi Dinan Qing*" yang bekerjasama dengan 10 syarikat besar di mana syarikat tersebut memberikan biasiswa kepada pelajar yang terpilih dengan cara tersebut, syarikat-syarikat tersebut akan berterusan mempunyai bakat untuk bekerja dalam *drug discovery*, dengan izin hasil penyelidikan juga boleh digunakan secara komersial dengan senang oleh syarikat tersebut. Saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa CPU, Universiti tersebut juga bekerjasama dengan UITM. Kedua-dua Universiti itu telah menandatangani MOU. Dengan ini saya yakin program khas kerjasama makmal akan meningkatkan daya saingan negeri kita yang pintar berdaya huni dan makmur. Tuan Speaker agroteknologi merupakan salah satu sektor tumpuan dalam RS1. Kesuburan tanah adalah satu perkara yang asas bagi bidang sains tanah dan sektor pertanian. Dengan ini kerajaan Selangor perlu pandang serius terhadap tanah dan saya mencadangkan PKPS iaitu Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor menghasilkan lebih banyak baja Bio-organik untuk menggantikan baja kimia. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Indonesia telah menghalang penggunaan baja kimia secara berperingkat. India pula menggalakkan petani mereka menggunakan baja bio dan racun serangga bio melalui skim subsidi di mana petani boleh mendapat duit *investment* dengan izin dengan menunjukkan bukti termasuk resit membeli produk tersebut. Selangor patut menjadi negeri pertama yang seratus-peratus mengurangkan baja bio organik bawah RS-1. Selain daripada itu Tuan Speaker, kerajaan Selangor perlu menggalakkan anak muda yang lebih muda menyesuaikan diri dalam dunia teknologi menceburi sektor pertanian. Agrobank mengadakan skim pembiayaan sehingga RM 500 ribu kepada usahawan tani

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

muda. Kerajaan Selangor tidak mempunyai bank tetapi mempunyai RS-1. Saya yakin kerajaan Selangor juga boleh membantu usahawan tani muda kita dari segi modal dan teknologi untuk memperkuatkan keselamatan makanan Malaysia. Akhirnya saya ingin memberi pandangan saya mengenai wanita, keluarga dan komuniti yang merupakan bidang tumpuan RS-1. Saya amat bangga dengan Dewan yang amat mulia ini, sepanjang sembilan tahun saya selaku Ahli Dewan Negeri yang mewakili rakyat Kuala Kubu Bharu tidak pernah ada seorang Ahli Dewan Negeri mengeluarkan perkataan yang menghina wanita atau tidak menghormati wanita seperti di Parlimen.

Baru-baru ini di Parlimen kecoh kerana seorang Ahli Parlimen yang sangat tidak menghormati wanita. Beliau menggunakan perkataan bermula dengan P. P tu bukan bermaksud Pandamaranlah dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang Anti Gangguan Seksual. Ini tidak berlaku di Dewan ini, saya harap pada penggal yang akan dan penggal yang seterusnya tidak akan berlaku di Dewan Negeri Selangor yang mulia ini. Keadaan yang berlainanlah, ini yang kita ada. Saya terima kasih kepada Ahli Dewan Negeri lelaki bukan sahaja menghormati wanita malah menyokong segala usaha kerajaan Selangor untuk memperkasakan wanita. Marilah kita memupuk kesedaran terhadap kesaksamaan gender demi kesejahteraan.

AHLI DEWAN : Hidup wanita. Hidup wanita. Kami sayang wanita.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih. Terima kasih. Saya dan rakan-rakan wanita dalam Dewan yang mulia ini akan sentiasa memastikan sepuluh program dan inisiatif yang digaris dalam bidang wanita, keluarga dan komuniti itu yang termaktub dalam Buku RS1 itu dilaksanakan dengan baik. Sekian sahaja saya menyokong usul ini.

TUAN SPEAKER : Ya. Terima kasih Kuala Kubu Bharu. Sebelum saya teruskan, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Pagi ini kita juga menerima lawatan daripada mahasiswa dan mahasiswi yang merupakan sukarelawan di Pusat Khidmat Ahli Dewan Negeri DUN Meru, daripada Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS) seramai enam orang. Selamat datang ke Dewan Negeri Selangor. Saya beri kepada, oh ini panjang ini ya. Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker ya untuk memberikan peluang kepada saya untuk turut membahaskan Usul Rancangan Selangor Pertama oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor. Jadi pertamanya saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang mengeluarkan satu naskhah Rancangan Selangor Pertama yang menjadikan Usul pada sidang kali ini. Dan saya melihat bahawa naskhah-naskhah seperti ini sebenarnya sangat berharga cuma, beberapa agenda yang berlaku juga sebelum ini adalah soalnya sejauh mana kita dapat

mengambil tindakan selepas itu. Termasuklah beberapa agenda-agenda oleh Kerajaan Negeri ataupun Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor sendiri berkaitan dengan klusterisasi dan sebagainya yang saya kira dibentangkan pada peringkat awal beliau sebagai Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor. Tetapi dalam sidang-sidang bajet seterusnya tidak berlaku ataupun tidak diperlihatkan kepada kita perancangan-perancangan berkaitan klusterisasi sehingga saya ingat dalam sidang yang lepas saya sentuh apakah jadi dengan perancangan klusterisasi itu. Dan sebab itu saya melihat bahawa tindakan selepas itu adalah satu perkara yang sangat penting. Jadi Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin menyentuh beberapa perkara untuk memberikan pandangan-pandangan, cadangan, saranan di dalam perkara-perkara yang dibincangkan dalam Rancangan Selangor Pertama. Dan sudah tentulah saya kira, saya amati kenapa rancangan ini dikeluarkan adalah berkaitan terutamanya apabila berlaku krisis bukan sahaja berlaku di negara kita, bukan sahaja di Selangor tetapi di dunia. Berkaitan dengan soal peranan kuasa-kuasa besar Amerika, China, Rusia. Berkaitan dengan perubahan iklim yang berlaku di dunia. Berkaitan dengan wabak pandemik Covid-19 yang berlaku di dunia dan akhirnya melumpuhkan sistem ekonomi kita sedikit sebanyak kesihatan kita dan juga berkaitan dengan keperluan pemakanan ataupun keselamatan makanan pada hari ini.

Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat, pertamanya saya nak menyentuh berkaitan dengan isu yang berkaitan atau perkara yang berkaitan dengan pengukuhan ekonomi. Secara fokusnya saya nak menyentuh berkaitan dengan Carey Selangor yang melibatkan lebih kurang dalam 6 ribu hektar yang akan dibangunkan dalam pembangunan zon ekonomi khas Pulau Carey ini. Cuma apa yang saya lihat di situ jangka masa yang diletakkan adalah 2025 hingga 2060. Sedangkan kalau kita lihat bahawa perancangan atau Rancangan Selangor Pertama ini 2021 sehingga 2025. Tetapi saya tidak menidakkan apa juga pembangunan yang akan dilakukan, tidak berlaku esok kita nak buat baru hari ini. Kita merancang sudah tentu dalam tempoh pada hari ini mungkin di peringkat Kerajaan ini merancang untuk bagaimana pelaksanaan pembangunan Carey Selangor itu berlaku pada jangkaan 2025 - 2060. Saya juga nak dapat respons daripada Kerajaan Negeri sebenarnya. Sebab saya sebagai Ahli Dewan Negeri, kawasan di mana Pulau Carey ini adalah sebahagian daripada kawasan saya. Sehingga pada hari ini saya tidak mendapat apa-apa maklumat ataupun taklimat bagaimana pelan '*master plan*' yang akan dibangunkan di kawasan khas Pulau Carey ini ataupun pembangunan Pelabuhan Ketiga yang disebut-sebutkan sebelum ini terutamanya daripada Kerajaan Pusat. Sama ada perancangan yang akan dirancang oleh kerajaan ini adalah hanya bergantung kepada perancangan pembangunan pelabuhan yang saya kira tunggak pembangunan di situ yang mungkin telah dibincangkan kepada pihak Kerajaan Negeri yang mungkin tidak sampai kepada kami sebagai ADUN ataupun saya sendiri sebagai Ahli Dewan Negeri Tempatan. Ataupun Selangor ini merancang bagaimana Selangor sebagai sebuah negeri yang mempunyai tanah kepentingan tanah di situ. *Compliment* kepada pembangunan itu

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

ataupun menjadi sokongan kepada pembangunan itu. Cuma apa yang saya harapkan ada mungkin sedikit sebanyak makluman daripada Kerajaan Negeri bagaimana pembangunan yang akan berlaku di situ sekurang-kurangnya. Input-input daripada masyarakat tempatan, daripada ADUN-ADUN dapat membantu mencorakkan pembangunan sebuah pelabuhan yang akan dibangunkan sebagai kawasan ekonomi khas Pulau Carey itu sendiri. Cuma saya nak menarik juga kepada mungkin pertimbangan Kerajaan Negeri melalui pengalaman ataupun sejarah yang berlaku di dalam pembangunan di kawasan kita. Satu saya nak sebutkan apabila Kerajaan Negeri dulu merancang untuk pembangunan Canon City, sebahagian tanah yang akan terlibat di situ adalah kawasan tanah *Malay reserve* dan juga kawasan-kawasan Orang Asli penempatan dan juga kawasan rayau. Yang mana akhirnya kalau saya lihat mungkin, bukan ini pandangan saya seolah-olah agak kepentingan tempatan itu tidak dilihat secara tuntas. Apa yang berlaku apabila perancangan itu berlaku, penempatan Orang Asli ditempatkan kepada satu Desa Kemandul ataupun tanah perumahan, kawasan raya diganti kawasan bukan sahaja di negeri tetapi di luar daripada Negeri Selangor. Bagaimana mungkin Orang Asli ini boleh menjadikan kawasan rayau yang mungkin menjadi pendapatan dia sedangkan mereka duduk di Negeri Selangor di Taman Desa Kemandol. Yang saya melihat bahawa akhirnya kepentingan mereka ini tidak diletak pada *priority* yang pertama. Yang kedua adalah berkaitan tanah *reserve* Melayu yang mana akhirnya disebabkan projek itu tanah *reserve* Melayu terpaksa diganti dan penggantian ini juga saya ingat memberi kesan yang sangat tidak baik. Sebahagiannya diganti di kawasan di daerah Hulu Selangor yang menjadi kawasan penerokaan, yang saya kira juga menjadi masalah itu isu penyelesaian peneroka-peneroka di sana. Yang kedua sebahagiannya digantikan sebagai tapak *reserve* Melayu di kampung Melayu Orang Asli. Yang mana kawasan ini dahulunya ini sudah diteroka oleh sebahagiannya orang-orang Asli eh orang-orang Melayu dan sebahagiannya orang-orang India yang telah menanam sumber pendapatan kepada mereka yang akhirnya juga menjadi isu kerana bila di-reserve kan orang Melayu kepada *reserve* Melayu orang-orang kepentingan orang-orang India sudah tidak ada di situ. Dan saya dimaklumkan ada jaminan-jaminan untuk menggantikan yang sehingga pada hari ini kita tidak dapat menyelesaikan. Saya ingat dalam tempoh hari semasa saya menjadi terlibat dalam Kerajaan Negeri sebagai EXCO juga, kita cuba merancangkan tetapi kita gagal masih lagi tidak berjaya untuk menggantikan tempat yang seperti ini.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Sijangkang sila duduk. Sambung nanti, lima minit untuk sesi sebelah petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, jam telah menunjukkan 12.00 tengah hari maka saya menangguhkan Dewan hingga ke pukul 3.00 petang. Dewan ditangguhkan.

(DEWAN DITANGGUHKAN)

(DEWAN DISAMBUNG SEMULA)

(TUAN TIMBALAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Assalammualaikum W.B.T.. Selamat petang. Saya persilakan Yang Berhormat Sijangkang untuk menyambung perbahasan.

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Apa yang saya sebutkan pagi adalah kepentingan untuk masyarakat tempatan terutamanya orang-orang Asli, orang-orang Melayu dan juga orang-orang India di beberapa perkampungan yang ada di Pulau Carey itu. Orang Asli ada 6 kampung, kampung Melayu 1 dan kampung India ada 1, satu lagi saya nak sentuh berkaitan kepentingan mereka juga. Yang mana sebahagian besar daripada mereka terutamanya orang Asli ini, sumber pendapatannya adalah dengan mereka sebagai nelayan dan saya harapkan ini juga akan pertimbangkan apabila pembangunan itu tidak ke sampingkan. Walaupun saya faham sebahagian daripada kita kadang-kadang terpaksa berkorban demi pembangunan tetapi saya kira ini harus juga dipertimbangkan kerana itu sebahagiannya adalah satu-satunya punca pendapatan kepada mereka. Hari ini pun mereka dah cukup agak selalu nak cakap diganggu dalam *inverted comma* kerana apabila dijadikan sebagai zon polemik, mereka juga selalu juga dihambat oleh mereka-mereka berautoriti di atas aktiviti-aktiviti yang mereka jalankan.

Perkara yang seterusnya yang saya nak sentuhkan adalah berkaitan dengan keterangkuman sosial bagaimana pembangunan-pembangunan perancangan ini untuk mengukuhkan lagi sumber ekonomi pendapatan kepada Kerajaan Negeri. Harus juga dari sudut pendidikannya yang saya nak sebutkan ini, keterlibatan mereka sebagai tenaga-tenaga kerja, sama ada profesional atau bukan profesional. Di seluruh negara di seluruh Negeri Selangor ini kalau hari ini semalam pun kita membincangkan soal tenaga-tenaga daripada luar, pendatang-pendatang bukan warganegara tetapi saya kira dalam tempoh ini juga, difikirkan bagaimana institusi-institusi pendidikan di bawah Kerajaan Negeri UNISEL, KUIZ dan beberapa institusi lain dan boleh merancang bagaimana sumber-sumber tenaga yang akan diperlukan nanti. Benar-benar menepati dengan soal pendidikan yang akhirnya mereka ini akan menjadi sumber tenaga kepada masyarakat ataupun pembangunan di negara kita. Apatah lagi mungkin pada mereka yang berada di sekitar kawasan-kawasan pembangunan itu, kita tidak mahu masyarakat itu hanya melihat sekadar melihat pembangunan berlaku tapi mereka tidak terlibat. Sebab itu saya rasa program-program di bawah Kerajaan Negeri termasuklah kalau di pelabuhan ini sudah tentu kalau dari sudut logistiknya juga, sektor logistiknya akan juga menjadi sebahagian daripada pembangunan yang dirancangkan sudah tentu ramai pemandu-pemandu yang profesional diperlukan.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Mungkin Kerajaan Negeri juga boleh memikirkan bagaimana keterlibatan masyarakat untuk melahirkan, sebagai contoh pemandu-pemandu profesional ini.

Perkara yang seterusnya saya nak sentuhkan adalah berkaitan dengan pemacu kelestarian. Hari ini saya menjadi kegusaran kepada masyarakat apabila berlaku perubahan iklim ataupun ragam iklim yang berlaku yang menyebabkan akhirnya berlaku kejadian-kejadian bencana banjir sebagai contoh, yang kira ini antara perkara yang berlaku sekarang ini. Kalau hujan lebat, lebih sedikit masyarakat akan, akan risau. Begitu juga di kawasan saya di DUN Sijangkang, di kawasan Teluk Panglima Garang, Jalan Perepat, Jalan Pusara, Batu 9 Kebun Baru hatta di Ijok pun atau kawasan-kawasan lain, juga ini menjadi satu kerisauan kepada masyarakat tempatan. Hujan sahaja banjir air naik masuk ke rumah, banjir sahaja saliran kita akan dipersalahkan. Saya ingin kita telah dengar juga daripada EXCO Infrastruktur yang menyebutkan ada perbincangan secara holistik untuk menyelesaikan masalah mitigasi banjir ataupun sistem penyaliran ataupun air di Negeri Selangor. Yang saya kita juga ternanti-nanti, yang saya lihat dalam naskhah Rancangan Selangor Pertama ini, saya ingat Menteri Besar sedikit menyentuh berkaitan isu banjir untuk mendalamkan sungai, soal takung, soal tabungan air, saya ingat kita perlu juga didedahkan perancangan di peringkat Kerajaan Negeri dalam terutamanya mitigasi banjir di Negeri Selangor.

Begitu juga saya ingat soal kelestarian ini, berkaitan dengan hutan-hutan yang menjadi sumber oksigen kepada kita dan menguraikan karbon dioksida yang berlaku bukan sahaja di negeri kita tapi juga di negara kita. Kita dimaklumkan 30% hutan itu masih lagi terpelihara. Tapi kalau dapat respons daripada Kerajaan Negeri daripada 30% itu berapa jumlah hutan darat yang masih lagi terpelihara. Hutan bakau yang masih lagi terpelihara, hutan paya gambut yang masih lagi terpelihara. Saya cukup khuatir seperti mana yang saya sebut dibahaskan oleh Sungai Air Tawar semalam berkaitan dengan penebang bakau yang akhir nak jadi tanam sawit, ladang sawit pun tak jadi dan terbiar begitu. Kerana saya kita ini adalah khazanah yang sangat penting sebenarnya bakau ini, dan saya cukup *consist* berkaitan dengan ini. Baru-baru ini saya dapat maklumat daripada Malaysiaan National Society (MNS) bahawa sebahagian Hutan Alam Kuala Selangor yang akan dibangunkan sebagai pusat rekreasi Antarabangsa, Pusat Pelancongan Antarabangsa. Dan ini adalah sebahagian daripada hutan bakau sebenarnya dan saya kira kalau apa statusnya terkini tetapi seingat saya tahun 2019 dulu ada usul oleh Kerajaan Negeri untuk mewartakan hutan paya baku ini sebagai hutan simpan kepada Negeri Selangor. Kalau perancangan itu berlaku dan akhirnya memusnahkan sebahagian daripada bakau kita, saya ingat ini satu kerugian kerana dengan adanya bakau ini sebagai penampang kepada kesan daripada apa ini perubahan iklim, naiknya paras laut menyebabkan rebak-rebak kita punya ban-ban dan sumber-sumber alam flora dan fauna yang saya kira cukup memberi impak kepada masyarakat mungkin akan terganggu.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Kemudian saya juga ingin menyentuh soal berkaitan dengan sektor pertanian, walaupun Selangor kita tidak menyumbang KDNK yang begitu tidak sehingga 5 bilion pun KDNK daripada Negeri Selangor dan saya ingat kadar perkembangan pun tidak tinggi tetapi saya melihat dalam keadaan kesan daripada COVID-19 daripada apa yang berlaku di dunia pada hari ini saya ingat beberapa negara cukup menumpukan soal keselamatan makanan ataupun *food security*. Jadi saya ingat walaupun di Negeri Selangor ini keadaannya begitu saya juga ingin melihat apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam sudut *food security* ini sendiri. Kita ada jelapang di Negeri Selangor, saya tidak tahu sehari ini, mungkin Kerajaan Negeri boleh respons berapa keluasan yang ada masih lagi berfungsi sebagai jelapang padi, berapa keluasan yang mungkin sudah terbiar sifatnya. Dan apa inisiatif daripada Kerajaan Negeri, sama ada mungkin melalui PKPS ataupun apa-apa juga GLC bawah Kerajaan Negeri untuk kita usahakan. Sekurang-kurangnya kita boleh melihat kalau hari ini menekan soal *internet of thing* ataupun kaedah teknik pertanian yang moden. Kalau disasarkan penghasilan beras ataupun padi tujuh tan perhektar. Kita nak tahu juga berapa setakat ini yang kita dapat hasilkan perhektar dan apa unjuran kita? Sebab saya lihat sekurang-kurangnya kita ada jelapang padi di Negeri Selangor. Singapura yang tidak ada tanah tidak ada jelapang padi boleh menjadi pengeluar beras yang terbesar di dunia. Kenapa tidak mungkin Selangor ini kita juga mempunyai usia ke arah itu. Selain daripada itu sumber sayur-sayuran juga sumber daging.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan. Saya tak pasti Singapura merupakan pengeluar beras, pengeluar yang terbesar di dunia. Dia keluar ke? Dia tanam? Ataupun pun dia macam ..beli dan sewalah.

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Dia sewa daripada dan dia kemudian dia, dia mampu mengeluarkan terbesar di dunia.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : pengeluar itu dia kena ada ialah dia kena ada apa ni ialah terima kasih.

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : ok

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIIEW : Sijangkang. Boleh? Sikit sahaja.

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Timbalan Speaker, saya masa tak...

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIIEW : Bolehlah sekejap sahaja. Saya baru dapat komelin daripada petani-petani di kawasan Batang Kali. Dikata ada lima petani sudah menanam sayur yang berjaya di situ, bertahun-tahun. Baru-baru ini mendapat notis daripada pemilik tanam baharu yang dikata tanah mereka itu sudah diberikan kepada milik syarikat swasta. Apa pandangan Yang Berhormat dalam perkara macam ini? Orang bertani memang perlukan tanah, itu tanah kerajaan jadi dulu mereka ada TOL sekarang tidak ada

TOL, tapi tiba-tiba tanah diberikan kepada syarikat swasta. Kalau ini benar adakah ini adil? Pandangan Yang Berhormat.

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Sungai Pelek. Saya ingat ini harus Kerajaan Negeri lihat. Kerana kita juga didedahkan hektar yang begitu besar, tanah milik GLC, Kerajaan Negeri dan juga tanah-tanah yang belum dibangunkan ini. Dan saya ingat kalau pemaju atau petani-petani yang mempunyai kekuatan untuk memajukan seperti ini, penghasilan yang boleh diiktiraf sebagai berjaya. Saya ingat ini yang kena bantu, sebab itu melihat juga, tanah-tanah PKPM, tanah kekal pengeluaran makanan yang di ada di Negeri Selangor ini bawah Jabatan Pertanian Negeri Selangor ini ada 12 lokasi, dan di bawah Jabatan Veterinar ada 10 lokasi, bagaimana mungkin keperluan selain dari padi sebagai makan ruji, makanan ruji. Sayur-sayur ini juga bawah pertanian, kita harus bangunkan supaya akhirnya kita boleh mensasarkan dalam 5 tahun ini pertambahan tentu kalaupun tidak, mungkin 1% memerlukan keperluan kepada masyarakat ataupun rakyat kita boleh jangkakan unjur-anjur tertentu. Begitu juga tanah-tanah di bawah Jabatan Veterinar ini bagaimana usaha mungkin untuk menjadikan sebagai sumber pengeluaran protein utama sama ada penternakan kambing, lembu dan sebagainya, walaupun kita dimaklumkan PKPS boleh memberikan pengeluaran 500 ribu ekor setiap pusingan. Saya kira ini jauh daripada mencukupi. Jadi yang dihormati sekalian dan Ahli-ahli Yang berhormat saya kira ini antara perkara-perkara yang harus dititik beratkan oleh Kerajaan Negeri kerana saya suka melihat kepada bagaimana perencanaan ekonomi tokoh ilmuwan, tokoh ekonomi Islam Ibnu Taimiyah mengatakan bahawa tidak ada satu pun pemerintah yang menolak keperluan pengembangan ekonomi secara menyeluruh sebagai salah satu cara yang efektif pencapaiannya adalah melalui perencana ekonomi salah satu pemikiran penting dalam konsep Ibnu Taimiyah ialah industri pertanian, industri-industri yang lain dan sebagainya jika kegiatan seperti sukarela gagal untuk memenuhi kesediaan barang-barang yang diperlukan penduduk maka negara harus mengambil alih tugas tersebut untuk mengaturkan keperluan ataupun *supplies* yang layak. Jadi ini antara saya kira perkara-perkara yang sangat perlu diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri dan saya mengharapkan ia akan menjadi realisasi yang baik dengan adanya Rancangan Selangor Pertama naskhah ini dan kita harapkan Negeri Selangor menjadi sebuah negeri yang sejahtera yang indeks, indeks apa tadi, kebahagiaan sebagai sebuah negeri yang mempunyai indeks kebahagiaan pertama negara kita. Suka saya mengambil kata-kata daripada Yang Berhormat Bandar Klang tadi. Negeri itu mempunyai indeks kebahagiaan yang tinggi sebab yang tak bahagia dah lari ke Selangor, jadi Selangor sebagai sebuah negeri yang mengamalkan demokrasi yang terbuka, sangat-sangat meraikan mereka-mereka itu untuk datang ke Negeri Selangor atau bukan sebagai tenaga kerja di Negeri Selangor menjadi ADUN pun boleh, menjadi Speaker pun boleh, menjadi EXCO pun boleh, menjadi Menteri Besar pun boleh. Jadi dengan itu Yang Berhormat Timbalan Speaker saya menyokong dengan syarat apa yang dirancang ini harus ada

implementasinya yang terbaik. Insya-allah wallahualam. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Balakong.

Y.B. PUAN WONG SIEW KI : Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker kerana membenarkan Balakong untuk melibatkan diri dalam perbahasan Rancangan Selangor Pertama. Tahniah dan syabas, saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana berjaya mengemukakan Rancangan Selangor Pertama pada masa begitu kritikal ini, rakyat seluruh Malaysia terutamanya rakyat Selangor memang perlu satu rancangan dan hala tuju jelas dan mantap supaya kita semua dapat menghadapi dan mengatasi segala cabaran dan masalah berada sekarang di dalam tanah air tercinta kita ini. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat iaitu Selangor mempunyai daya tarikan berkaitan sektor pelancongan. Saya juga mengalu-alukan pembangunan Shah Alam. Kontemporari dan *modern art* sms sama kerana budaya disebarluaskan dan dikukuhkan melalui seni. *Culture is how you think act interact* dengan izin. Dengan mengukuhkan budaya kita melalui seni kita dapat menghasilkan satu generasi yang diselimuti dengan nilai-nilai murni dan jati diri yang sejati. Pada masa yang sama saya berpendapat bahawa *the beauty of the world lease in the dived city of this people* dengan izin terutamanya Selangor merupakan negeri dibina dan dibangunkan oleh pelbagai kaum dan etnik. Saya amat berharap sama dapat memperkenalkan seni dan budaya pelbagai kaum dan etnik di Selangor ini. Balakong merupakan satu kawasan yang baharu sahaja membangunkan pelancongan perindustrian kami dan kami juga menunjuk kepada dunia budaya dan semangat Balakong yang unik dan menarik hati. Pelancongan, perindustrian Balakong telah bermula dengan dua pakej. Pelancongan seminggu, iaitu pakej Hari Khamis dan pakej Hari Sabtu. Di sini saya juga ingin menjemput semua Ahli-ahli Yang Berhormat, datangkan menyertai program Pelancongan Perindustrian Balakong. Saya pastikan semua akan mempunyai satu pengalaman yang penuh dengan informasi dan membuka mata. Banyak kilang-kilang di Balakong merupakan kilang yang terkenal. Sebagai contohnya, *Polar Ice Cream, Sea Master, Mighty White, Ben's Chocolate, U Ai Moon Cake, Lakenow Biotech* dan sebagainya. Sebelum ini, saya pernah mendakwa beberapa perbincangan dengan wakil-wakil persatuan pengilang. Semua daripada kami, memang berharap, di DUN Balakong, kami boleh mempunyai satu, bangunan seperti SACMA, atau mungkin saiz separuh daripada SACMA pun, pun boleh la. Supaya kami boleh menjadikan bangunan ini sebagai satu pusat pameran dan dapatlah mengadakan program atau aktiviti seperti konvensyen perniagaan atau pelancongan. Ini bukan sahaja menjadi pemangkin pembangunan sektor pelancongan di Balakong, ia juga akan mendorong kebangkitan sektor pembuatan dan teknologi, bukan saja di Balakong, tetapi juga di seluruh Selangor. Dengan wujudnya peluang yang banyak bagi pemain-pemain industri ini, berkomunikasi dan bertukar pandangan mahupun pengetahuan.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai seorang wanita, saya amat gembira dan rasa bersyukur kerana di dalam Rancangan Selangor Pertama yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang mewakili Dewan Negeri Selangor yang mempunyai hanya 23.2%, dengan izin, Ahli Dewan Negeri Wanita ini, telah perasan keperluan golongan wanita dan berniat membantu wanita untuk mengatasi cabaran-cabaran semasa mereka ingin bekerja. Wanita sentiasa menghadapi cabaran yang lebih banyak, di masyarakat ini, terutamanya semasa kita cuba melibatkan diri dalam bidang pekerjaan atau politik, atau menjadi seorang pemimpin atau ketua. Masyarakat telah di format dengan konsep, wanita mesti menjaga keluarga, dan meletakkan keluarga sebagai yang paling penting di dalam kehidupan mereka. Dukacitanya, kebanyakan, *mind set*, dengan izin, orang ramai masih berpendapat bahawa wanita merupakan watak sampingan ataupun watak hiasan di atas kerjaya lelaki atau secara dunia ini. Seperti bunga di atas kepala saya ini. Hiasan saja. Saya mengalu-alukan rancangan-rancangan dalam RS-1, yang cuba mengurangkan beban wanita dengan menggalakkan lebih banyak majikan sektor awam dan swasta, untuk menyediakan aturan kerja yang lebih fleksibel dan juga menyediakan pusat asuhan kana-kanak serta bilik khas untuk penyusuan bayi di pejabat mereka.

Saya ingin mencadangkan satu inisiatif lagi untuk pertimbangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, serta Ahli-ahli Yang Berhormat EXCO juga. Selain daripada menggalakkan golongan wanita kekal atau kembali bekerja, kita boleh berusaha untuk meningkatkan peratusan wanita mempunyai hartanah sendiri. *Freedom and property, rights, in-separated, you can't have only one without the another*, dengan izin. Ini adalah apa yang dikatakan hampir 300 tahun yang lalu oleh George Washington, iaitu Presiden US pertama. Dalam pemikiran kebanyakan orang, ramai wanita masih di anggap sebagai watak samping dalam dunia kita ini, kerana mereka hanya bunga hiasan di tepi kerjaya lelaki. Dan apa yang lagi menyedihiakan adalah sebahagian besar wanita, juga berpendapat begitu. Kalau kita tidak cuba menukarkan pemikiran ini, apa... Sila.....

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Pelek.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIW : Saya, setuju dengan Balakong. Saya ada satu cadangan, apa pandangan Balakong iaitu selalunya wanita kerja di rumah ataupun suri rumah, tak de pendapatan, apa pun tak ada. Apakah pandangan Balakong, kalau setiap lelaki yang kerja.., apabila dia ada duit, dia beli rumah ke, kereta ke, dia masuk nama isteri dia. Apa pandangan, separuh, *half, half..* Terima kasih.

Y.B. PUAN WONG SIEW KI : Saya mengalu-alukan cadangan daripada Sungai Pelek. Tapi Sungai Pelek ada buat tak? Kita kena tanya Sungai Pelek dulu. Saya sambungkan. Kalau kita tak cuba menukarkan pemikiran ini, apa-apa usaha ataupun polisi

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

kerajaan cuba memperkenalkan, untuk membantu wanita, akan menghadapi cabaran kekurangan sambutan, atau mungkin sukar mencapai sasaran yang ditetapkan. Demi menukar persepsi wanita sebagai watak sampingan ini, salah satu cara, adalah meningkatkan peratusan wanita sebagai pemilik aset. Dengan mempunyai aset sendiri, seseorang akan lebih yakin untuk membuat keputusan sendiri. Dan merasai kepentingan sendiri. Secara langsung atau tidak langsung, pemilik aset itu, perlu membuat keputusan yang lebih banyak semasa menguruskan aset mereka. Dan ini akan melatih mereka menjadi seorang yang lebih berdikari dan berani membuat keputusan. Masyarakat juga akan menghormati pemilik-pemilik aset ini sebagai seorang induk yang berdikari dan bukannya watak sampingan oleh siapa-siapa. Jadi saya ingin mencadangkan kepada kerajaan Selangor, supaya mewujudkan insentif atau program khas, untuk menggalakkan golongan wanita membeli rumah Selangorku, rumah IDAMAN dan HARAPAN yang merupakan inisiatif-inisiatif kerajaan. Bagi menggalakkan rakyat Selangor mempunyai rumah sendiri. Syarat-syarat bagi wanita untuk mempunyai harta-harta ini boleh dilonggarkan seperti wanita yang hanya memiliki rumah dengan cara bersama pasangan, bersama pasangan, juga layak membeli rumah-rumah mampu milik atau kos rendah. Dan juga membenarkan mereka menyewa rumah tersebut kepada orang lain. Kerana kebanyakan wanita kalau mereka sudah berkahwin, seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sungai Pelek, mereka ada persamaan, ada harta yang bersama dengan pasangan mereka. Tetapi sebenarnya itu, bukan harta mereka. Harta itu masih di kuasai ataupun dimiliki oleh suami mereka. Jadi saya harapkan, kita ada inisiatif ataupun ada niat untuk membantu wanita mempunyai harta-harta sendiri, izinkanlah mereka ada harta-harta yang kedua, selain daripada nama dengan suami mereka. Dan sebenarnya kalau mereka beli rumah pun, beli harta-harta pun, kebanyakan masa mereka tak akan tinggal di situ, kerana mereka tinggal dengan mereka. Jadi izinkanlah mereka sewa rumah tersebut kepada orang lain, supaya dapat pendapatan yang lebih. Saya percaya dengan prihatin kerajaan Selangor dan kerjasama seluruh Ahli Dewan Negeri Selangor ini, tidak kira wanita atau lelaki, kita dapat mewujudkan.... Ya, Banting..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta mcelah. Terima kasih. Saya ingin berbalik sikit kepada suatu isu

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Masa tinggal 1 minit.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Pada suatu isu yang dibagi masa awal perbahasan Balakong, berkenaan kebudayaan. Di dalam Rancangan Selangor Pertama ini, ada satu yang dikenali sebagai Shah Alam Contemporary And Modern Arts. Dan saya bagikan ini supaya dapat diberi maklum balas oleh Yang Berhormat EXCO, Tanjung Sepat, iaitu tentang program ini, SACMA, nama SACMA. Apakah SACMA itu, adakah kerajaan patut memberi lebih banyak perincian, khususnya lebih-lebih lagi, kita tahu di Shah Alam

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

ni, ada Theater Shah Alam. Yang pada permulaan pentadbiran Pakatan Rakyat. Ia macam ada masalah teknikal, dari segi standard, dia punya spesifikasi, spesifikasi tidak menepati, kehendak pemain industri. Jadi apakah itu, kita harus menyeru kepada kerajaan supaya SACMA ini kena pastikan Theater Shah Alam ini boleh dipulihkan semula. Yang Berhormat.

Y.B. PUAN WONG SIEW KI : Saya setuju, Yang Berhormat Banting. Okey, saya, izinkan saya habiskan...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ayat terakhir, Balakong.

Y.B. PUAN WONG SIEW KI : Akhir la. Saya percaya dengan prihatin kerajaan Selangor dan juga kerjasama seluruh Ahli Dewan Negeri Selangor ini, tidak kira wanita atau lelaki, kita dapat mewujudkan lagi banyak polisi dan inisiatif untuk memperkasakan dan membangkitkan wanita. Dengan ini, saya mohon menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Seri Kembangan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Seri Kembangan ingin memberi kepujian kepada Kerajaan Negeri kerana merancang satu pelan yang cukup baik dan komprehensif. Pada pendapat saya, ia telah memberikan kepada negeri ini satu hala tuju yang jelas. Khususnya dalam zaman krisis ini. Tuan Timbalan Speaker, hari ini saya hanya akan menyentuh beberapa topik yang saya rasa akan menambahbaikkan kepada rancangan Selangor pertama ini.

Satu, dalam usaha untuk melaksanakan pelbagai projek dan program di dalam Selangor satu, adalah penting bagi agensi kerajaan untuk meningkatkan *efficiency* di semua kaunter perkhidmatan yang merupakan barisan pertama, yang berurus dengan rakyat. Secara amnya, segala permohonan daripada rakyat atau pelanggan kepada agensi kerajaan, perlulah cepat, ringkas, mudah dan di atas talian ataupun online. Saya ingin mengesyorkan kepada Jawatankuasa Pemantau, bahawa satu pasukan khas perlu ditubuhkan untuk menilai dan membantu agensi dan jabatan bagi mengurangkan masa pemprosesan sesuatu permohonan. Ganjaran ataupun insentif sebagai tanda sokongan perlu dianugerahkan kepada jabatan ataupun agensi yang kreatif dan mempunyai perubahan positif berdasarkan penilaian daripada rakyat dan juga pelanggan.

Dua, isu kelestarian dan alam sekitar, merupakan isu utama di tempat dan global. Cara pengurusan sisa pepejal merupakan satu cabaran besar kepada semua kerajaan. Seri Kembangan menyambut baik kepada kerajaan Negeri Selangor kerana telah mengambil inisiatif, dan langkah pro aktif untuk meningkatkan kecekapan rantaian pengurusan sisa

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

pepejal. Oleh sebab inovasi dan kemajuan teknologi, perbagai cara baharu telah diwujudkan untuk mengurus sisa pepejal dengan lebih mesra alam dan efisien. Justeru itu, saya ingin mencadang kepada Kerajaan Negeri, supaya bersikap terbuka untuk mengadakan dasar bagi mengadakan ataupun menggalakkan Pihak Berkuasa Tempatan, untuk menguruskan 10% - 30% sisa pepejal di hasil dalam kawasan PBT tersebut dengan teknologi hijau terkini, supaya Selangor tidak ketinggalan dalam zaman pengembangan teknologi yang begitu pantas ini.

Tiga, pelancongan merupakan salah satu penyumbang penting kepada ekonomi negara. Selangor kaya dengan tarikan semula jadi seperti hutan, gunung dan sungai. Justeru itu, ekopelancongan mempunyai potensi yang besar di negeri ini. Seri Kembangan ingin mengesyorkan Jabatan Perhutanan mempertingkatkan pengurusan dan pengawalan di tapak-tapak rekreasi hutan dengan :-

- i) Pengurusan sampah yang lebih cekap
- ii) Menyediakan infrastruktur yang berkualiti;
- iii) Melaksanakan sistem permohonan permit secara talian ataupun e-permit untuk mendaki gunung atau membuat lawatan di kawasan rekreasi hutan simpan.

Dengan cara ini, Kerajaan Negeri bukan sahaja akan mendapat hasil yang lebih banyak, pada masa yang sama, memudahkan pelancong untuk menikmati kecantikan sumber alam semula jadi di Selangor.

Empat, Tuan Timbalan Speaker, Seri Kembangan juga kagum dengan pelaksanaan pelbagai program kebajikan Kerajaan Negeri yang telah memberikan banyak manfaat kepada rakyat. Pada pendapat saya Negeri Selangor telah mendahului, negeri-negeri lain dalam program kebajikan ini. Demi menambahbaikkan bagi kesejahteraan rakyat, khususnya di kampung tradisi. Ya Sungai Pelek.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Terima kasih. Saya setuju dengan Seri Kembangan. Kebajikan untuk Negeri Selangor. Saya rasa, saya baru-baru ini, mendapat laporan daripada Menteri Besar sendiri bahawa kutipan di Selangor pun sihat, nampaknya kita akan mencapai matlamatnya dan *reserve* negeri sudah mencecah RM3 bilion dan sebagainya. Jadi apa salahnya kita beri suntikan dana yang lebih untuk kebajikan. Saya bagi contoh, SMUE, SMUE, kita mati, khairat dan sebagainya, boleh ada masa sudah sampai untuk tambah lagi. Sebab kita bermula dengan 2005. Sekarang hanya RM500.00 sahaja. Okey, dan juga TAWAS pun kita boleh kembalikan. Okey, terima kasih. Apa pandangan Seri Kembangan, adakah kita boleh tambah semua ini.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Okey, terima kasih kepada Sungai Pelek. Saya ras, Menteri Besar akan jawab nanti, ya. Okey, saya teruskan. Demi menambahbaikkan kesejahteraan rakyat, khususnya di kampung tradisi dan kampung baru, Seri Kembangan ingin mengesyorkan supaya Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempat dan Pejabat Daerah, untuk merangka satu rancangan khas tempatan bagi pembaharuan infrastruktur asas, seperti jalan, longkang, jambatan, lampu jalan, pili bomba dan lain-lain secara berperingkat untuk setiap kampung tradisi dan kampung baru, supaya mereka tidak dipinggir daripada arus pembangunan negeri.

Lima, Didalam sektor tubuhan di wilayah bersepadu di Selangor selatan juga tertera sebuah kolej universiti akan dibangunkan di kawasan Sepang. Daripada maklumat yang saya perolehi, pihak pemaju akan bekerjasama dengan Kolej Universiti New Era di Kajang untuk mendirikan satu kampus baharu dengan keluasan lebih kurang 100 ekar di situ. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, saya juga merupakan seorang alumni Kolej Universiti New Era dan juga mantan Pengurus Persatuan Alumni Kolej Universiti New Era. Saya menyokong sepenuhnya projek pembangunan. Permohonan projek pendidikan ini kerana ia bukan sahaja dapat memupuk modal insan tetapi juga merupakan faktor kritikal bagi menjana dan mengekalkan pertubuhan ekonomi di negeri ini. Seri Kembangan berharap Kerajaan Negeri dapat memberi perhatian khusus kepada projek ini. Seterusnya memastikan permohonan projek pembangunan Kolej Universiti New Era ini dapat direalisasikan dalam masa yang tersingkat. Dengan ini Tuan Speaker, saya menyokong Usul ini. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya silakan Sabak. 10 minit.

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Terima kasih kepada Timbalan Speaker. Biasalah saya mulakan dengan pantun:

“Satu, dua, tiga, empat,
Lima, enam, tujuh, lapan,
Hidup kita jangan merempat
Bina impian masa hadapan”

Itulah niat, Dato' Menteri Besar dan Kerajaan Pakatan Harapan Selangor merangka Rancangan Selangor -1 untuk memastikan bahawa rakyat Selangor selama-lamanya terus sejahtera dan tidak merempat. Sebab itu dibina satu impian masa depan untuk seluruh rakyat Selangor. Jadi saya harap seluruh rakyat Selangor menyokong Rancangan Selangor-1.

Yang Pertama, saya ingin menyebut tentang Strategik 8 - Pemerkasaan Wanita. Hari ini saya hendak jelaskan bahawa Koboi bukanlah takut kepada wanita. Tetapi Koboi menghargai, menghormati dan penyayangi wanita. Sebab itu sebelum saya panjangkan

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

tentang strategik yang kelapan ini, kesan wanita dalam sektor pekerjaan serta kesamarataan jantina Negeri Selangor. Saya hendak tanya, pernah dibentangkan di Dewan ini satu Dasar Wanita Selangor 2017-2020 yang bertujuan untuk memaksimakan potensi wanita. Saya hendak tanya kepada kerajaan. Apakah yang terkandung dalam Dasar Wanita Selangor 2017-2020 sudah terlaksana? Kalau ia belum terlaksana, maka saya minta dikaji semula dan dibawa dalam Strategik 8 ini.

Seperti kata Balakong, saya yakin tiada seorang pun lelaki terutama Ahli Dewan ini yang meminggirkan wanita, terutamanya Templer. Sebab itu, 52.79 tenaga kerja di Malaysia adalah wanita. Sebab itu saya setuju sangat cadangan dari Strategik 8 ini supaya wanita lebih banyak bekerja dari rumah. Dan cadangan saya, sekiranya mereka tidak boleh bekerja daripada rumah, waktu kerja mereka dikaji semula. Saya cadangkan wanita ini masuk kerja jam 10.00 pagi selepas ia selesaikan rumah tangga, menguruskan anak-anak, menguruskan suami dan balik pukul 3 petang. Supaya bila suami balik, isteri sudah sedia ada menunggu untuk melayan suami. Jadi tidak adalah ungkapan:

“Lihat anak orang, ingat anak sendiri”

“Lihat isteri orang, lupa isteri sendiri”

Sebab layanan yang cukup diberikan oleh wanita kepada suami. Dan suami tiada alasan untuk menambah satu, dua, tiga dan empat. Jadi di Dewan yang mulia ini, ramai ADUN-ADUN Wanita yang merasakan ia di pinggirkan. Saya tegaskan dalam Strategik 8 ini saya mahu pastikan bahawa wanita di Negeri Selangor tidak dipinggirkan. Dan ini bukan bermakna lelaki takut kepada wanita. Ingat, dan saya sangat menentang sekiranya ada persatuan PERTABI, Persatuan Takut Bini. Lelaki bukan takut isteri, tetapi lelaki sayang isteri. Sebab itulah tubuhkan Persatuan PERSABI, Persatuan Sayang Bini.

Yang kedua, sudah-sudah...saya tiada masa. Saya ada 10 minit sahaja. Kesamarataan jenda, susah sangat hendak sebut. sebab lidah saya jawa. Saya nampak

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ulang. Ulang. Sabak. Ulang. Kesama...

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Kesamarataan. Dua tiga kali sebut salah. Yang ini nampak di Selangor saya belum nampak,

Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH : Yang Berhormat, saya mohon mencelah.

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Saya tidak benarkan.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH : Tidak benarkan ya. Sikit saja. Sikit saja.

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Tiada. Tak da.

Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH : Sikit sahaja.

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Tiada masa. Nanti. Habiskan satu ni.

Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH : Ketua cabang tu.

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Saya nampak di Selangor tidak nampak lagi keseriusannya. Saya nampak EXCO dari 10, wanita hanya ada 2 orang sahaja. Sekurang-kurangnya 3 atau 4. Setuju ADUN Wanita? Jadi cadangan saya untuk jawatan EXCO yang akan datang selepas PRU ke-15 ada 30% wanita sebagai EXCO Negeri Selangor. Wanita pun tidak tepuk, jadi tidak payahlah dilaksanakan.

Ok yang ketiga, saya nampak dari mata kasar saya, buat masa ini seolah-olah lelaki takutkan wanita. Di mana-mana kita nampak bahawa senario isteri takut suami. Eh! Suami takut isteri ini menjadi satu fenomena. Templer nampak garang. Nampak garang. Kenapa mesti wanita ini menakutkan lelaki. Bukan salah wanita. Salah lelaki kerana lelaki tidak cukup memberi kasih sayang kepada wanita. Terima kasih.

Yang kedua, saya sebut tentang pembangunan Sabak Bernam. Saya berterima kasih Sabak Bernam diberi peruntukan sebanyak 1.8 Billion untuk pembangunan Sabak Bernam. Dan dijangkakan bahawa akan mendatangkan hasil sebanyak 248 Juta dan 3600 pekerjaan. Saya minta ini disegerakan. Terutama di kawasan DUN Sg Air Tawar, Kawasan Ketua Pembangkang. kerana Pakatan Harapan, DUN semua berlawan UMNO dan Barisan Nasional di Sungai Air Tawar tumbang. Dan saya bercadang mencabar DUN Ketua Pembangkang sebelum ini di DUN Sungai Air Tawar. Kalau betul pelaksanaan pembangunan Sabak Bernam ini berjalan dengan baik di DUN Sungai Air Tawar, saya beri jaminan PRU yang ke-15 Pakatan Harapan akan menawan kerusi Ketua Pembangkang yang sedia ada kosong untuk diisi oleh orang lain. Saya harap begitulah. Saya harap begitu. Sebab ini yang diinginkan oleh penduduk Sabak Bernam. Dia mendengar 1.8 Billion, 1.8 Billion tapi takat ini belum nampak apa-apa. Tapi sebelum Pilihan Raya Umum yang ke-15, saya harap diturunkan semua ini supaya rakyat nampak dan DUN Sungai Air Tawar kita dapat tawan. Ya ketiga saya sebut tentang, pertanian. Itu jangan disebut, itu rahsia kami.

Yang ketiga, pertanian. Saya hendak minta supaya dalam Rancangan Selangor -1 ini. Diperincikan tentang bagaimana hendak meningkatkan hasil padi. Saya mahu 2025 purata hasil padi di daerah Sabak Bernam sekurang-kurangnya 8 tan setiap lot. Bersetuju Sungai Panjang? Sekarang purata 3-4 tan sahaja setiap lot. Kalaulah pada tahun 2025 pencapaian

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

hasil padi ini gagal, saya anggap bahawa rancangan untuk pertanian di Sabak Bernam gagal. Sebab sudah hampir 5 tahun, Sungai Panjang boleh sahkan hasil padi menurun. Alhamadulillah EXCO Pertanian masuk dia boleh jawab nanti.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : *Point terakhir, Sabak.*

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : *Point terakhir, kenapa cepat sangat ya. Pengusaha pertanian adalah mereka yang sudah berumur 60 tahun ke atas. Jadi saya minta Rancangan Selangor – 1 ini dibuat satu kajian supaya anak muda berminat dengan pertanian. Sabak Bernam sekarang merupakan dihuni oleh warga emas kerana pertanian tidak diminati oleh warga muda, oleh orang muda. Jadi saya minta dalam Rancangan Selangor-1, 2025 dan saya minta dalam Rancangan Selangor – 1 ini tahun 2025, 50% petani adalah anak muda. Masa sudah tamat. Minta maaf pada Dengkil, tidak sempat untuk mencelah. Dengan ini saya menyokong Usul Rancangan Selangor 1. Terima kasih.*

TUAN TIMBALAN SPEAKER : *Silakan Bandar Utama.*

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : *Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Assalamualaikum dan salam sejahtera, terima kasih kerana membuka ruang kepada Bandar Utama untuk berbahas. Dan pertama kalinya, Bandar Utama mengucapkan tahniah kepada Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Selangor kerana telah mewujudkan Rancangan Selangor yang Pertama.*

Ini merupakan yang pertama kalinya sebuah negeri menghasilkan rancangan sebegini dan Bandar Utama, bangga terlibat sama dengan sejarah pembentangan Selangor buat kali pertama. Jadi oleh itu, Bandar Utama berharap rancangan ini benar-benar dapat mencapai objektif yang ingin dicapai dan dengan itu juga bandar utama juga bersama Ahli-ahli Dewan Negeri yang lain ingin mengutarakan beberapa perkara bagi menyumbang kejayaan dalam pelaksanaan perancangan Rancangan Selangor Pertama ini.

Sekiranya kita melihat terdapat empat (4) tema utama bawah Rancangan Selagor Pertama iaitu dari sudut ekonomi, sosial, kelestarian dan tadbir urus. Apabila kita meneliti ke empat-empat tema ini perkara yang muncul di buah fikiran ialah Rancangan Selangor Pertama merupakan sebuah rancangan yang cukup komprehensif. Jadi, sekiranya kita ingin memastikan kejayaan kita perlu memberikan fokus pada 3 ciri-ciri penting untuk memastikan rancangan ini dapat terlaksana dengan lancar.

Pertama sekali adalah kebolehlaksanaan ataupun dengan izin *where is unable or not*. Adakah kita mampu melaksanakan semua rancangan dalam Rancangan Selangor Pertama ini. Dan, bagaimana kita mahu memastikan ini bukan rancangan setakat atas kertas sahaja. Jadi seterusnya, Kita juga perlu tahu kesinambungan iaitu selepas terlaksana apakah kita dapat memastikan terdapat kesinambungan pada rancangan-rancangan yang mahu dijalankan. Yang paling penting, ketiga-tiga ini adalah kelestarian

iaitu *sustainability* dengan izin. Adakah rancangan-rancangan ini selepas disokong oleh Kerajaan Negeri melalui insentif-insentif dan bantuan dan sebagainya. Adakah selepas itu dapat diteruskan dan bergerak sendiri tanpa sebarang bantuan daripada Kerajaan Negeri Selangor. Jadi untuk memastikan ketiga-tiga ciri ini tercapai, Bandar Utama berpandangan pertamanya perkara yang paling penting adalah kita perlu memastikan Kerajaan Negeri Selangor mempunyai sistem pengumpulan data dan informasi yang cekap bagi memastikan apabila Rancangan Selangor Pertama (RS-1) ini dijalankan kita akan mempunyai mekanisme tinjauan dan penyelidikan pemantauan KPI dan sebagainya. Bagi memastikan kesemuaan mekanisme ini bole dibina kita perlu ada data besar yang boleh mengumpul semua data, statistik, informasi dan mengabstrak maklumat secara sistematik supaya kita dapat mengenal pasti corak dalam data yang boleh membantu dalam pelaksanaan Rancangan Selangor Pertama dengan lancar. Saya ambil contoh yang senang dalam Rancangan Selangor yang Pertama ini kita ada berbincang tentang negeri karbon rendah dan dalam negeri karbon rendah yang mahu mengekang fenomena perubahan iklim ini pertama sekali kita perlu pastikan kesemuaan PBT perlu mempunyai maklumat dan data yang lengkap tentang jumlah *emissions carbon* di Selangor.

Seperti dalam jawapan pada soalan mulut beberapa hari lepas, untuk buat masa kini hanya terdapat 7 daripada 12 PBT yang mempunyai data berkenaan jumlah *emissions carbon* di Majlis masing-masing. Lima lagi PBT termasuk Majlis Bandaraya Subang Jaya masih tidak mempunyai data yang cukup lengkap mengenai perihal ini. Jadi bagaimanakah kita mahu memastikan pelaksanaan ataupun pemantauan KPI dan sebagainya sekiranya kita tidak mempunyai data yang cukup lengkap. Jadi Bandar Utama melihat *Selangor Government Data Exchange* sebagai langkah pertama dalam usaha pembinaan data secara sistematik namun Bandar Utama berharap agar usaha ini dapat diperkembangkan sehingga kita mampu menghasilkan data besar yang mampu merangkumi segala keputusan yang perlu diambil oleh Kerajaan Negeri. Sambungan daripada itu kesinambungan dan kelestarian juga memainkan peranan yang penting dalam menjayakan RS-1. Saya juga ingin memberikan contoh yang mudah, saya menghargai apabila Kerajaan Negeri mewujudkan pelbagai jenis inisiatif seperti pemasangan pana solar di premis-premis bangunan Kerajaan Negeri bagi mengerakkan komitmen negeri terhadap negeri neutral karbon 2050, namun adakah kita pernah mengira sama ada kombinasi usaha-usaha seperti ini ini termasuklah pengurusan sisa, pengangkutan awam, penambahan pengecas EV dan sebagainya kesemua usaha ini adakah memadai bagi mencapai objektif 20/50 di Selangor. Sekiranya kita melihat kepada carta sumber utama pelepasan karbon dioksida yang ada pada RS-1 di muka surat 143 itu iaitu carta 6.6 sektor industri tenaga merupakan penyumbang terkini pelepasan karbon dioksida iaitu sebanyak 39% pada tahun 2016. Ini bermaksud fokus utama kerajaan mungkin perlu diletakkan pada sektor industri berbanding pada perumahan ataupun komersial.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Jadi Bandar Utama ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan, apakah insentif-insentif mega yang dapat menggalakkan pemain-pemain industri juga terlibat sama bagi menjadikan Negeri Selangor negeri karbon rendah. Bagaimana pula kita mahu mempromosi teknologi hijau supaya pemain-pemain industri bukan sekadar ingin mencuba, malah menjadikan teknologi hijau ini sebagai satu kebiasaan. Pada carta yang sama telah menerangkan pengangkutan di jalan raya telah menyumbang sebanyak 21% kepada pelepasan karbon dioksida. Jadi apa pula rancangan Kerajaan Negeri Selangor bagi mengurangkan pelepasan karbon dioksida punca pengangkutan. Sebagai contoh apakah tawaran-tawaran menarik buat warga Selangor bagi menggalakkan lebih banyak penggunaan pengangkutan awam dan juga adakah Kerajaan Negeri Selangor mempunyai sebarang strategi untuk mengintegrasikan syarikat pengangkutan swasta seperti grab, air asia ride, lala move dan sebagainya dengan mengenakan kuota tertentu untuk kenderaan elektrik. Di Jerman, Jerman komited dengan 2.5 billion euro untuk pelaburan dalam infrastruktur EV dan subsidi 9,000 euro bagi setiap kenderaan bagi menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik. Di Shenzen, China 3 pengendali bas utama diberi insentif untuk beralih kepada EV melalui subsidi tahunan sebanyak 75,000 bagi setiap kenderaan dan di Vietnam pemasangan kapasiti PV solar atas bumbung telah meningkat sebanyak 2,435% sejak awal tahun 2019 di dorong terutamanya oleh skim *feed-in tariff* dengan izin atau tarif suapan masuk. Ini merupakan contoh-contoh yang agak besar memandangkan Selangor sebenarnya bukan sebuah kerajaan persekutuan ataupun negara kita merupakan sebuah Kerajaan Negeri tapi ini hanya adalah contoh-contoh yang ingin menggalakkan Kerajaan Negeri mencari jalan atau mencari idea untuk memastikan insentif yang tepat pada tempatnya akan diberikan bagi menggalakkan perubahan yang lebih signifikan dan cepat bagi memastikan negeri karbon rendah dicapai.

Tuan Speaker, secara spesifik Bandar Utama ingin menyentuh tentang tema pemajuan kelestarian dan tema ini amat menarik perhatian kerana tema ini sebenarnya berkait rapat dengan topik perubahan iklim. Sekiranya kita melihat 5 bidang tumpuan bawah tema ini iaitu daya tahan pengurusan bencana, pengurusan air, pengurusan sisa, negara rendah karbon Biodiversiti dan sumber asli. Semua ini sangat berkait dengan perubahan iklim dan mungkin masih ada yang tertanya-tanya mengapa kita perlu prihatin tentang isu perubahan iklim. Perubahan iklim ini tidak bermaksud suhu naik sedikit dan kita berasa panas sedikit tetapi sekiranya kenaikan suhu sebanyak 1.5% sekiranya berlaku pada jangka waktu yang pendek iaitu pada sebelum 2026, pelbagai jenis bencana akan berlaku, bukan setakat lebih kerap, malah lebih ganas.

Di Malaysia kita tak pernah alami sebelum ini banjir besar yang telah melanda 8 buah negeri sekali gus meragut 54 nyawa sehingga akhir tahun lepas. Jadi sekiranya terdapatnya peningkatan suhu iklim dan perubahan iklim memang kita tidak dapat mengelakkan isu bencana alam ataupun dari segi ekonomi di mana pengeluaran makanan akan terjejas akibat musim kemarau dan bekalan air akan terjejas akibat musim kemarau dan juga

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

ancaman terhadap biodiversiti yang mungkin tercetusnya pengurangan dalam bilangan biodiversiti yang ada. Jadi baru-baru ini Bandar Utama ada mengeluarkan kenyataan media, apabila Kerajaan Britain telah mengisyiharkan darurat kebangsaan apabila menghadapi gelombang haba dan tidak lama kemudian pula mahkamah juga ada memerintahkan kerajaan United Kingdom untuk menjelaskan secara terperinci bagaimana sasaran dasar sifar bersih dapat dicapai. Bayangkan sebuah kerajaan kalah apabila dicabar oleh mahkamah, dicabar oleh aktivis-aktivis alam sekitar di mahkamah kerana gagal menyediakan polisi yang diperlukan untuk memastikan janji tentang pengurangan pelepasan karbon di Akta Perubahan Iklim 2008 dapat dicapai. Itu menunjukkan bagaimana sesebuah kerajaan begitu komited dengan isu perubahan iklim. Dan kembali ke Malaysia apabila kita melihat di Pahang, terdapatnya sebuah kerajaan yang menyaman aktivis alam sekitar kerana bersuara tentang isu pembalakan. Ini jelas menunjukkan betapa bezanya komitmen negara kita terhadap isu perubahan iklim berbanding dengan negara luar. Jadi di sini Bandar Utama ingin mengambil ruang untuk memuji ataupun mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor di mana kita mempraktiskan sesi pendengaran atau sesi taklimat bersama para penduduk untuk projek-projek pembangunan di Selangor.

Proses ini tidak ada dikebanyakkan negeri dan ini menunjukkan betapa komitednya Kerajaan Negeri Selangor terhadap pandangan dan kebajikan warga Selangor. Kembali ke tema pamacuan kelestarian, Bandar Utama berharap sekiranya kita benar-benar serius terhadap pamacuan kelestarian kita perlu libatkan pertamanya cara pengukuran yang jelas terhadap isu perubahan iklim. Kedua pelan adaptasi dan mitigasi yang cukup dan dirancang awal sebelum berlakunya bencana alam akibat perubahan iklim. Ketiga melibatkan pelan pencegahan yang lebih terperinci bagi mengendalikan isu perubahan iklim dan juga insentif-insentif yang menggalakkan penglibatan semua sektor korporat bagi usaha menangani...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bandar Utama, masa tamat.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Ok, ok. Cuma peringkat terakhir apa itu, yang terakhir. Sebelum Bandar Utama ingin menamatkan ucapan. Cuma Bandar Utama harap diberikan ruang sedikit lagi untuk bersuara untuk golongan yang memerlukan perhatian iaitu seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sabak Bernam tentang perlunya kita memberikan perhatian..

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sabak.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : ..Sabak Bernam tentang ya Sabak banyak. Ini Presiden apa tu, sayang isteri, sayang bini. Ok. Saya ingin menyokong kerana Bandar Utama merasakan komitmen terhadap wanita kini kita boleh menambah baik dan sepatutnya Kerajaan Negeri Selangor yang merupakan peneraju patut lebih memartabatkan kedudukan wanita di negeri ini. Saya mengambil contoh mudah seperti

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Lanjan tentang isu yang dialami oleh Yang Berhormat Subang Jaya apabila sukarnya untuk akses kepada bilik menyusu. Dan perkara itu sebenarnya sangat penting untuk wanita dan mungkin lelaki tidak dapat memahami. Tapi akses itu dapat mengurangkan jarak antara Dewan Annex dan sebagainya. Beri sokongan terutamanya daripada presiden sayang bini dan perkara itu sangat simbolik sangat-sangat simbolik kenapa Bandar Utama kata begitu kerana apa yang berlaku di dalam Sidang Dewan ini dia akan mewakili apa, *projection* dengan izin di luar sana, di Kerajaan Selangor di Negeri Selangor dan sebagainya. Jadi seperti yang dikatakan di Dewan apa tu, di Persidangan Parlimen sekiranya kita tidak dapat apa itu, mengawal apa itu bahasa yang dilahirkan oleh Ahli Parlimen lelaki yang menggunakan perkataan *P* bagaimana mahu menjaga ataupun memartabatkan wanita dan sekiranya di Dewan Sidang ini kita mempunyai seorang ADN wanita yang baru lahirkan anak tetapi mempunyai kesukaran untuk akses kepada bilik menyusu. Apakah *projection* ataupun lakaran untuk warga Selangor di luar sana. Jadi dengan ini Bandar Utama harap lepas ini Kerajaan Negeri boleh memberikan ruang yang lebih besar bagi wanita, golongan wanita untuk membincangkan tentang isu-isu yang ada pada wanita. Sekian terima kasih Bandar Utama menyokong Rancangan Selangor Pertama.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Baik, Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker kerana memberikan peluang kepada Pelabuhan Klang untuk bersama-sama mengambil bahagian di dalam perbahasan Rancangan Selangor Pertama yang baru sahaja dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada 27 Julai 2022 yang lalu dengan tema yang diberikan "Negeri Pintar Berdaya Huni dan Makmur". Alhamdullilah 4 tema strategik telah dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi Rancangan Selangor yang Pertama. Antara tema yang menarik perhatian Pelabuhan Klang adalah pengukuhan ekonomi yang merangkumi 101 projek program dan insentif untuk Negeri Selangor terus menjadi sebuah negeri yang maju dan terkehadapan berbanding negeri-negeri lain. Di dalam tema pengukuhan ekonomi terdapat sembilan (9) sektor tumpuan iaitu Pelabuhan dan Logistik, Pelancongan, Automotif, Aeroangkasa, Agro Teknologi, Elektrik dan Elektronik, Kejuruteraan dan Mesin, Industri Halal, Sains Hayat dan Ekonomi Digital. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian terdapat satu sektor di bawah tema pengukuhan ekonomi ini yang ingin saya bahaskan hari ini iaitu sektor pelabuhan dan logistik. Pelabuhan Klang menyambut baik inisiatif Kerajaan Negeri untuk meningkatkan jumlah pengurusan kapasiti kontena sebanyak 30 juta iaitu peningkatan sebanyak 50% menjelang tahun 2040 di Pelabuhan Klang dengan pengembangan Westport 2 di Pulau Indah. Seperti yang pernah saya maklumkan di dalam Dewan yang mulia ini pada sidang dewan yang lalu, Pelabuhan Klang merupakan pelabuhan ke-12 tersibuk di dunia pada tahun ini tetapi masih lagi ketinggalan daripada segi infrastruktur dan kemudahan awam seperti keadaan jalan yang rosak, yang tidak diselenggarakan dengan

baik dan juga kesesakan lalu lintas. Pelabuhan Klang mengambil maklum ini adalah merupakan salah satu cabaran yang juga dinyatakan di dalam Rancangan Selangor Pertama yang boleh menyebabkan pelabuhan hilang daya tarikan untuk menarik pelaburan daripada syarikat-syarikat perkapalan yang baru. Seperti yang kita semua sedia maklum, lebuh raya dan jalan raya di kawasan Pelabuhan Klang dan kawasan-kawasan jalan-jalan yang menuju ke Pelabuhan Klang yang sedia ada sudah tidak mampu lagi menampung jumlah pertambahan kenderaan dan aliran trafik yang tinggi terutama sekali dipelopori oleh kenderaan-kenderaan berat. Dan bagi mengatasi masalah ini yang kita tunggu sudah lama Pelabuhan Klang sering bawa isu ini di dalam Dewan yang mulia ini, saya rasa sudah sampai masanya sejajar dengan Rancangan Selangor yang pertama dan untuk merealisasikan impian ini dapat dicapai dalam masa lima tahun Pelabuhan Klang ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Perbandaran Klang untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Infrastruktur dan Kemudahan Awam khusus untuk kawasan Pelabuhan Klang dan sekitarnya. Jawatankuasa Khas ini hendaklah dianggotai oleh pemegang-pemegang taruh yang menggerakkan Pelabuhan Klang seperti Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), West Port Malaysia Sdn. Bhd., Nort Port Malaysia Bhd. dan juga agensi-agensi teknikal kerajaan yang lain seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Tanah dan Daerah Klang dan juga lain-lain organisasi yang difikirkan perlu dalam menganggotai Jawatankuasa Khas tersebut. Antara objektif utama Jawatankuasa Khas ini ialah untuk merancang dan melaksanakan apa juga rancangan pembangunan dan juga penyelenggaraan-penyelenggaraan infra-infrastruktur yang sedia ada serta kemudahan awam bagi memastikan Pelabuhan Klang menjadi sebuah Pelabuhan yang kondusif dan mesra pelabur di samping mengindahkan juga membersihkan Pelabuhan Klang ini sesuai dengan penarafan Pelabuhan yang ke-12 tersibuk di dunia. Di kesempatan ini juga saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya meminta kepada Majlis Perbandaran Klang supaya mewujudkan satu juga Jawatankuasa Khas di MPK itu sendiri iaitu di bawah Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Majlis Perbandaran Klang supaya diwujudkan unit khas yang merancang kawasan Pelabuhan Klang. Sebab sekarang ini di peringkat Majlis Perbandaran Klang, walaupun Pelabuhan Klang ini diiktiraf sebagai Pelabuhan ke-12 tersibuk di dunia tetapi di MPK itu sendiri tidak ada satu unit ataupun Jabatan Khas yang memberikan fokus tumpu khas untuk kawasan pembangunan Pelabuhan Klang. Jadi sudah sampai masanya Majlis Perbandaran Klang kena memikirkan inisiatif bagaimana untuk memastikan Pelabuhan Klang ke-12 yang tersibuk di dunia ini mencapai taraf yang sepatutnya. Pelabuhan Klang juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana perancangan Kerajaan Negeri bagi membangun Zon Perdagangan Bebas Pulau Indah, Taman Industri Maritim Berteknologi Tinggi, Terminal Kapal Pelabuhan Klang, inisiatif Pelabuhan Digital Selangor dan juga Universiti Maritim Selangor wajar dipuji bagi menjadikan Pelabuhan Klang bukan hanya sebagai sebuah kawasan untuk industri semata-mata tetapi ianya juga sebuah kawasan untuk pembangunan pendidikan maritim. Selain itu, Pelabuhan Klang

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

juga sangat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor yang berhasrat untuk meningkatkan imej Daerah Klang sebagai Bandar Pelabuhan Utama dan pemerkasaan kepada dasar mesra pelabur untuk memastikan Daerah Klang menjadi bandar destinasi pertama pelaburan. Dan saya juga berharap selepas ini akan lebih banyak program-program pengindahan dan kebersihan kawasan dan juga pemulihan infrastruktur awam oleh Majlis Perbandaran Klang akan tertumpu di Pelabuhan Klang berbanding di Bandar Klang seperti tahun-tahun sebelum ini.

Pelabuhan Klang juga menyambut baik usaha Kerajaan Negeri dalam membangunkan projek Pulau Carey Selangor yang merangkumi aspek perindustrian, komersial, logistik pelabuhan dan aktiviti rekreasi yang dijangka akan membawa lebih banyak lagi peluang pekerjaan kepada rakyat Negeri Selangor. Di kesempatan ini Pelabuhan Klang ingin menyarankan kepada pihak Kerajaan Negeri supaya penyusunan dan perancangan *zoning* bagi kawasan di dalam kawasan Carey Selangor ini supaya tidak terjadi seperti di Pelabuhan Klang supaya ianya hendaklah dibuat dengan cermat dan teliti dengan mengambil kira tentang penempatan penduduk dan juga kemudahan-kemudahan asas seperti Balai Polis, Balai Bomba, Klinik Kesihatan dan juga lain-lain kemudahan asas yang perlu untuk menempatkan sesebuah komuniti di dalam kawasan tersebut. Pelabuhan Klang berharap agar projek Carey Selangor ini akan menjadi sebuah kawasan mesra pelabur dan juga mesra komuniti. Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan sekalian. Seterusnya saya ingin membahaskan mengenai tema strategik yang ketiga iaitu Pemacuan Kelestarian yang memfokuskan terhadap lima bidang tumpuan dengan 14 strategik utama bagi melaksanakan 38 projek, program dan inisiatif untuk dijalankan sehingga pada tahun 2025. Daya tahan dan pengurusan bencana diangkat menjadi salah satu sektor tumpuan bagi mengurangkan risiko dengan menambah baik usaha mitigasi, kesetiaan dan tindak balas dan pemulihan. Kerjasama di peringkat kerajaan persekutuan, Kerajaan Negeri dan kerajaan tempatan sangat penting bagi meningkatkan daya tahan negeri dan kemampuan pengurusan bencana serta mengurangkan risiko kehilangan harta benda dan nyawa apabila berlaku bencana besar. Kejadian banjir besar yang berlaku pada penghujung 2021 yang lalu adalah di luar jangkaan dan kawalan kita telah memberikan kita keinsafan dan kesedaran kepada kita semua. Oleh itu Pelabuhan Klang berharap dengan penumpuan sektor daya tahan dan pengurusan bencana segala kelemahan-kelemahan yang timbul semasa pengurusan bencana yang lalu kita dapat atasi dan seterusnya dapat mengurangkan kerugian harta benda dan juga nyawa yang dihadapi oleh rakyat di Negeri Selangor. Oleh itu, Pelabuhan Klang dengan ini menyokong Rancangan Selangor Pertama. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Persilakan Rawang.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT : Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker yang memberi saya peluang untuk membahas di atas Rancangan Selangor yang pertama ini. Yang pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor merupakan negeri yang pertama yang memberi satu gambaran macam mana negeri ini akan dibangun pada lima tahun yang akan datang. So, saya percaya dalam sejak 2008 sehingga hari ini Kerajaan Negeri mengambil satu inisiatif adalah hasil negeri ini kembali kepada rakyat. So, sejak 2008 memang pelbagai program yang boleh memanfaatkan rakyat telah dihasilkan dan daripada 2008 pelbagai *attack* ataupun pelbagai tuduhan mengatakan Kerajaan Negeri boleh melakukan sesuatu air percuma ke SMUE ke kerajaan itu akan *bankruptcy* tapi sehingga hari ini kita nampak kerajaan masih lagi kekalkan di sini dan kewangan untuk kerajaan ini masih kukuh dengan yang sedia ada. So, seperti yang pertama saya nak bangkitkan adalah berkenaan dengan Stadium Shah Alam yang sebelum yang dua, tiga hari ini kerap pihak pembangkang yang sentiasa membangkitkan cuma kerajaan dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah beberapa kali telah mengatakan memang akan ada satu rancangan yang besar pembaharuan dan pembangunan baru yang akan dilaksanakan pada tahun ini mungkin dalam bulan September akan dilakukan yang berjumlah bajet adalah RM787juta. Kalau mengikuti sejarah apa yang kita dapatkan dalam secara online adalah pembinaan stadium ini adalah dilakukan pada 1990 dengan jumlah kosnya adalah RM460juta untuk membangunkan yang Stadium Shah Alam ketika 1990 tahun. So,dengan empat tahun stadium itu telah disiapkan cuma dalam 2008 sehingga hari ini Kerajaan Negeri telah mengeluarkan sebanyak 56juta untuk pembaikan. Cuma dalam rancangan pembangunan ini perlulah dimasukkan dengan unsur-unsur kelestarian. Kerajaan Negeri patutlah mengambil ajaran apa yang dilakukan oleh kerajaan persekutuan di Bukit Jalil pada tahun 2015 telah mengeluarkan sejumlahnya RM1bilion untuk membangunkan untuk menambah baik Bukit Jalil. Tapi malangnya tahun 2022 berlaku banjir dan terpaksalah kerajaan persekutuan pada ketika itu mengeluarkan 10 juta menaik taraf. So, saya berharap kerajaan boleh mengambil inisiatif untuk membangunkan ataupun membuat pembaharuan stadium yang boleh membawa nilai-nilai bukan satu stadium yang boleh rakyat mampu tengok tapi tak mampu untuk digunakan. Isu yang kedua, adalah berkenaan dengan trafik pengangkutan.

Tuan-tuan dan puan-puan Yang Berhormat, trafik pengangkutan merupakan salah satu isu yang amat kritikal di Negeri Selangor. Kalau kita mengikut persepsi daripada rakyat orang datang ke Rawang ke orang yang pergi Templer ke memang persepsi pertama adalah kenapa berlaku kesesakan lalu lintas terutamanya pada *pick hour*. Mengikut data-data di Selangor mempunyai 2.5 juta penduduk dan di Kuala Lumpur mempunyai 700ribu penduduk di Kuala Lumpur. Cuma kita nampak dalam pentadbiran ataupun rancangan kerajaan persekutuan kemungkinan mereka mengambil inisiatif ataupun rancangan mereka lebih tumpu kepada tempat-tempat yang pusat contohnya Wilayah Persekutuan kita nampak MRT ke, LRT ke, Rapid KL ke mereka hanya mengambil tumpuan di kawasan

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Kuala Lumpur. Cuma dalam rancangan Selangor ini saya berharap Kerajaan Negeri Selangor boleh mengambil tumpuan terhadap pembangunan *transport* ataupun isu trafik untuk menyelesaikan bagaimana MRT ke ataupun pengangkutan awam dapat dilaksanakan di Negeri Selangor ini. Mengikut informasi daripada Waze di Malaysia ini pengguna jalan raya hampir setiap hari menggunakan satu jam 12 minit digunakan di atas jalan raya. Dan ini telah menghasilkan kehilangan produktiviti mencecah 10 bilion sehingga 20 bilion anggaran dalam satu tahun. Kalau mengikuti ada satu lagi satu laporan setiap tahun di *Klang Valley* ini penduduknya hampir habiskan 44 jam di atas jalan raya. Kalau gaji purata setiap jam adalah RM7. Setiap bulan kerja 22 hari kalau kita darab dengan 2 jam kehilangan produktiviti adalah RM308 satu bulan. So, itu ini amat serius dan dia amat merugikan produktiviti rakyat dan juga kerajaan di Negeri Selangor ini. So, di sini saya juga ingin bertanya yang sentiasa kerap ditanya oleh Yang Berhormat Taman Templer berkenaan dengan Lebuh Raya FT01 di jalan Ipoh. Setiap hari *pick hour* jam daripada Rawang yang nak balik ke Kuala Lumpur ke Rawang ialah hampir menghabiskan 2 hingga ke 4 jam untuk berada di situ. Kalau boleh *imagine* bagaimana jamnya dari Rawang sampai pejabat UMNO. So, jaraknya memang sangat panjang mungkin dah mencecah lebih daripada 10 km. Yang ketiga yang saya ingin membangkitkan adalah bidang tumpuan yang keempat. Bidang tumpuan yang keempat berkenaan dengan *waste to energy* yang kita sedia tahu Kerajaan Negeri Selangor dah siap sedia dalam rancangan satu ni rancangan Selangor satu ni dah *mention* bahawa akan ada tiga *waste to energy* akan dibinakan dua di Jeram satu di Banting. Cuma saya hairan kenapa Rawang tidak dimasukkan disebabkan saya dah dapat informasi daripada jawapan parlimen bahawa Rawang juga turut akan membina satu *waste to energy*. Dan *waste to energy* ini di kawasan Rawang adalah amat berhampiran dengan kawasan kediaman. Kawasan yang berhampiran dengan perumahan Taman Tun Perak 1.4km, Taman Tun Teja 1.5km dan Taman Pinggiran Pelangi 2km. Kita sedia tahu kerajaan sentiasa nak memberitahu kelebihan untuk menggunakan *incinerator* ataupun *waste to energy*. Cuma *waste to energy* ni pun ada keburukan dia ada kekurangan dia yang pertama adalah mahal yang kedua pencemaran alam sekitar. Yang ketiga kerosakan kepada kesihatan rakyat dan debu akan memudaratkan kesihatan kepada rakyat. Saya ambil tahu dan dapat tahu bahawa yang *incinerator* ataupun WTE di kawasan Rawang ini adalah dipindah daripada Kepong ke Rawang. Kalau dikatakan sebegitu *incinerator* ataupun WTE ini akan serve akan memberikan perkhidmatan kepada rakyat di Wilayah Persekutuan bukan untuk kawasan di Rawang ataupun untuk di Selangor ini. Cuma cuba *imaginela* bagaimana kalau setiap hari berpuluhan-puluhan beratus lori sampah daripada Kuala Lumpur akan masuk ke Taman Templer lepas tu sampai ke Rawang untuk menguruskan WTE ini. Untuk mengurus sisa pepejal ini. Dan kita siap tahu adalah memang *incinerator* ada kelebihan dia cuma 30% daripada sampah itu sekiranya 1,000 tan saya ambil satu contoh 1,000 tan sampah bermaksudnya 30% nya adalah dijadikan abu. *Thats mean 300 tons of ash, fly ash*, abu terbang akan dihasilkan dan bagaimananya akan, Ya. Dia ada *fly ash* dan *bottom ash*. Ada dua-dua *ash*. Bagaimana dia akan menjelaskan

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

kesihatan rakyat di sekitar Rawang ini. So saya berharap agar kerajaan boleh mengambil tumpuan dalam beberapa isu ini cuma saya berharap kerajaan sekali lagi saya..

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIIEW : Rawang sikit saja.

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT : Boleh.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIIEW : Saya difahamkan sangat mahal lah. Di Jeram sahaja sudah kira-kira 1.1 bilion. Sekarang tambah lagi *inflation* 30% saya jadi 1.1 bilion pun tidak cukup untuk buat dua (2) WTE di Jeram itu tambahan lagi, dia ada *maintainance cost* setiap tahun. Saya tanya World Wide pun dia belum boleh jawab berapa *maintainance cost* setiap tahun tambah lagi WTE dia ada *lifespan*. Dia bukan selama-lamanya boleh digunakan. Dia ada *lifespan* 35 ke 30 years mcm tu. Sebab itu saya rasa ia mahal sangat. Adakah pandangan...apa pandangan Rawang kerajaan kena *review* lah projek ini.

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT: Saya setuju dan sebelum kita melaksanakan WTE, *i* rasanya ada cara yang lebih baik seperti contoh yang ada dalam RS-1, kita boleh bermula dengan cara *recycling* dan bahan-bahan *recycling* ini boleh digunakan untuk menjana lebih pendapatan kepada KDEB atau pun Kerajaan Negeri. *i* rasanya WTE atau pun *incinerator* adalah *step* yang terakhir untuk pelaksanaan ini. So, memang pelbagai alasan akan digunakan untuk penilaian...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Rawang masa dah tamat.

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT : ok *last point*. Memang pelbagai alasan seperti EIA, CMS akan dilaksanakan cuma kita nampak bagaimana JAS mengurus dan juga keupayaan mereka untuk mengurus isu-isu alam sekitar. Kalau kilang-kilang yang kecil pun mereka tidak mampu nak mengurus atau pun mengawal, macam mana satu kilang besar WTE yang setiap hari kena cater 1,500 hingga 2,000 tan sampah ini. So saya berharap Kerajaan Negeri Selangor walaupun saya percaya yang projek ini kemungkinan terlibat dengan Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT), cuma Kerajaan Negeri mempunyai hak pembangunan dan juga hak atas tanah, boleh membantu rakyat-rakyat di Selangor terutamanya di Rawang atas isu ini. Akhirnya, sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor yang pertama telah membentangkan Pelan Rancangan Selangor yang pertama (RS-1) ini. Saya berharap ini akan menjadi satu contoh kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk memberi satu gambaran kepada rakyat bagaimana satu kerajaan boleh akan memberi satu pandangan kepada rakyat bagaimana kerajaan akan mentadbir negara pada masa lima tahun yang akan datang. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Subang Jaya.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker kerana telah memberi laluan kepada Subang Jaya untuk membahaskan Rancangan Selangor Pertama (RS-1). Di sini subang Jaya ingin mengucapkan tahniah kepada YAB Dato' Menteri Besar dan barisan EXCO atas pembentangan rancangan pada hari ini. Semasa membincangkan atau pun membahaskan strategi kelapan "Kesamarataan Gender", Subang Jaya telah dirujuk oleh beberapa Yang Berhormat di sini, Y.B. Bukit Lanjan, Y.B. Bandar Utama dan di sini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Y.B. – Y.B. tersebut atas sokongan mereka berkenaan isu "Bilik Menyusu". Tetapi saya juga ingin secara rasminya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Puan Setiausaha Dewan kami iaitu Puan Gayathri Prasena a/p Jaya Kumar.

Sebenarnya saya telah mohon atau pun bertanya kan isu bilik menyusu ini pada hari Jumaat yang lepas dan saya difahamkan bahawa bilik menyusu terdekat terletak di bangunan SUK. Apabila saya melawat bilik tersebut, saya mendapati bahawa di sana tiada singki. Oleh sebab itu saya bertanya kepada Puan Gayathri Prasena a/p Jaya Kumar sama ada saya boleh menggunakan satu bilik di bangunan Annex iaitu di dalam pejabat Dewan? dan dalam beberapa minit sahaja, beliau telah membalas dan bersetuju bahawa satu ruang telah disediakan untuk saya dan supaya saya boleh menggunakan pantri di sana. Jadi, saya ingin berterima kasih atas keprihatinan beliau sebagai wanita juga dalam barisan kepimpinan. Yang ini menunjukkan apabila wanita diberi peluang untuk memimpin, mereka yang memahami cabaran wanita semasa kami mengandung, semasa kami berumah tangga, semasa kami beranak, mereka dapat bersimpati dan membuat keputusan sewajarnya untuk menyokong kami supaya kami juga boleh menyumbang kepada pembangunan Negeri Selangor juga boleh mengambil bahagian dalam pembangunan ekonomi dan sebagainya. Jadi, saya berharap lah dengan strategi ini lebih banyak wanita dapat dimanfaatkan daripada Strategi Kelapan oleh dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Perkara seterusnya yang ingin disentuh oleh Subang Jaya adalah berkenaan bekalan air. Subang Jaya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana telah mengiktiraf pengurusan pembekalan iaitu *supply management* sebagai salah satu strategi selain daripada *demand management* iaitu pengurusan permintaan. Seperti mana yang dinyatakan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar, Selangor menggunakan 230 liter per kapita sehari iaitu 45% lebih daripada sasaran penggunaan air oleh WHO (World Health Organization) iaitu 165 liter per kapita sehari. Ramai apabila saya sebut statistik ni kepada penduduk, mereka terkejut dan mereka akan tanya betul ke tidak ini penggunaan domestik sahaja? Adakah ia juga ditambah penggunaan industri dan juga perniagaan?. Sebenarnya

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

tidak. Ini adalah penggunaan domestik semata-mata. Jadi, ramai yang akan juga tanya sasaran WHO ini sebenarnya jauh daripada penggunaan sedia ada. Jadi macam mana pula kami perlu melaksanakan dasar supaya kami boleh mengurangkan permintaan. Jadi saya di sini ingin merujuk kami ke Singapura. Di mana mereka sudah mencapai sasaran tersebut per kapita penggunaannya hanya 141 liter per kapita sehari. Tetapi di Singapura mereka mempunyai dasar dan juga sasaran untuk mengurangkan penggunaan sehingga 130 liter per kapita sehari menjelang tahun 2030. Jadi di sini Subang Jaya ingin bertanyakan apakah sasaran untuk Kerajaan Negeri Selangor berkenaan perkara ini? dan pengurusan permintaan air sebenarnya sangat penting. Terdapat tiga sebab:

1. Dengan penambahan penduduk dan juga permintaan di Negeri Selangor, terdapat satu masa di mana mungkin penambahan penduduk ini semakin bertambah lebih cepat daripada pembinaan loji-loji rawatan air.
2. Penjimatan air juga menyumbang kepada sasaran ‘0’ karbon yang telah diumumkan juga dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1). Apabila penggunaan semakin berkurang, maka tenaga untuk rawatan juga kurang. Dan sekali gus akan menyumbang kepada pengurusan *carbon footprint*.
3. Pengurangan penggunaan air juga akan memelihara kesihatan ekosistem. Ini adalah disebabkan dengan kekurangan penggunaan air daripada ekosistem ini justeru itu juga akan memanfaatkan flora dan fauna di sekeliling padang air berkenaan.

Jadi, di sini Subang Jaya ingin mencadangkan tiga cadangan pengurusan permintaan:

1. Saya berharap Air Selangor boleh mempertimbangkan ganjaran rebat air kepada premis-premis contohnya yang memasang *water efficient devices*.
2. Kami kena masuk ke dalam sekolah-sekolah, universiti, kolej untuk melaksanakan pendidikan bahawa setiap titik ini berharga.
3. *Smart meter*. Saya difahamkan untuk pihak Air Selangor rancangan *smart meter* ini akan mengambil masa 30 tahun. Dengan segala hormatnya jangka masa ini terlalu panjang. Saya difahamkan di Sepang, projek ini sudah dilaksanakan. *Smart meter* ini menggunakan *internet of things* sebenarnya sangat penting sebab ia membenarkan pengguna untuk memantau penggunaan terutamanya apabila terdapat kebocoran maka, melalui telefon sahaja kami akan tahu perkara tersebut dan tidak perlu tunggu sehingga akhir bulan apabila kami terima bil baru sahaja terkejut bahawa penggunaan air telah melonjak.

Jadi, di sini saya berharap bahawa kesemua cadangan ini dapat diserapkan ke dalam *business plan* air Selangor dengan segala hormatnya sekarang terlalu bertumpu kepada *supply management*. Perkara seterusnya berkenaan Bandar Rendah Karbon. Saya ingin

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor atas sasaran ‘0’ karbon pada tahun 2050. Dalam perlembagaan persekutuan, sedia tahu kami bahawa isu perhutanan di bawah seliaan negeri. Jadi tuan speaker saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Selangor mempertimbangkan *carbon credits* dengan izin supaya kami boleh mendapat pendapatan yang lebih.

Secara ringkasnya kredit karbon adalah sejenis permit yang mewakili pengeluaran satu tan karbon dioksida daripada atmosfera dan ia boleh dibeli oleh syarikat atau pun individu yang ingin mengimbangi pelepasan karbon mereka dari pengeluaran perindustrian. Syarikat-syarikat ini biasanya akan terletak di mana kerajaan mereka meletakkan siling pengeluaran karbon daripada beberapa sektor khususnya seperti sektor tenaga, pengangkutan, pengeluaran sisa dan sebagainya. Jika karbon mereka melebihi siling tersebut maka kredit itu boleh dibeli dan boleh digunakan. Dengan sumber hutan yang kaya di Negeri Selangor ia secara automatik menjadi sumber kredit karbon. Jadi Kerajaan Negeri Selangor boleh dibayar untuk komitmen untuk tidak menebang hutan-hutan sedia ada. Saya mohon supaya perkara ini dipertimbangkan dengan serius.

Perkara seterusnya, *Selangor Maritime Gateway*. Subang Jaya terletak di tepi Sungai Klang dan sempat dijemput untuk taklimat berkenaan *Selangor Maritime Gateway*. Kami difahamkan bahawa terdapat banyak pembangunan yang akan dilaksanakan di tepi sungai Klang termasuk perumahan, komersial dan sebagainya. Jadi di sini kami juga perhatikan bahawa terdapat banyak kawasan yang akan dibangunkan ini terletak dekat dengan kawasan banjir yang di mana telah berlakunya pada Disember 2021. Jadi, bagi Subang Jaya ini merupakan satu peluang untuk Selangor melihat dan menguji *sponge city design* yang merangkumi ciri-ciri contohnya penahanan air, penyerapan, pengurangan *run of surface*, pemeliharaan kawasan sekeliling dan pemuliharaan. Jadi di sini Subang Jaya ingin mencadangkan supaya PBT yang terkesan dengan *Selangor Maritime Gateway* perlu memperkenalkan satu sistem *score* seperti *transport oriented development* di mana pembangunan dalam satu radius di tepi sungai perlu memenuhi beberapa ciri. Jadi sepadatnya sesuatu pembangunan, begitu banyaklah yang perlu dibina oleh pemaju berkenaan. Akhirnya Subang Jaya ingin mencadangkan supaya pembangunan yang terletak dekat dengan kawasan banjir juga perlu menaik taraf sistem saliran dan juga sistem air nya. Jadi Tuan Timbalan Speaker itu sahaja dari Subang Jaya. Subang Jaya mohon menyokong. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Dengkil.

Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH : Terima kasih Y.B Tuan Timbalan Speaker kerana memberi peluang kepada Dengkil untuk membahaskan Rancangan Selangor Pertama (RS-1) ini. Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatu

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

kepada Y.B dewan yang mulia ini. Dengkil ingin mulakan dengan sepotong ayat Al-Quran daripada surah Ali Imran ayat-54 yang bermaksud:

“Kita merancang, Allah juga merancang. Sesungguhnya sebaik-baik perancangan daripada Allah SWT...”

Bertepatan dengan Rancangan Selangor Pertama (RS-1) ini, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor, barisan EXCO Kerajaan Negeri serta Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Negeri kerana berjaya membentangkan pembentangan Rancangan Selangor Pertama (RS-1) yang saya kira telah merangkumi dengan baik pembangunan yang diperlukan sepanjang lima tahun ke hadapan.

Salah satu perkara yang diberi penekanan dalam RS-1 dan yang menarik perhatian saya adalah Pembangunan Serantau Bersepadu di Selangor Selatan (IDRISS) ia bakal memfokuskan kepada pembangunan menggunakan pelaburan swasta secara bersepadu di Daerah Sepang dan Kuala Langat dengan anggaran nilai pembangunan kasar GDV sebanyak 1 trillion ringgit Malaysia. Dan sudah pasti jumlah itu amat besar, kalau dilihat di atas kertas namun saya yakin dengan pengalaman, kebijaksanaan oleh Kerajaan Negeri telah mengambil kira pelbagai aspek daripada segi impak kepada sosioekonomi impak kepada alam sekitar dan impak kepada keseluruhan *environment* kawasan Sepang dan Kuala Langat. Sinergy antara pihak swasta dan penyediaan kelengkapan oleh negeri serta insentif bersama kerajaan pusat ini adalah jenis usaha sama atas politik dan sewajarnya dipupuk. Namun begitu saya berharap perincian lebih baik dapat diberikan berkenaan pembangunan berjenis ada serta nilainya mengikut projek dapat diberikan supaya rakyat dapat melihat skop yang lebih jelas dan luas berkenaan strategi pembangunan keseluruhan di bawah Idris ini dan tidak hanya memberikan diskripsi umum yang diolah untuk tujuan pilihan raya semata-mata dan Yang Berhormat Timbalan Speaker limpahan manfaat daripada projek Idris kelak hendaklah mengambil kira demografi penduduk, dan pembinaan kepakaran kemahiran sewajarnya di kalangan anak-anak tempatan. Kita tidak mahu sebuah lagi rancangan pembangunan yang diusahakan yang begitu megah di atas kertas tapi akhirnya langsung meninggalkan rakyat tempatannya dari gambaran keseluruhan sama ada kerana tenaga kerja murah mudah didapati atau kerana migrasi pekerja dari luar diberi keutamaan. Peringatan ini saya berikan kepada supaya Kerajaan Negeri tidak meminggirkan orang Melayu serta kaum-kaum lain yang kurang berkemampuan semasa membangunkan mana-mana wilayah. Kita cakna nasib kaum bumiputera sering diabaikan atau seolah-olah ditolak keluar dari satu-satu kawasan setelah ia rancak membangun. Justeru itu saya sering ingatkan tentang keperluan penglibatan wakil rakyat NGO dan pihak berkepentingan lain diambil kira dalam rancangan pembangunan apa pun dan pihak kami tidak seperti yang dimaklumkan oleh rakan saya dari Pelabuhan Klang satu Jawatankuasa

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

yang memberikan penerangan kepada masyarakat ataupun rakyat di setiap kawasan apabila sesuatu projek pembangunan yang hendak dilakukan dan semua sedia maklum apabila pembangunan yang bagi saya amat pesat mengelilingi Dengkil dan Kuala Langat Sepang ini kesan yang diterima oleh masyarakat di kawasan Dengkil ini amat ketara. Boleh dilihat daripada projek-projek yang besar sebelum ini seperti Cyberjaya, Putrajaya, Gamuda Cove, Sime Darby, Seniar City, South ville by Mah Sing ini adalah impak pembangunan daripada sebelum ini dan memberi kesan kepada akibat perubahan iklim dan saya tidak mahu apabila segala pancingan pembangunan ini yang dicadangkan akan memberi kesan yang lebih kepada masyarakat di kawasan Sepang dan Kuala Langat.

Pada masa yang sama saya ingin menegaskan juga pada pihak Kerajaan Negeri supaya menyelesaikan isu-isu yang lama yang tidak selesai lagi, membabitkan isu-isu development pembangunan, membabitkan premium tanah dan pembangunan-pembangunan lain, saya tidak ingin menyentuh banyak perkara dalam perancangan Selangor saya yakin rakan-rakan saya wakil rakyat yang berhormat lain sudah menyatakan pendirian mengenai beberapa tema strategi yang dirancang dalam rancangan Selangor Pertama ini. Dan bukan itu sahaja, permohonan untuk tujuan ekonomi kebiasaannya juga melibatkan pembalakan, pengalian tanah dan lain-lain aktiviti sedikitnya akan menjaskan alam sekitar. Justeru saya berharap pihak Negeri dapat menjamin pembangunan-pembangunan yang bakal dijalankan melalui analisa impak yang bersesuaian agar dapat mengelakkan sebarang kemusnahan yang tidak berpatutan terhadap alam sekitar. Dalam hal ini Islam menekankan kepentingan melindungi alam sekitar dengan meminta pengikutnya tidak menebang pokok, mencemarkan sungai dan udara secara berlebihan tanpa kawalan. Allah subhanallah berfirman yang bermaksud ‘dan tiap-tiap sesuatu adalah ditetapkan di sisinya pada kadar yang tertentu’ ..surah Ar Ra’d ayat 8. Nabi Muhammad SAW juga mengajar umatnya sentiasa melindungi haiwan dan tumbuh-tumbuhan daripada Annas beliau berkata Rasullah SAW bersabda yang bermaksud ‘tidak ada seorang muslim pun yang menanam pokok atau mengusahakan pertanian lalu burung manusia atau binatang yang makan daripadanya kecuali akan menjadi sedekah hadis riwayat Al – Bukhary yang muslim’.. Yang Berhormat Timbalan Speaker sebelum saya mengakhiri hujahan saya, izinkan saya berkongsi satu titisan daripada bekas setiausaha agung PBB Barn Ki moon:- *At its essence, sustainability means ensuring prosperity and environmental protection without compromising the ability of future generations to meet their needs. A sustainable world is one where people can escape poverty and enjoy decent work without harming an earth’s essential ecosystems and resources;* sekian dengan ini Dengkil menyokong RS-1 terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Dusun Tua

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker kerana memberi Dusun Tua ruang dan peluang untuk membahaskan satu dokumen saya kira yang sangat bersejarah yang dibentangkan oleh YAB Dato Menteri Besar iaitu Rancangan Selangor Pertama. Sekalung ucapan syabas dan tahniah saya ucapkan kepada kepimpinan Dato Menteri Besar Selangor yang tuntas menjayakan keluncuran Rancangan Selangor Pertama yang akan saya sebutkan RS-1 sahaja bagi tempoh 2021-2025. Saya kira di dalam dokumen ini jelas terlihat keterangkuman idealisme perjuangan yang meletakkan kemanusiaan sebagai titik tumpuan di dalam pembangunan. Tuan Speaker dan Ahli dewan yang dihormati kejayaan dan keberhasilan pelaksanaan RS-1 amatlah significant supaya misi dan visi RS-1 dapat di realisasikan bagi memastikan kesemua tema-tema dalam RS-1 berjaya terlaksana ianya memerlukan kerjasama dan penyelarasian di antara sektor awam sektor swasta dan seluruh masyarakat supaya di Selangor mampu merasai nikmat hasilnya nanti. Saya berpendapat bahawa usaha-usaha yang di tunjukkan melalui pelaksanaan RS-1 ini mampu memacu Negeri Selangor ke arah kestabilan pasca pandemik selain memperkuuh kesiap siagaan negeri berdepan dengan isu-isu domestik seperti perubahan iklim mendadak dan juga situasi ekonomi yang tidak menentu. Tuan Timbalan Speaker dan Ahli dewan yang dihormati menyahut seruan Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha mengukuhkan lagi status sebagai nadi pertubuhan ekonomi dan destinasi utama pelaburan berkualiti melalui pelaksanaan RS-1 ini tema RS-1 iaitu pengukuhan ekonomi akan menjadi fokus pertama saya pada waktu ini yang mana rata-rata kita maklum bahawa ekonomi agak sedikit terencat sepanjang pandemik dan masih lagi bergelut untuk bangkit walaupun kita telah masuk era endamik. Jadi menjadi tanggungjawab kita sebagai pimpinan Kerajaan Negeri Selangor untuk terus cakna kepada keperluan merancakkan ekonomi setempat bagi meningkat daya saing yang ada dalam negeri ini. Di antara aspek yang disentuh dalam strategi RS-1 bertemakan pengukuhan ekonomi ada menyentuh tentang ekonomi digital yang mana usaha meningkatkan jumlah penubuhan syarikat pemula atau start up dan juga unicorn dan perusahaan kecil sederhana PKS perlu digiatkan usahanya. Lebih banyak perusahaan kecil sederhana perlu disegerakan digitalisasikan agar ia nya kekal menjadi penyumbang utama kepada KDNK ekonomi digital negeri.

Justeru dalam usaha menjalankan meningkatkan program inkubator negeri serta menyediakan sokongan kewangan melalui pembiayaan dan pelaburan perlu untuk kita semakin tangkas mengesan potensi-potensi baharu yang sentiasa muncul ada kalanya di kalangan di celah-celah syarikat ini muncul di tempat-tempat tanpa dijangka dicelah-celah masyarakat menawarkan pelbagai penyelesaian idea-idea kreatif dalam perniagaan mereka. Saya ingin berikan satu contoh sebenarnya dalam kita sering kali menyebut tentang syarikat pemula sasaran untuk mendapatkan lebih banyak unicorn di Selangor seperti yang telah pun dijelaskan oleh yang amat Berhormat EXCO pada sesi soal jawab sebelum ini bahawa ia penting untuk kita perbanyak adalah kerana ianya bukan sahaja

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

demi prestij semata-mata tapi juga misalnya ada sumbangan yang besar ekonomi dan lebih daripada itu ia juga sebenarnya kadangkala menyelesaikan beberapa permasalahan yang berlaku di dalam kalangan masyarakat saya ingin memberikan contoh ada satu syarikat pemula namanya makcik travel..aaa makcik travel kalau siapa pernah dengar makcik-makcik memang pernah gunalah...jadi e-hailing ini menawarkan perkhidmatan untuk wanita pada awalnya di daerah Hulu Langat pada permulaan perniagaan di daerah Hulu Langat dia bermula dan kini mempunyai lebih 200 orang pemandu dan menerima 800 tempahan sebulan dan fokus servis mereka ini sebenarnya memberikan perkhidmatan untuk pelanggan wanita yang mahu rasa selamat lebih selamat dalam menggunakan pengangkutan awam jadi syarikat ini bukan sahaja perkhidmatan pemandu wanita tapi mempunyai perkhidmatan pengiring dan sebagainya. Jadi di sini kita lihat bagaimana sesuatu yang bermula dengan idea yang kreatif ini turut pada masa yang sama membantu memberi pekerjaan mencipta pekerjaan dan pada masa yang sama target group atau fokus tertumpu pada membantu kaum wanita juga. Jadi untuk membantu kaum wanita ini melalui perniagaan ada jalannya bukan sahaja melalui Pertubuhan PERSABI tadi Sabak kata Persatuan Sayang Bini itu sahaja jadi ini yang patut kita galakkan dalam kita cuba untuk memperkuuhkan ekonomi tapi pada masa yang sama juga kita memperkasakan wanita. Jadi saya harap pertubuhan syarikat-syarikat pemula sedemikianlah kalau boleh kita yang ADUN-ADUN kawasan juga harus sentiasa memasang telinga memasang mata meninjau untuk melihat potensi-potensi yang ada di daerah-daerah kita untuk kita sama-sama menjadi agen membantu Kerajaan Negeri agar Kerajaan Negeri dapat membantu mereka dalam kita nak merealisasikan apa-apa juga rancangan terutamanya rancangan Selangor pertama ini.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan Yang Berhormat tema strategik pamacuan kelestarian pada khidmat saya perlu diberikan perhatian yang menyeluruh kerana ia melibatkan kesiap siagaan menghadapi risiko bencana akibat tanah runtuh, banjir dan ketika ini kita sedia maklumlah dengan perubahan iklim yang melampau ini kita tidak dapat menjangka dan tidak dapat mengelak masalah-masalah bencana yang berlaku dan kita sendiri tidak dapat menjangkakan lagi dah bila kadar hujan turun dan sebagainya yang ini perlulah menggunakan data-data yang lebih saintifik lagi untuk kita membuat jangkaan dan ramalan namun bencana banjir tanah runtuh ini selalunya sinonimlah dengan dun Dusun Tua ni tak dapat lari lagi, jadi kita saya rasa perlunya usaha bersepada agar persediaan menghadapi musim tengkujuh misalnya untuk 5 tahun ini sebenarnya dapat dilaksanakan agar tiada lagi isu-isu komunikasi penyelarasan tadbir urus disaat mendepani krisis seperti ini seperti tahun-tahun yang lalu. Jadi pengetahuan tahun-tahun yang lalu mengajar kitalah bahawa kita perlu dengan izin *prepare for the worst* maka pembangunan pelan tindakan pengurusan bencana harus mengambil kira kemungkinan terburuk dalam memperkemaskan kesiap siagaan kita. Maka kita tidak boleh lagi menjangkakan bahawa banjir ini akan berlaku sedemikian sahaja dan kalau boleh kita harus menjangkakan bahawa keadaan mungkin

boleh menjadi lebih buruk daripada tahun yang lalu, kita tak boleh menganggap kayu ukur yang terburuk. Dengan cara itulah kita dapat bersiap sedia. Dari sidang yang lalu saya telah menekankan keperluan kolam takungan dan dataran banjir sebagai salah satu kaedah yang boleh negeri usahakan untuk kawasan zon Hulu Langat memandangkan rancangan tebatan banjir fasa 2 Sungai Langat dipandang penting oleh Kerajaan Persekutuan. Maka saya gembira apabila saya terlihat di bawah bidang tumpuan satu daya tahan pengurusan bencana RS-1 ada mengariskan 7 program projek dan inisiatif ppi dan salah satunya menekankan menyelesaian berdasarkan alam semula jadi untuk mitigasi bencana. Jadi teknik biokejuruteraan untuk mitigasi bencana yang disebutkan antaranya adalah pembangunan dataran banjir semula jadi saya berharap ini tidak akan hanya tinggal sebagai rancangan di dalam RS-1 meskipun ini adalah merupakan perancangan 5 tahun usaha harus digerakkan segera di kawasan-kawasan berisiko tinggi yang telah terlalu kerap berlakunya banjir dan bila kita nak menyentuh tentang dataran banjir, kolam dan sebagainya sudah tentu kita perlu segera di kawasan-kawasan yang mana belum lagi terujudnya perumahan-perumahan akhirnya mengambil ruang-ruang yang boleh kita jadikan kolam takungan, dataran banjir dan sebagainya kerana tempat-tempat yang ini masih ada ruang untuk kita bina diwaktu dalam proses saya tekankan harus segera kita lihat sebelum nanti dah masuk pemajuan dan sebagainya akhirnya kita dah tidak ada ruang lagi untuk wujudnya dataran banjir dan sebagainya. Jadi, saya tidak bercadang untuk bercakap banyak, saya nak tambah satu lagi, berkenaan dengan pengukuhan ekonomi. Balik kepada pengukuhan ekonomi, saya melihat di sini juga, ada salah satu tumpuan yang diberikan kepada pelancongan. Dan sememangnya antara cabaran yang disebutkan, adalah di mana ada ke tidak, orang ke tidak serasian, antara kawasan pelancongan dan infra-infra yang berada di sekelilingnya. Kadang-kadang tempat pelancongan itu tempatnya bagus, tapi nak sampai ke tempat itu mungkin memakan masa lama. Kerana kesesakan, tiada infra jalan yang memuaskan dan sebagainya. Tapi saya juga melihat, antara cabaran yang turut digariskan di sini adalah sebenarnya, kadang-kadang untuk kita membangunkan kawasan itu sendiri. Dan saya kira itu di sini, Kerajaan Negeri dalam RS-1, ada menyebutkan keperluan untuk melibatkan pelaburan-pelaburan daripada syarikat-syarikat swasta untuk membantu membangunkan kawasan pelancongan kita ini. Jadi, saya harapkan, mungkin di akan datang, saya tak pasti, adakah ini sudah menjadi sebahagian daripada tumpuan EXCO yang menjaga pelaburan. Jadi, kita jangan letakkan ini hanyalah di bahu EXCO Alam Sekitar dan Pelancongan. Kita harap dapat juga bantuan daripada EXCO Pelaburan untuk mendapatkan pelaburan bagi pelancongan untuk kawasan-kawasan pelancongan untuk dapat dibangunkan. Kerana macam ditekankan tadi, kita perlukan kerjasama antara sektor awam, sektor persendirian juga, untuk membangunkan apa-apa perancangan kita. Jadi saya tidak untuk bercakap panjang, saya harap dokumen ini akan menjadi rujukan kita semua, bukan sahaja kita sebagai pembuat dasar, tetapi juga pelaksana dasar, malahan juga rakyat di Selangor itu sendiri. Saya berharap, selepas ini, perbahasan-perbahasan mungkin pada sidang belanjawan, pada tahun hadapan dan

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

seterusnya, dokumen ini harus kita jadikan rujukan. Dan harus kita bahas dan kita lajak sekali lagi hingga ke dalam ini, sedalam-dalamnya, untuk memastikan apakah perancangan ini berada di atas landasan atau masih jauh sebelum mencapai realisasinya. Ada nak mencelah... sila..

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Dusun Tua, saya ingin bertanya atas prinsip tersebut yang Dusun Tua baru cakapkan tadi. Apa pandangan Dusun Tua dalam dokumen RS-1, dan dokumen-dokumen RS-2, 3 dan selanjutnya. Kita juga gariskan KPI-KPI bagi setiap inisiatif. Saya rasa alangkah baiknya, ada 200 lebih inisiatif dalam buku ini. Inisiatif-inisiatif bagus untuk rakyat, bagus untuk Selangor, tapi mungkin kita boleh tambah baik. *Transparency* dalam buku ini, dengan kita meletakkan garis KPI, kita gariskan bagi setiap inisiatif, apa KPI yang kita sasarkan dalam 5 tahun tersebut, dan juga apa jangka masa. Adakah ini projek 1 tahun ke, projek 3 tahun ke, 5 tahun, bagi setiap inisiatif, apa pandangan Dusun Tua?.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Ha, tentu sekali, itu sekali perkara yang saya sangat-sangat setuju, kerana tidak guna kita keluarkan pada kali ini, dan kemudian tidak ada lagi pemantauan, dan untuk kita sama-sama memantau dan melihat apakah progres atau dengan izin, kemajuan dalam setiap perancangan inisiatif program dan sebagainya. Jadi saya setuju. Patutnya diadakan satu KPI, dan kita sama-sama pantau, benda itu. Saya setuju minta masukkan dalam ucapan saya lah. Cadangan yang baik daripada Bukit Gasing itu tadi. Jadi, baru-baru ini ada seorang pelajar dalam bidang Sains Politik, bertanya kepada saya berkenaan dengan satu rujukan yang kalau boleh, satu rujukan yang mana menerangkan dasar-dasar Kerajaan Negeri untuk kajian beliau, tesis beliau. Dan saya bersyukur kerana hari ini, saya boleh bagi dia dokumen Rancangan Selangor Pertama untuk beliau jadikan rujukan bagi melihat dasar-dasar Kerajaan Negeri. Jadi, saya harap, ini akan membantu bukan kita semua tapi seluruh rakyat Negeri Selangor. Jadi dengan ini, saya menyokong Rancangan Selangor Pertama.

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, izinkan saya memulakan ucapan penghargaan kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor di atas pembentangan rancangan Selangor pertama dengan tema yang cukup mengesankan. Negeri pintar berdaya huni dan makmur. Dalam situasi ketidaktentuan politik, ekonomi dan sosial yang membelenggu rakyat Malaysia ketika ini, Negeri Selangor, sekali lagi tampil memimpin perubahan dengan menawarkan rencana masa depan yang tampak meyakinkan, progresif dan realistik. Bahkan berupaya membangkitkan harapan rakyat terbanyak, yang mutakhir ini terkesan dengan pelbagai krisis dan polemik. Jika diimbau sejarah sesebuah negara, kerajaan atau

pentadbiran yang cemerlang dan dikenang-kenang legasi kepimpinannya, kita tidak dapat lari atau menafikan fakta bahawa ia terkait dengan perancangan yang berkesan menerusi kebijakan-kebijakan yang merancakkan ekonomi. Namun pada masa sama, mengangkat nilai kebudayaan yang mengukur jati diri bangsa. Rencana pembangunan dengan pendekatan rancangan jangka masa 5 tahun, seumpama Rancangan Selangor ini, pertama kali dipelopori oleh Joseph Stalin, diktator Soviet pada 1958. Rancangan 5 tahun pertama yang digagaskan oleh Stalin pada ketika itu, menumpukan ikhtiar kerajaan, untuk mengembangkan sektor industri berat dan kolektivisasi sektor pertanian. Bertujuan untuk menambah baik dasar ekonomi yang dilaksanakan oleh Rejim Lenin. Rancangan 5 tahun ini, pada dasarnya adalah untuk mentransformasikan kesatuan soviet dari sebuah negara pertanian yang lemah, dengan tadbir urus yang pincang, menjadi sebuah kuasa ekonomi yang dihormati. Manakala, visi dan tema, yang digagaskan tampak gah dan memukau. Pelaksanaan rancangan 5 tahun Stalin ini, mencatat kejayaan hanya untuk tempoh 5 tahun pertama. Dari segi kemajuan material. Namun gagal untuk membangunkan aspek sosial dan manusiawi serta tidak mensejahterakan kehidupan rakyat terbanyak. Perancangan pembangunan Stalin ini turut diguna pakai oleh pentadbiran Inggeris di Tanah Melayu, Pasca Merdeka pada sekitar 1951- 1955, menerusi Pelaksanaan Buku Kuning, ataupun Draf Rancangan Pembangunan, yang merupakan rancangan rasmi untuk Persekutuan Tanah Melayu, yang menyenaraikan semua projek-projek pembangunan yang dirancang pelaksanaannya oleh pelbagai jabatan kerajaan. Walau bagaimanapun, polisi Buku Kuning ini gagal mencapai objektif dan pentadbiran Inggeris telah membuat pembaharuan dengan membentangkan Rancangan Malaya Pertama 1956 -1960. Rancangan Malaya kedua 1961 -1965.

Susulan daripada pembentukan Malaysia, Al-Marhum Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri ketika itu, telah membentangkan Rancangan Malaysia Pertama, yang kemudiannya menjadi landasan asas kepada Rancangan Pembangunan Malaysia hingga ke hari ini. Konsep sama turut diguna pakai di Indonesia pada era Soeharto, yang memperkenalkan Rencana Pembangunan 5 tahun, Repelita. Bermula dari tahun 1969 sehingga Repelita ke 6, yang tidak dapat disempurnakan pelaksanaannya, lantaran kejatuhan Order baru pada 1978. Oleh yang demikian dalam usaha kita dalam menjayakan Rancangan Selangor ini, kita wajar merenung dan mengutip kembali pengajaran serta pengalaman yang dirakamkan oleh sejarah, terkait dengan rencana pembangunan sesebuah kerajaan, yang pada akhir akan dianggap berjaya, seandainya semua atau kebanyakan dari sasaran yang dianjurkan berjaya dicapai. Kejayaan yang ingin dicapai juga seharusnya tidak ditumpukan kepada kemajuan fizikal dan material semata-mata. Namun perlu bergerak seiring dengan pembangunan budaya, pemberdayaan demokrasi serta pengukuhan jati diri rakyat. Pastinya untuk merealisasikan semua perancangan ini, gerak kerja serta kaedah pelaksanaannya perlu diberi perhatian dan tumpuan sepenuhnya.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Rancangan Selangor hanya akan berjaya sekiranya semua pemegang taruh dilibatkan dengan bekerjasama untuk menjayakannya.

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, tatkala menelaah makalah rancangan Selangor pertama, saya gembira, kerana rencana pembangunan yang diusulkan oleh Yang Amat Berhormat Sg. Tua, tidak hanya berkisar kepada material dan kemajuan ekonomi negeri semata-mata. Selain sasaran untuk mengukuhkan ekonomi negeri, Rancangan Selangor Pertama turut menggariskan strategi-strategi khusus untuk meningkatkan kesejahteraan sosial, memacu kelestarian serta pemuliharaan alam sekitar dan menggarap amalan tadbir urus pintar dan berkesan. Banyak cabaran dan ujian yang kita harungi dalam tempoh 2 tahun kebelakangan ini. Selain daripada krisis kesihatan awam yang diakibatkan daripada penularan COVID-19, yang memaksa kita semua mengadaptasi norma kehidupan yang baru. Rakyat Selangor juga berdepan dengan ujian bah besar, yang melanda hampir di seluruh daerah. Bertitik tolak dari kedua-dua peristiwa besar ini, majoriti rakyat mulai sedar akan kepentingan untuk melindungi kesihatan diri dan keluarga secara lebih serius. Rakyat juga mulai cakna tentang kepentingan memulihara alam yang kini digugat dengan cabaran perubahan iklim serta menuntut kerajaan menguruskan rencana pembangunan masa hadapan yang bersifat mapan, dengan menjamin kelestarian alam sekitar. Bah besar yang melanda Negeri Selangor, pada Disember tahun lalu, sememangnya meninggalkan impak yang besar pada rakyat. Bandar Raya Shah Alam yang merupakan mercu kemajuan Negeri Selangor, turut digenangi air, sehingga menjelaskan beberapa kawasan perumahan dan komersial di dalam lokaliti Dewan Negeri Kota Anggerik seperti Seksyen 13 dan Setia Alam. Salah satu kawasan perumahan yang selama ini dianggap sebagai kawasan kalis banjir. Namun demikian, saya bersyukur kerana dalam tempoh kurang 6 bulan dari tarikh berlakunya bah besar, di Negeri Selangor, pihak Majlis Bandar Raya Shah Alam (MBSA) telah tampil dengan langkah pro aktif, menerusi pengumuman Pelan Tindakan Banjir Shah Alam, dengan peruntukan hampir RM60 juta. Dalam sesi libat urus MBSA yang saya hadiri pada 14 April yang lalu, saya difahamkan pelan ini merangkumi 3 fasa jangka masa iaitu jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Dengan tumpuan di kawasan berisiko tinggi seperti Taman Seri Muda, Taman Mesra, Seksyen 13 dan TTDI Jaya. Saya melihat pelan tindakan banjir yang di bentang oleh pihak MBSA ini, merupakan satu perancangan bersifat *responsive* dan pro aktif yang senada dengan Kerajaan Negeri di dalam rancangan Selangor pertama, menerusi strategi bagi menangani bencana tanah runtuhan dan banjir melalui pendekatan mitigasi. Justeru, saya berharap agar Pelan Tindakan Banjir Shah Alam ini dilaksanakan selaras dengan perancangan induk yang digariskan di dalam Rancangan Selangor Pertama bagi menjamin pelaksanaan projek-projek mitigasi banjir yang benar-benar berkesan dan tidak hanya dilaksanakan secara melepaskan batuk di tangga, serta tidak menjadi projek gajah putih, yang akhirnya tidak mendatangkan sebarang manfaat kepada rakyat.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya menyambut baik ikhtiar Kerajaan Negeri menerusi Rancangan Selangor Pertama untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat, dengan penumpuan khusus kepada isu perumahan mampu milik. Walau bagaimanapun, suka untuk saya mencadangkan agar rancangan in turut memasukkan Pelan Rejuvinasi atau pembangunan semula, kawasan-kawasan perumahan lama yang telah berusia lebih 40 tahun, di Negeri Selangor. Seperti kawasan Flat PKNS di Seksyen 16, Shah Alam. Flat tersebut telah dibina mulai tahun 1969 oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, kini telah mengalami pelbagai masalah. Dan kerosakan membabitkan sistem pendawaian elektrik, saliran dan kumbahan. Sekiranya isu-isu ini dan permasalahan ini membabitkan kawasan perumahan berusia ini tidak ditangani dengan baik, saya khawatir, dalam tempoh 10 hingga 15 tahun dari sekarang, kawasan tersebut akan menjadi sebuah kawasan yang tidak lagi berdaya huni.

Pendidikan adalah tunjang kekuatan satu-satu tamadun. Nelson Mandela, mantan Presiden Afrika Selatan pernah mengungkapkan, pendidikan adalah senjata paling ampuh yang bisa digunakan untuk mengubah dunia. Justeru saya menyokong penuh, iltizam Kerajaan Negeri untuk memastikan akses pendidikan sama rata untuk semua. Saya amat berharap, semua projek, program serta inisiatif utama bidang pendidikan yang digariskan dalam Rancangan Selangor Pertama ini, dapat dilaksanakan sepenuhnya serta tidak menyisihkan anak-anak Selangor dari kelompok keluarga miskin dan kurang berkemampuan.

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap isu hutan Bukit Cherakah yang baru-baru ini tular di media, susulan bantahan awam berhubung tindakan siar warta bagi penyahwartaan Hutan Simpan Bukit Cherakah di Seksyen U10, seluas 406.22 hektar pada bulan Mei lalu. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Jabatan Perhutanan Selangor, kenyataan siar warta yang dikeluarkan adalah bagi melengkapkan penyahwartaan yang terhenti pada tahun 2006. Itu keputusan yang dibuat oleh pentadbiran Barisan Nasional yang lalu. Meskipun isu boleh disifatkan sebagai masalah yang diwariskan oleh pentadbiran Barisan Nasional, kita sebagai kerajaan yang prihatin harus akur dan terbuka menerima dan mendengar bantahan rakyat khususnya daripada kelompok aktivis dan pencinta alam. Sehubungan itu, sebagai sebuah kerajaan yang prihatin yang mengangkat prinsip kelestarian dalam pembangunan, saya menggesa pihak Kerajaan Negeri untuk mengambil langkah sewajarnya, agar kekhilafan seumpama ini tidak berulang lagi di masa akan datang. Pelaksanaan Rancangan Selangor Pertama ini, sewajarnya dijadikan contoh kepada semua pentadbiran Kerajaan Negeri yang lain, bahkan juga kepada Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dalam merencana pelan-pelan pembangunan dengan berlandaskan pendekatan yang menjamin kelestarian alam sekitar dan nilai manusawi. Mari lah kita semua menginsafi dan mengambil iktibar dari sejarah serta pengalaman masa lalu. Usahlah kita membangun sambil meruntuh

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

seumpama Firaun dan Pyramid-pyramidnya. Yakni dalam kita membangun gedung dan gudang namun pada masa sama kita meruntuh alam dan nilai manusiawi. Rancangan Selangor Pertama ini sewajarnya menjadi rencana pembangunan yang bukan sekadar membangun ekonomi dan kemajuan fizikal semata-mata namun turut mencakupi pembangunan sosial, pendidikan, budaya serta jati diri anak-anak Selangor. Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

TUAN SPEAKER : Sebelum saya meneruskan ingin saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, Ahli-ahli Yang Berhormat, demi menjaga kemaslahatan Ahli Yang Berhormat wanita dan sayang wanita kita, saya bersetuju membenarkan untuk sementara waktu sebahagian bilik saya dijadikan ruang untuk penyusuan sehingga ruang yang lebih sesuai disediakan di dalam Bangunan Dewan Negeri Selangor. Baik, saya persilakan Sungai Panjang.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Bismillahirahmannirahim. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut sama berbahas. Terima kasih juga kerana memberikan ruang kepada Sungai Panjang untuk turut sama membahaskan Usul dan juga Rancangan Selangor Satu pada petang ini. Sepanjang perbahasan dan juga pembentangan RS-1 saya ikuti dengan teliti pembentangan dan juga perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam Rancangan Selangor Pertama dalam Dewan yang mulia ini.

Secara asasnya Rancangan Selangor Satu merupakan agenda penting Kerajaan Negeri serta dokumen induk bagi merangka kelestarian dan kemakmuran Negeri Selangor, pun begitu kita harus sedar sebesar mana pun gagasan Kerajaan Negeri ini ia tidak boleh bersendirian. Ia tetap memerlukan sokongan dan iltizam pihak kerajaan mahupun pihak bukan kerajaan. Termasuklah kami di peringkat pembangkang untuk sama-sama menjayakan agenda ini. Sebab agenda ini adalah agenda bersama. Agenda Negeri untuk kita sama-sama membangunkan Negeri Selangor yang kita cintai ini. Seperti kita sedia maklum RS1 ini adalah sebuah polisi dan juga inisiatif yang diterajui oleh Kerajaan Negeri Selangor seperti dalam Rancangan Malaysia Ke-10, 11 dan juga seterusnya. Namun ia perlu ditumpukan khusus untuk pembangunan di peringkat Negeri Selangor.

Objektif utama bertepatan dengan keperluan masa kini yang menjadikan Selangor sebuah negeri pintar, berdaya huni dan makmur menjelang tahun 2025. Berdasarkan empat (4) prinsip tersebut dan juga panduan yang telah pun digariskan di dalam Rancangan Selangor Satu ini iaitu tumpuan kepada sektor ekonomi, sosial, kelestarian dan juga tadbir urus. Pada hemat saya agenda ini adalah agenda yang tepat pada masanya di mana suasana persekitaran ekonomi, politik dan juga perniagaan yang bersifat dengan izin, VUCA iaitu *Volatile uncertain complex and ambiguous* di mana perspektif pelaburan politik dan juga

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

alam sekitar yang kini menghadapi cabaran-cabaran termasuklah di peringkat negeri kita Selangor ini. Namun begitu kegusaran kita terhadap beberapa perkara yang telah pun dibangkitkan oleh beberapa rakan Yang Berhormat yang lain seperti Dusun Tua tadi, berkenaan dengan KPI, *Key Performance Indicator* termasuklah *Key Success Factors* dengan izin, yang harus diperhalusi oleh pihak Kerajaan Negeri untuk menjadikan rancangan ini rancangan yang berjaya dilaksanakan dengan keberhasilan yang tinggi. Bukan sekadar satu pembaziran wang rakyat.

Oleh demikian, untuk meningkatkan kebolehlaksanaan RS-1, saya menyarankan agar Kerajaan hendaklah memusatkan usaha dalam menangani isu-isu semasa yang membenggu rakyat Negeri Selangor. Antara isu-isu yang membenggu rakyat dan juga kita semua yang berada di Negeri Selangor pada hari ini antaranya adalah , yang pertama adalah kos sara hidup yang tinggi disebabkan oleh peningkatan kadar inflasi. Yang kedua, peningkatan kadar pengangguran yang kini berganda di Negeri Selangor daripada 2.9% pada tahun 2019 kepada 4.3% pada tahun 2020 dan yang ketiga, berkenaan dengan kelestarian alam sekitar yang mana ianya memberikan kesan kepada kualiti kehidupan akibat daripada masalah seperti pemotongan bekalan air disebabkan pembuangan sampah dan juga pencemaran-pencemaran alam serta projek-projek pembangunan yang tidak cakna dan juga peka terhadap kepentingan alam sekitar.

Ketiga-tiga isu besar ini masih gagal ditangani oleh Kerajaan Negeri Selangor secara menyeluruh walaupun sudah masuk penggal ketiga Kerajaan Negeri Selangor ditadbir oleh Pakatan Harapan isu jurang ekonomi antara kawasan bandar dan juga pinggir bandar di Negeri Selangor masih belum lagi dapat berjaya dirapatkan. Oleh itu, berkenaan dengan kesenjangan ekonomi di peringkat bandar dan juga luar bandar ini juga perlu diberikan perhatian. Kita dapat dengar dalam Sidang kali ini berkenaan dengan jurang pendapatan di peringkat PBT-PBT yang mana PBT-PBT yang berada di luar bandar khususnya di peringkat daerah Sabak Bernam agak ketinggalan dan saya juga melihat kepada pembentangan RS-1 ini khusus antara usaha yang telah pun mungkin dijangka dan juga dirangka dengan baik untuk merapatkan kesenjangan tersebut adalah dengan memperkenalkan SABDA ataupun *Sabak Bernam Development Area* yang saya lihat ada banyak rancangan-rancangan memajukan kawasan daerah Sabak Bernam yang mana pastinya kawasan daerah Sabak Bernam ni termasuk DUN Sungai Panjang adalah tumpuan kepada industri pertanian dan juga agro pelancongan.

Yang mana kita lihat dalam membangunkan isu pertanian dan juga pelancongan di kawasan daerah Sabak Bernam khususnya di kawasan DUN Sungai Panjang ini ada beberapa perkara-perkara yang Kerajaan perlu ambil prihatin. Yang pertamanya adalah berkenaan dengan SSAP Changkat Menteri yang sebelum ini telah pun dilancarkan dan juga dirasmikan oleh pihak Kerajaan yang dirasmikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Dato' Menteri Besar tetapi akhirnya rupa-rupanya projek ini masih lagi belum mendapat EIA apabila ia, ketika mana ianya dilaksanakan dan juga dilancarkan. Jadi perkara ini mestilah dilihat dan juga ditumpukan kerana objektif dan juga perkara tumpuan kita adalah berkaitan dengan kelestarian yang mana melibatkan alam sekitar dan apabila dilihat di dalam buku pembentangan RS-1 ini dilihat ada lagi beberapa cadangan-cadangan SSAP sepertinya Jelutong Jati dan juga SSAP Sungai Panjang. Jadi ini juga mesti dilihat secara menyeluruh kerana kawasan-kawasan spot area yang dibuat ni kalau kita melihat kepada peta di muka surat 97 ini, ini adalah kawasan-kawasan yang betul-betul berhampiran dan bersempadan dengan kawasan Hutan Simpan Sungai Karang. Sudah pasti kalau kawasan ini dibangunkan termasuklah ada satu cadangan kilang minyak kelapa sawit PKPS, sudah pasti kawasan-kawasan ini jika berlaku pembangunan di situ akan menjaskankan eko sistem dan juga kedudukan flora dan juga fauna di sana.

Yang Berhormat Tuan Speaker, di kesempatan ini juga saya mahu mengingatkan pihak Kerajaan Negeri Selangor jangan terlalu gelojoh dan gopoh dalam mengejar status bandar pintar. Sudahlah kawasan pinggir bandar seperti kawasan Sungai Panjang dan juga daerah Sabak Bernam sering ketinggalan daripada arus pemodenan dan juga kemajuan kini ingin memfokuskan tentang konsep bandar pintar. Sudah pastilah dalam Negeri Selangor ini seperti mana kita dengar tadi sebelum-sebelum ini dalam sidang kali ini capaian Internet di peringkat Negeri Selangor ini 99%, even di kawasan luar bandar seperti kawasan daerah Sabak Bernam mencapai 99% tapi jangan kita lupa ada banyak juga kawasan-kawasan yang menjadi blindspot Yang Berhormat EXCO Pertanian ingin memperluaskan pemodenan pertanian dengan konsep IoT dan juga sebagainya tetapi Internet, prasarana nya dan juga strukturnya masih lagi belum sempurna dan juga membenarkan perkara-perkara itu berlaku. Saya juga ingin tekankan di sini bahawa isu keselamatan siber adalah perkara yang paling sangat penting ataupun isu berkaitan dengan *cyber security*. Perkara ini mestilah dititik beratkan tentang pembangunan bandar pintar. Benar, kita mahu bergelar negeri maju . Kita mahu infra telekomunikasi, kita jelas kepada kelas pertama tetapi isu keselamatan siber adalah tunjang utama yang perlu dititik beratkan dalam agenda negeri ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Untuk paksi ekonomi ini saya dapat melihat bahawa Selangor bercita-cita untuk menjadi nadi pertumbuhan ekonomi dan pelaburan di negara kita Malaysia serta di peringkat Asia Tenggara khususnya. Ini dapat dilihat melalui usaha pengembangan pelaburan-pelaburan tempatan, domestik dan *investment* dengan izin malah juga pelaburan-pelaburan peringkat antarabangsa. Berdasarkan sejarah Selangor sememangnya mempunyai jumlah pelaburan berkaitan pembuatan yang tertinggi iaitu lebih kurang 46% dan ini telah pun bermula sejak daripada dulu lagi.

Oleh itu, kita berharap agar RS-1 mengambil kira rancangan untuk membawa masuk pelaburan berkualiti tinggi seperti contohnya menggalakkan kerjasama pintar antara syarikat asing dan juga tempatan bukan sekadar memulakan operasi di negara kita malah menubuhkan ibu pejabat mereka di Malaysia khususnya di Negeri Selangor. Sekiranya objektif ini dapat ditekankan saya juga ada sedikit gusar berkenaan dengan kedudukan rakyat dan juga pekerja di Negeri Selangor kerana kita khuatir pekerja-pekerja dalam negeri kita di eksplotasi sebagai tenaga buruh sahaja sedangkan sebagai negeri yang maju kita mahukan hubungan ekonomi dua hala yang lebih setara. Oleh yang demikian, untuk Kerajaan mencapai matlamat ini perlu ada usaha untuk *upskilling* dan juga *reskilling* dengan izin yang mencukupi untuk menjadikan pasaran kerja di Negeri Selangor menarik di mata majikan.

Dari sudut ekonomi, asas-asas yang perlu diambil berat harus mengambil kira peluang pekerjaan rakyat tempatan. Persaingan dengan warga asing yang kian sengit tahap pendapatan yang statik atau pun tepu serta penggunaan kemahiran atau pun skill selari dengan peredaran zaman. Peluang pekerjaan bagi warga muda serta kerjasama dengan platform-platform digital terkini harus diketengahkan kerana ia sekiranya tidak ditangani ianya akan menjadi satu isu kepada pelaburan dan juga kepada sektor pekerjaan di negara kita. Kita sedar bahawa kerajaan telah pun mempunyai beberapa inisiatif-inisiatif untuk memastikan khususnya di peringkat sosial golongan-golongan muda yang mempunyai pendidikan dan juga mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu, skills perlu mendapat pekerjaan-pekerjaan yang baik agar pekerjaan-pekerjaan inilah yang mereka akan gunakan dan juga membantu mereka untuk pendapatan yang lebih baik mempunyai kerjaya yang lebih baik, pendapatan yang lebih baik dan akhirnya mempunyai ekonomi yang lebih baik.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Berkenaan dengan tadbir urus. Tadbir urus tanpa integriti adalah satu usaha yang sia-sia. Elemen-elemen penting dalam tadbir urus yang perlu diketengahkan ataupun perlu diambil kira oleh peringkat Kerajaan dan juga peringkat *executive* antaranya adalah *credibility, competence, accountability and transparency*. Ini adalah perkara yang sangat penting. Paksi pentadbiran berfungsi sebagai tonggak atau enjin yang berperanan memastikan paksi ekonomi, sosial dan juga kelestarian dapat dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai sasaran yang dihasratkan. Walau bagaimanapun saya ingin menegaskan bahawa apabila mempertimbangkan elemen pentadbiran berpandukan masyarakat pintar yang paling mustahak ialah pembangunan masyarakat digital perlu dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang mencukupi ini adalah perkara yang penting apabila Selangor ingin melangkah dan juga mengorak jauh sebagai Smart State atau pun sebagai negeri pintar.

Saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri Selangor memastikan kesiapsiagaan keselamatan siber kerajaan secara menyeluruh memastikan dasar keselamatan ICT yang gitu dilaksanakan untuk membangunkan seni bina yang terpelihara dan ujian keselamatan dilaksanakan untuk menyokong perkhidmatan Smart State yang disediakan di Selangor. Kerajaan Negeri bekerjasama dengan masyarakat untuk menguji daya sistem tempatan. Paling penting Kerajaan Negeri tidak harus menetapkan sebarang teknologi atau penyelesaian tunggal dan tumpuan hendaklah kepada pendekatan berdasarkan prinsip. Kerajaan Selangor harus mewujudkan pasukan keselamatan siber dalam Kerajaan Negeri dan bukannya mendapatkan khidmat pihak ketiga daripada pihak syarikat asing yang kemudiannya mungkin boleh meningkatkan kebarangkalian data-data dan juga keselamatan integriti data kita di kompromi. Kerajaan Negeri juga harus menghasilkan garis panduan yang komprehensif untuk menerima khidmat daripada sumber luar dengan rangka kerja pengurusan risiko yang menyeluruh. Dari sudut tadbir urus sememangnya terdapat ruang penambahbaikan, penerbitan data dan statistik rekod tender terbuka, perolehan awam serta maklumat yang tersedia untuk masih kurang terlibat bagi dilaksanakan oleh agensi-agensi tempatan.

Yang terakhir, Yang Berhormat Tuan Speaker, berkaitan dengan integriti dan juga keselamatan siber ini apabila kita lihat sebelum ini sebelum pandemik Kerajaan Negeri Selangor ada mencuba peluang menerokai untuk menjayakan inisiatif bandar pintar ini dengan Huawei maka perlulah diambil kira berkenaan dengan status dan juga isu-isu yang terpalit dengan Huawei apabila Huawei ini adalah sebuah syarikat yang dikatakan dan juga dilaporkan menjadi syarikat pengintip kepada keselamatan di peringkat negara dan juga di peringkat global maka Kerajaan Negeri Selangor apabila menjalinkan hubungan dengan Huawei mestilah berhati-hati. Jadi ini adalah perkara-perkara yang perlu kita sama-sama ambil peduli,

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, *landing*.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Mengambil cakna, nak *landing* dah Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih, itulah antara perkara-perkaranya dan yang paling penting tumpuan saya adalah berkenaan Negeri Bandar Pintar daripada segi *infrastructure* dan juga keselamatan yang tadi yang kerajaan perlu ambil kira sepenuhnya. Jadi dengan itu, secara dasarnya saya menyokong berkenaan dengan dasar Rancangan Selangor 1 ini. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker. (Bahasa Arab). Yang Berbahagia, Yang Berusaha, Yang Berhormat Tuan Speaker dan rakan-rakan sekalian. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ucapkan terima kasih di atas ruang yang

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

telah diberikan oleh Speaker, 10 minit. Jadi saya akan manfaatkan agar sepenuhnya tanpa meminta penyambungan atau tambahan. Saya ingin mengingatkan bahawa topik kita tajuknya tepat. Pilihan yang telah dilakukan oleh barisan EXCO kita cukup baik. Bercakap tentang Rancangan Selangor Pertama yang temanya Negeri Pintar Berdaya Huni dan Makmur, menjelang 2025. Bagi saya ini adalah satu perkara yang cukup mantap, tetapi saya ada rasa terkilan bila saya keluar dari bilik, saya rasa kecewa dengan suasana yang telah merosot. Di kalangan kita, ahli-ahli pejuang-pejuang reformasi, pejuang islah yang perjuangan paling besar kita diingat penyakit memuji.

Penyakit memuji, menjatuhkan BN tetapi menjatuhkan kita rupanya. Kita ada 3 Menteri Besar, tempat yang pertama kita seronok, kita bergaduh dengan dia dengan peristiwa-peristiwa yang melibatkan Presiden PAS masa itu dan saya, Timbalan Speaker dan banyak lagi. Kemudian kita dapat 1 Menteri Besar yang sudahnya dia punya Parti pun tak *endorse*. Kita pun tak *endorse* dia sebab dia buat 1 Pakatan Barisan Pakatan Rakyat katanya Pakatan Harapan hanya dalam Pilihan Raya. Dia marah kita. Bagaimana kecewanya pada masa itu apabila kita dapati. Bukan-bukan, saya nak kata ini. Tak apalah. Dia kecewa kerana dia marah untuk mendapat pandangan dia, dia nak nasihat kita balik dia marah kita. Hari ini dia termasuk dalam golongan yang dikatakan pengkhianat. Sekarang kita punya seorang yang muda, kita khuatir dulu kata takut dia sebahagian daripada kartel. Dia dipilih untuk bagi tempat agar Menteri Besar Selangor boleh jadi Menteri Pusat. Ini semua kita dapat dalam keadaan kita puji. Saya dengar 2-3 orang yang mengatakan memuji kepimpinan EXCO sebagai 1 pasukan. Tetapi yang lain semua memuji Menteri Besar. Menteri Besar ini kita rasa kita tidak akan sampai ke tempat itu sekiranya inilah yang kita bersedia. Dia adalah seorang yang cukup banyak kuasa, dia berikan segala-galanya untuk mentadbir negeri. Dia tidak diberikan 1 benda sahaja iaitu *team* untuk dibina bersama. Dia diberikan *team* untuk dia jadikan alasan bahawa Menteri Besar dibantu oleh 1 pasukan. Ini saya rasa kita akan, saya anak Selangor, saya anak Kampung Baru. Saya anak Selangor memang bangga dengan Selangor. Anak Kampung Baru bangga. Kami kecewa bila kami jadi Kuala Lumpur. Kita kecewa. Bagaimana boleh, saya kecil lagi masa itu. Saya darjah 5, darjah 6, saya mewakili negeri dalam pertandingan hoki. Pasukan 12 tahun, hoki. 12, Kapten. Top Scorer. 1 sahaja pasukan yang kami takut iaitu Terengganu masa itu dan Terengganu terkenal dengan banyaknya sekolah dan banyak kemudahan.

Selangor yang ada adalah Sekolah Kebangsaan Jalan Raja Muda. Saya di situ dan dia Kampung Baru. Kampung Baru adalah tempat yang patut ada perubahan tetapi tak ada perubahan. Kampung Baru bagi saya dulu, sekarang sama sahaja. Perkara yang jadi masalah tetap jadi masalah. Sejak kecil rumah saya dekat Sungai Bunos. Sungainya kecil. Tetapi bila hujan lebatnya bukan main. Banjirnya, balak pun ada. Tetapi balak tak tahu daripada mana dia, dan lepas itu bila saya dah besar jadi ADUN saya berdepan dengan masalah orang marah saya, kutuk saya, keji, kecam saya kerana jalan-jalan yang berlubang di Hulu Kelang. Kerana pemotongan seluruh Malaysia, seluruh Selangor yang dinamakan

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Gated KL, Gated Kuala Lumpur yang akan menjadikan membawa semua itu *council*. Sebab itu tutup dan diselesaikan Sungai Bonus. Sungai Bunos lagi. Kecilkan Sungai Bunos, banjir segala sampah sarap dekat situ dan akhirnya konon-kononnya projek yang mega yang *grand*, Gated Kuala Lumpur nak mengelakkan nama dapat Gated Selangor ataupun projek yang di *hijack* oleh Najib, Perdana Menteri Malaysia pada masa itu dan saya dah *warning* pada Tan Sri Khalid, MB jaga-jaga. Tak apalah orang nak buat, biar kita biasanya begitu. *Reward of life* dan sebagainya.

Tuan Speaker, saya bersyukur bahawa saya nak begini sahaja saya nak maknanya bila kita dah Negeri Pintar kita *define* Pintar itu apa. Sama-sama kita *define*, saya mencadangkan di sini, jika *define* pergi kepada definition Negeri Pintar, Smart State mesti ada sifat. *The whole is fine*. Pada saya itu mesti ada. Maknanya bila kita kata bahawa Negeri Pintar yang pintar adalah rakyat. Sistemnya dan kepimpinannya. Rakyat pintar ini maknanya rakyat yang mendengar, pemimpin mendengar. Sistemnya apa kita katakan sistem, sistematik dan sistemik. Tiga-tiga ciri itu mesti kena ada. Jadi kalau kita dah kata rakyat pintar, sistem pemerintahan semuanya pintar. Mesti ada *recursive*, mesti ada kepintaran itu di mana-mana. Kepintaran yang semua pintar dengan pemimpin mesti ada di mana-mana. Dalam *team EXCO*, dalam team Negeri dalam team PBT *is total*. Kita tidak akan ada *real system* of yang dikatakan *reliable* dengan izin *reliable* ini *is amenity to live on there's a law that the govern viability* yang dikatakan (tidak jelas). Semua kita kena masukkan dalam ini. Bila kita masuk sahaja kita bawa sistem kita ini *compact*. *Our system is good, our system is* (tak jelas), sistem diketahui semua dan barulah kita cakap tentang apa yang kita nak cakap, yang menarikkan seseorang itu kepada sistem yang ada sistematik, sistem sistematik, sistemik adalah satu sistem yang ada daya huni. Apa dia dayahuni? Dayahuni adalah berdaya huni membawa maksud mempunyai kemampuan untuk menjadikan siapakah yang berdaya huni. Jadi penghuni kita tak bertandang ini. Kalau bertandang maknanya jin. Macam tempat jin bertendang tak betul ini. Tempat jin bertandang untuk asalnya. Macam harapkan pagar, pagar makan padi. Bukan pagar makan padi, pagar makan padi. Kita faham di situ, bahawa apa yang saya katakan tamadun kepenghunian sinamous. Tamadun dan kepenghunian. (Bahasa Arab). (Tidak jelas). Ke tempat yang ada tarikan, daya tarikannya dalam konteks Al-Quran adalah (Bahasa Arab). Di sini saya rasa kalau saya bincangkan, bagi peluang bincang sebulan. Bagi seminggu, 2 minggu mesti kita punya *retreat will be better and solid*. *Solid* itu maknanya adalah kita mempunyai orang-orang yang boleh menghuraikan apakah yang kita maksudkan sebagai apa yang menarik di Selangor. Apa yang kita...

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Jadi saya nak bincangkan dan saya harapkan.

TUAN SPEAKER : Yang terakhir.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Saya cadangkan bahawa kita berilah ruang lagi buat *retreat* kita buat dekat sini sahaja. Balik malam. Pukul 1 balik, esok 6 pagi datang balik. Itu memang zuhud punya *retreat*, saya rasa kita buat *retreat* betul-betul. Bila *retreat* kita dah *define* tu kita dapat 3 *major reason* kenapa orang suka Selangor. Saya nampak kerana keterbukaan Selangor, dulu Selangor ini memang Selangor tetapi Selangor ini macam tadi.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat *landing, landing.*

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : *Landing*, saya di sini ya. Saya cadangkan bahawa menariknya Selangor ini kerana awak nak jadi apa-apa pun boleh. Nak jadi Professor, nak jadi Perdana Menteri, nak jadi Menteri Besar nak jadi apa-apa boleh. Dulu tak ada. Itu started by our first Tan Sri, yang pergi ke nombor 2, nombor 3 orang luar. Jadi kita nak begitu biar dia rasa ownership boleh develop Selangor macam saya nak jadi anak Selangor. Saya anak Kampung Baru, saya buat apa yang boleh. Jadi dengan itu saya ucapan terima kasih kepada Speaker yang telah memberi kepada saya dan saya ucapan terima kasih. Saya mencadangkan perkara tersebut untuk kita endorse sama-sama.

TUAN SPEAKER : Terima kasih Hulu Kelang. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh sebab urusan dewan ini masih panjang, maka Dewan pada hari ini perlu disambung bagi meneruskan urusan Dewan, saya mempersilakan wakil Yang Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawa Usul ini.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut :

“Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dan 26, Perenggan 4, dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 6.00 petang”.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui. Pandamaran.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : 5 minit.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : 5 minit ya. Pendek sahaja. Terima kasih Tuan Speaker, sebab ramai yang sudah bahas cuma saya ingin berterima kasih kepada Kerajaan Negeri terutamanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah ada

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Rancangan Selangor Pertama dan kita nampak perbandingan penggunaan air seharian per kapita di Malaysia adalah purata 230 liter, tetapi di Selangor 239 liter. Jauh lebih tinggi daripada purata penduduk Malaysia digunakan. Jadi sasaran disarankan oleh Kerajaan Negeri adalah pada 2030 adalah 180 liter. Ini terbukti rakyat Selangor menggunakan air yang begitu banyak dan kita nampak pada 2014 kita pernah, negara kita pernah mengalami musim kemarau yang teruk dan terpaksa kita agihkan air. Daerah Klang adalah mangsa diakibatkan gangguan bekalan air dan kita nampak.

Saya juga ingin berterima kasih, wakil rakyat Klang untuk berterima kasih Kerajaan Negeri Selangor kerana telah membuat bekalan air Sungai Rasau. Yang ini terutamanya kepada rakyat Klang. Jadi ini walaupun harga pembinaan dia tinggi tapi ini memang bermanfaat kepada rakyat Klang. Kita rakyat Klang akan mendapat manfaat yang begitu banyak. Jika ada gangguan bekalan air di SSP 1, 2, 3 tapi kita boleh dapat air daripada Sungai Rasau. Walaupun ada Sungai Rasau ada gangguan, kita ada dapat SSP 1,2,3. Ini kita saya nak wakil kepada rakyat Klang untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri. Kita nampak 2025 mengikut metrologi 2025, negara Malaysia sekali lagi kita akan mengalami kemarau musim kemarau. Jadi saya (Pandamaran) harap Kerajaan Negeri dapat mendidik atau memberi kempen kesedaran kepada rakyat Selangor supaya dapat menjimat menggunakan air demi penggunaan air seharian per kapita dapat diturunkan mengikut sasaran PBB iaitu 165 liter sehari.

Dan saya juga nak ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri sebab telah mengadakan Rancangan Selangor Pertama. Bagi saya bagi Pandamaran ramai penduduk di kawasan daerah Klang memuji prestasi Kerajaan Negeri Selangor tetapi *best*. Tetapi ada tetapi ya mereka ada pandangan yang lain terhadap PBT-PBT mereka terutamanya Majlis Perbandaran Klang. Kita nampak ada memang bila kita tanya dengan penduduk, mereka kata mereka ada kecewa dengan prestasi Majlis Perbandaran Klang kerana banyak aduan yang tidak dapat diselesaikan dan mereka risau jika perkara ini berterusan, ini akan menjejas prestasi Kerajaan Negeri. Jadi saya mohonlah ya

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Pandamaran.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : Ya.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Mungkin sudah sampai masanya untuk kita kembali ke belakang balik. Maksudnya, ADUN dilantik sebagai Ahli Majlis. Apa pandangan Pandamaran?.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : Pandangan saya, kita tak patut sekarang buat sebab saya percaya YDP baru ini dapat membuat sesuatu yang boleh mengukuhkan atau mengubah prestasi MPK. Saya percaya YDP baru ini wanita Noraini, Puan Noraini

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

sebab saya nampak prestasi apa yang dia beliau telah bantu saya adalah untuk menyelesaikan sebuah projek yang tertangguh 20 tahun iaitu *Intania Project* 16 unit kedai, 95% sudah siap tapi 5% saja tertangguh 20 lebih tahun. Dengan bantuan daripada YDP baru ini, projek ini dapat dilaksanakan, dapat diteruskan. Saya nak ucapkan syabas kepada YDP yang baru ini. Jadi dengan bantuan ini, saya percaya Puan Noraini dapat mengubah dan memberi KPI-KPI kepada pengarah-pengarah daripada MPK untuk membuat sesuatu yang dapat drastik untuk tukar kerja-kerja mereka. Dan saya selain nak memuji kepada kerajaan tempatan iaitu PBT MPK ini, saya juga harap Kerajaan Negeri dapat membantu saya dapat membantu Pandamaran supaya Projek Jalan Papan Pandamaran ini dapat diselesaikan secepat mungkin. Sebab itu juga lebih 20 tahun. Jadi kalau MPK boleh bantu, saya harap Kerajaan Negeri dapat bantu juga. Jadi saya harap tahun ini

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Pandamaran, Pandamaran.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : Ya.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Pandamaran, saya

TUAN SPEAKER : Masa dah habis Pandamaran.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN: Ada pening sikitlah Pandamaran. Tadi kejap macam hentam, lepas itu puji pula. Lepas itu hentam balik, lepas itu dia sebenarnya macam mana ni Pandamaran? Pandamaran, Pandamaran.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE: Ok, saya nak jelaskan

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : 5 minit saja.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : Yang betul, yang baik kita kena puji. Taman Templer, yang baik kita kena puji, kita kena bagi kepujian kepada mereka. Yang teruk, kita kena minta untuk baiki. Jadi saya haraplah ni akhir. Saya harap Kerajaan Negeri dapat bantu untuk menyelesaikan yang projek 20 tahun ini iaitu terutamanya di Jalan Papan Pandamaran. Akhir sekali, Pandamaran menyokong Rancangan Selangor Pertama. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bukit Melawati.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Terima kasih Tuan Speaker. *Bismillahirrahmanirrahim.* Pertamanya, izinkan saya untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada YAB Sungai Tua di atas pembentangan satu dokumen penting rancangan

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

dan hala tuju pembangunan jangka panjang di negeri Selangor. Rancangan yang julung kali diwujudkan di negara kita ini merupakan rancangan holistik pembangunan negeri dari aspek pengukuhan ekonomi, kesejahteraan dan keterangkuman sosial, kelestarian dan tadbir urus yang berkesan. Dalam mendepani krisis ekonomi, kesihatan dan sosial, saya percaya penggembangan tenaga dan sumber bukan saja di peringkat persekutuan, malah di peringkat Kerajaan Negeri amatlah penting.

Tuan Speaker,

Saya hanya ingin menekankan bahagian 5 bidang tumpuan 3 yang berkenaan menyentuh berkenaan wanita, keluarga dan komuniti di mana strategi kelapan iaitu memperkasa wanita dalam sektor pekerjaan serta kesamarataan gender di negeri Selangor. Saya sebenarnya lebih selesa digunakan istilah kesaksamaan gender ya Sabak berbanding dengan kesamarataan gender. Jadi Tuan Speaker, usaha ini harus dipercepatkan kerana Malaysia jauh ketinggalan dalam sektor pemberdayaan wanita seperti mana yang dilaporkan oleh *Global Gender Index* 2022, Malaysia menduduki tangga 103 daripada 146 negara. Ini selaras dengan laporan oleh Jabatan Statistik Negara yang mana *Malaysia Gender Gap Index* (MGGI) pada tahun 2021 bagi *domain* pemerkasaan politik mencatatkan hanya 0.1 mata daripada 1 iaitu 10% sahaja. Dan Negeri Selangor merupakan antara negeri maju yang bukan saja dari sudut pembangunan ekonomi malah keterkehadapan dalam melaksanakan dasar yang melibatkan wanita.

Pada tahun 2017, Negeri Selangor telah menukuhkan sebuah badan pemikir iaitu Institut Wanita Berdaya Selangor yang kini dikenali sebagai Wanita Berdaya Selangor (WBS) dengan tujuan untuk merangka dasar yang mendaya upaya kepimpinan wanita bagi mencapai matlamat kesaksamaan gender. Melalui Dasar Wanita Selangor, Kerajaan Negeri Selangor telah menyatakan komitmen untuk mencapai 30% perwakilan wanita di peringkat pembuatan keputusan. Walaupun saya percaya usaha ini masih diteruskan, namun jurang ketara masih dilihat selepas Pilihan Raya Umum Ke-13 di mana jumlah Ahli Dewan Negeri wanita sebanyak 25% dan berkurang sedikit kepada 23% pada Pilihan Raya Umum Ke-14 lalu iaitu seramai 13 orang daripada 56 orang. Sehingga kini, usaha untuk mencapai 30% kepimpinan wanita dalam politik masih belum dapat dicapai dengan sebaiknya namun Selangor menerajui berbanding negeri-negeri yang lain. Dalam usaha mendaya upaya kepimpinan wanita, kita harus akui bahawa terdapat jurang sistem yang berstruktur yang mengekang wanita untuk naik dan diangkat sebagai pembuat keputusan.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri Selangor merangka pelan tindakan jangka panjang untuk melaksanakan sistem *Non Constituency Seat* (NCS) atau seperti mana yang telah dilaksanakan di Dewan Negeri Sabah atau *Women Only Additional Seat* seperti yang pernah disarankan dalam Dasar Wanita Selangor 2017 hingga 2020.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Saya ingin bertanya juga adakah dasar baharu Dasar Wanita Selangor yang baru kelak akan menekankan usaha ini agar dapat mencapai sasaran peningkatan wanita di peringkat pembuatan keputusan.

Tuan Speaker,

Dalam terdapat banyak kajian yang dilakukan bahawa lebih ramai jika lebih ramai wanita dalam pembuatan keputusan, maka lebih banyak dasar dan program yang akan memberi impak positif kepada wanita dan keluarga seperti kesihatan reproduktif, penjagaan kanak-kanak dan juga isu-isu keselamatan. Dalam kajian sebuah kajian pada bulan April 2022 berkenaan pengundi atas pagar mendapati bahawa 75% golongan wanita masih belum membuat keputusan sama ada untuk menyokong pihak kerajaan mahupun sebaliknya dan daripada jumlah ini, 69% daripada mereka merupakan wanita yang tinggal di kawasan di bandar serta berumur antara 31 hingga 40 tahun. Jadi ini sedikit sebanyak menjadi petunjuk kepada kita bahawa golongan wanita mungkin masih belum yakin dengan dasar mana-mana pihak baik kerajaan mahupun pembangkang. Dan golongan wanita yang belum membuat keputusan ini merasakan bahawa mereka masalah mereka masih belum diselesaikan. Mereka ini masih belum cukup disantuni dan mungkin masalah mereka tidak siapa yang memberikan perhatian yang secukupnya.

Jadi sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, kita jangan alpa dalam pelbagai usaha dan ikhtiar kita untuk menarik pelabur memacu pembangunan dan membuka peluang pekerjaan yang seluasnya, ruang dan peluang penyertaan dan penglibatan golongan wanita harus diambil kira. Justeru itu, saya menyambut baik usaha Kerajaan Negeri dalam menggalakkan golongan wanita berkerjaya untuk terus kekal bekerja dan kembali bekerja menyumbang bakti kepada pembangunan negara dengan sasaran 75% penyertaan wanita dalam pasaran kerja menjelang tahun 2025 diharapkan bukan sekadar sasaran tetapi disusuli dengan tindakan yang lebih serius bagi mencapainya.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Lisa Belkin

TUAN SPEAKER : Masa, *landing*.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Ya, sedikit lagi. Dalam satu contoh yang saya berikan, Lisa Belkin dalam artikel beliau di *New York Times Magazine* pada tahun 2003 iaitu di *up out revolution* menceritakan bagaimana dilema yang dialami oleh golongan wanita profesional terpaksa meninggalkan kerjaya kerana pelbagai faktor dan halangan. Antaranya faktor keluarga dan juga faktor diskriminasi serta gangguan seksual

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

di tempat kerja antara menjadi faktor mengapa wanita memilih untuk meninggalkan kerjaya. Dan pelbagai lagi kajian yang telah dilaksanakan. Namun dalam masa yang singkat ini, saya ingin berikan ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak PKPS (antara agensi Kerajaan Negeri) yang telah mewujudkan taskanya sendiri walaupun tanpa geran ataupun insentif daripada pihak kerajaan seperti mana dalam saranan Rancangan Selangor Pertama di mana salah satu usaha bentuk sistem sokongan yang diberikan kepada golongan wanita ini adalah dengan memberikan insentif khas kepada syarikat yang mewujudkan pusat asuhan dan penjagaan kanak-kanak bermula di pejabat kerajaan mahupun di pihak swasta. Dan seterusnya saya juga

TUAN SPEAKER : Tak ada terus.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Mengucapkan terima kasih

TUAN SPEAKER : Tutup.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Kepada pihak Kerajaan Negeri di atas saranan membuat *flexible working hours* kepada golongan wanita serta bantuan-bantuan yang disediakan untuk Bantuan Tunai Asuh Pintar dan sebagainya kepada golongan wanita agar memudahkan wanita untuk terus bekerja. Saya ucapkan banyak terima kasih Tuan Speaker di atas ruang yang diberikan dan Bukit Melawati menyokong usul Rancangan Selangor Pertama. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Baik, terima kasih. Sungai Pelek 3 minit.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Terima kasih. Tuan Speaker, pada asalnya saya ingin mencadangkan beberapa penambahbaikan projek dan program Kerajaan Negeri agar ianya berdaya maju bagi kesejahteraan warga Selangor secara umumnya. Tetapi hanya 3 minit ini jadi saya hanya dapat mengutarakan apa yang saya risau. Saya terpaksa tinggalkan ini *speech*. 3 minit ya? Ok. Saya risau. Saya risau. Dalam 3 minit ini banyak benda yang saya risau. 3 minit pun tak cukuplah.

TUAN SPEAKER : Kerisauan 3 minit. Teruskan.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Nombor satu, PJD Link. PJD Link saya risau kerana *pressure* sebagai residen PJ saya dan juga saya yang pernah menentang KIDEX dan sebagainya ada *pressure* lah. Jadi saya minta kerajaan apa salahnya kerana sudah lama dia TIA pun tak ada, SIA pun tak ada, EIA pun tak ada, kita *reject* sajalah supaya orang PJ tidak rasa tergugat.

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

Yang kedua, saya risau juga isu WTE. Saya tahu ramai yang setuju katakan canggih dan sebagainya. Saya ingin memberi peringatan bahawa mana-mana penjual teknologi baru, dia mesti katakan apa yang *source positive* saja. Sebenarnya saya setuju dengan Rawang. Dia bukan saja bukan teknologi yang *green* ataupun canggih dan dia mungkin membawa keburukan. Lagi, dia mahal sangat. Kalau katakan sekarang RM1.1 billion dia buat dua loji saja kerana baru-baru ini ada inflasi, silap-silap 5%, 50% tambah jadi RM3 billion pun tak cukup untuk buat dua loji. Jadi saya minta kerajaan kita sudah baik janganlah bila kita buat projek besar-besaran itu kita kena lebih hematlah. Berapa minit lagi? Jadi kalau sudah habis saya akan terpaksalah gunakan peluang yang lainlah di luar untuk memberi pandangan saya terhadap kerajaan negeri. Jangan salahkan saya pula mengapa tidak mahu cakap di sini ya. Ok, Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya. Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Terima kasih Yang Berhormat Speaker ya. Saya tahu masa tak panjang.

TUAN SPEAKER : Lima minit juga.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Ok. Bagi membahaskan lagi Rancangan Selangor Pertama ini saya nak membawa satu firman Allah S.W.T. dalam bahasa arab ayat 96 (ayat al-quran) yang bermaksud “dan kalaularah penduduk sebuah negeri itu beriman dan bertakwa tentulah kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi tetapi mereka mendustakan Rasul-Rasul kami lalu kami menimpakan kepada mereka azab disebabkan apa yang mereka telah usahakan”. Dalam pembentangan ini saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah membentangkan satu perancangan dalam tempoh lima tahun yang pertama di Malaysia bagi negeri-negeri yang ada di Malaysia. Namun dalam keadaan kita nak menaikkan taraf hidup kehidupan rakyat di Negeri Selangor. Tetapi kita kena seiring dan juga kena meningkatkan juga kualiti hidup bukan sahaja dari sudut kehidupan dari segi ekonomi tetapi dari segi mental, fizikal dan juga ketakwaan. Saya mungkin nak menyentuh beberapa perkara sebelum kita nak melaksanakan Rancangan Selangor Pertama bagi pandangan saya perkara yang penting yang perlu kita nilai dan juga perlu kita bertindak adalah berkaitan menyelesaikan permasalahan ataupun masalah-masalah yang tertungggak ataupun masalah-masalah yang belum lagi kita dapat selesaikan yang menyebabkan banyak halangan-halangan pembangunan ekonomi, pembangunan kemanusiaan dan sebagainya yang terhalang. Sebagai contoh pelaburan-pelaburan ataupun perkara-perkara yang dirancang dalam Rancangan Selangor Pertama ini banyak menyentuh tentang aspek ekonomi dan pembangunan taraf hidup rakyat. Tetapi kita bimbang dengan peluang-peluang dan pembangunan yang ada. Yang dibentangkan

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

ini akan diisi atau nikmatnya akan dikaut oleh warga asing. Sebagai contoh pada hari ni kita lihat bagaimana isu peniaga asing, isu warga asing di dalam negeri kita ini cukup parah dan berkali-kali tidak dapat diselesaikan oleh Pihak Berkuasa. Kerana apa? Kerana bidang kuasa kita yang amat terbatas dan juga Penguatkuasaan kita sendiri amat lemah. Sebagai contoh di tempat saya sendiri di Meru itu, yang menjadi tempat tumpuan warga asing bermiaga. Berkali-kali pihak MPK mengadakan operasi buat sitaan dan sebagainya tapi kita lihat tidak memberi kesan. Pagi buat sitaan, petang mereka buka balik perniagaan. Ini satu perkara yang amat mendukacitakan yang merupakan sebagai satu cabaran dan juga penghinaan kepada kita. Menunjukkan betapa lemahnya kita dan kita terpaksa tunduk pula kepada mereka. Dan antara faktor yang saya lihat apabila penguatkuasaan yang ada di peringkat negeri kita tak gunakan semaksimum mungkin. Sebagai contoh, saya memberi cadangan kepada peniaga-peniaga haram ini. Bukan sahaja sitaan ataupun kompaun dikeluarkan tetapi sebenarnya kita ada dalam di bidang kuasa negeri kita ada kuasa untuk menyita premis ataupun tanah yang disalah gunakan kepada warga asing ini untuk bermiaga. Dan kita tak nak pelaburan-pelaburan yang dah dibuat. Yang Berhormat Bandar Baru Klang macam-macam pelaburan yang dia bawa ke Negeri Selangor tetapi kita tak nak! Perkara yang dah dibawa ini akhirnya di isi ataupun dimonopoli oleh warga asing. Kita tengok pasar-pasar yang ada di negeri kita ini. Pasar Meru, Pasar Seri Kembangan di Serdang. Bagaimana dikuasi oleh warga asing daripada Bangladesh daripada Rohingya malahan mereka beranggapan itu tempat dia. Bagaimana kalau kita lihat dimedia baru-baru ini bila serbuan dibuat. Mereka pula berpiket, berpiket Taman Templer. Menuntut hak! Mereka kata hak mereka. Mereka pun kata “mereka ada hak dalam negara ini!”. Sedangkan mereka datang di negara ini sebagai pelarian.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Meru. Lepas berpiket, *landing*.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Haa lepas berpiket, *landing*. Jadi saya mengharapkan pihak kerajaan negeri bukan sekadar orang kata mengenakan kompaun tapi kita gunakan kuasa yang ada di dalam negeri kita, contohnya kita menyita premis dan juga tanah yang digunakan yang diberikan kepada warga asing ini untuk menjalankan aktiviti perniagaan mereka. Dan saya harap juga kerajaan negeri dapat menumpukan dengan soal pendidikan juga sebab ini cukup penting. Saya cukup takut apabila Jabatan Perangkaan Malaysia membuat kajian pada tahun 2019, 72.1% tidak minat untuk sambung belajar selepas SPM. Ini satu angka yang cukup menakutkan kita, lebih-lebih lagi selepas kita berhadapan dengan pandemik. Kita dapat lihat bagaimana kebanyakan pelajar tahun satu, darjah 1, darjah 2, darjah 3 tak reti membaca. Ini bukan satu perkara yang kecil dan juga dia akan menimbulkan permasalahan perkauman. Saya minta maaf bagi mereka yang bukan berbangsa Melayu, kaum Cina dan juga kaum India yang tidak ke sekolah rendah. Mereka yang tidak belajar bahasa Melayu. Mungkin mereka akan berhadapan masalah yang besar pada masa akan

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

datang. Akan wujud balik masalah perkauman dan sebagainya. Yang ini yang kita bimbangkan.

TUAN SPEAKER : Akhirkan.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Jadi disebabkan Speaker pun dah lain macam dah. Sebab saya tak nak Speaker marah saya mengharapkan kerajaan negeri dapat menilai juga perkara-perkara negatif ataupun perkara-perkara yang bakal yang boleh menimbulkan keburukan daripada perancangan yang bakal kita laksanakan dan saya dengan ini menutup dengan menyokong Rancangan Selangor Pertama. Assalamualaikum W.B.T.

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN : Assalamualaikum W.B.T.
terima kasih saya ucapan kepada Tuan Speaker. Pertamanya syabas dan tahniah kepada kerajaan Selangor atas Rancangan Selangor Pertama ini. Ini adalah satu petunjuk yang baik bahwasanya fokus utama kita untuk lima tahun akan datang jelas menunjukkan kita istiqamah dalam melaksanakan kerja-kerja dalam kita untuk berhadapan dengan rakyat dan memastikan semua hasil negeri itu kita kembalikan semula kepada rakyat. Dalam Rancangan Selangor Pertama banyak perkara telah menjadi *priority* Kerajaan Negeri, meliputi aspek pembangunan ekonomi, meningkatkan kadar KDNK, tidak ketinggalan sektor pertanian di kawasan Anjung Utara. Saya tertarik dengan pengumuman Dato Menteri Besar yang merancang membangunkan sektor pertanian di Sabak Bernam melalui Sabak Bernam Development Areas, (SABDA). Peruntukan yang berjumlah RM1.9bilion bagi pembangunan pertanian di kawasan Sabak Bernam. Ianya sudah tentu meningkatkan taraf ekonomi di kawasan setempat melalui beribu peluang pekerjaan yang ditawarkan. Namun adalah satu perkara yang perlu dikaji semula agar limpahan pembangunan pertanian ini dapat diinjakkan ke kawasan lain di Anjung Utara terutamanya di Tanjung Karang khususnya di kawasan DUN Permatang. Kebanyakan penduduk di kawasan Tanjung Karang khususnya di Permatang bekerja sendiri. Bergantung harap kepada hasil kebun dan sawah. Dengan keadaan hasil padi yang tidak menentu tiga hingga empat tan sahaja serta benih padi yang kurang berkualiti Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Pertanian Selangor dan agensi kerajaan yang berkaitan harus melakukan kajian khusus serta mekanisma terbaik bagi meningkatkan hasil padi di kawasan Sawah Sempadan. Dalam jawapan lisan oleh Yang Berhormat EXCO sebelum ini ada menyatakan mengenai sebanyak RM136juta telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh 2018 sehingga kini dengan RM52juta dibelanjakan untuk permodenan pertanian Anjung Utara di daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Insentif pemodenan pertanian ini melibatkan projek tanaman padi, kelapa-kelapa sawit selain bantuan berbentuk pertanian dan

29 JULAI 2022 (JUMAAT)

pemberian peralatan. Jadual tanaman padi, Barat Laut, Sabak Bernam dan Kuala Selangor akan dipinda mulai tahun 2023. Jadual baru ini telah menyatukan dua skim iaitu Sungai Burung dan Sawah Sempadan dilaksanakan serentak pada bulan Januari 2023 berbanding musim terdahulu berlainan bulan. Penjadualan ini adalah bertujuan untuk mengoptimumkan penggunaan bekalan air bagi keseluruhan pengairan Barat Laut. Sehingga sumber yang saya terima, ya sehingga tahun 2021 kita mempunyai bilangan petani untuk Anjung Utara ini seramai 9,344 orang. Penjadualan serentak ini dikuatirikan akan meningkatkan kerisauan petani berhadapan kekurangan bekalan air. Adalah dicadangkan kepada pihak IADA Barat Laut, agensi persekutuan khususnya untuk menyelenggara *main canal* supaya mampu menampung takungan air yang mencukupi bagi persediaan jadual baru ini. Pemerhatian terkini mendapati sudah ada pulau terbentuk di *main canal*, Sawah Sempadan. Sekiranya Kerajaan Persekutuan tidak berkemampuan adakah kerajaan negeri boleh membantu untuk menyelesaikan isu ini? Saya mengharapkan agar Yang Berhormat EXCO singgah atau datang ke Sawah Sempadan untuk melihat apa yang telah berlaku di *main canal* dan telah wujud beberapa pulau-pulau yang timbul dengan sendirinya. Jadi kemungkinan kerisauan kita dengan sedikitnya air ini tak mampu untuk menampung bekalan air bagi kedua-dua musim. Seandainya Sungai Burong datang ke Sawah Sempadan, kita laksanakan penanaman padinya serentak. Menyegerakan pindaan akta pengairan 1953 agar ianya relevan diguna pakai dan melantik badan bertanggungjawab menguatkuasakan akta ini bagi sebarang aktiviti pencerobohan saliran. Pengairan. Mengganggu. mengalang aliran dan mencemarkan aliran bekalan air. Maka saya tidak dapat bercakap panjang disebabkan memberi peluang kepada rakan-rakan yang lain. Saya dengan ini menyokong Rancangan Selangor Pertama. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya saya pesan.....

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Lampu, LAMPU!! Saya minta lampu daripada jalan Selayang ke Rawang. Saya minta pihak JKR supaya TOOLOOOONNNNNNNNGGGGLAH dengau. TOOOLOOOOOOOOOOONGLAH DENGAR Permintaan saya ini sebab setiap kali sidang saya akan bangkitkan persoalan berkaitan dengan lampu. Yang keduanya saat berkaitan dengan kita ada macam-macam rumah di negeri selangor ni. Baru-baru ini ada bekas-bekas Parajurit yang datang jumpa dengan saya dia bagi tahu "dia tak ada rumah". Saya nak minta kerajaan negeri selangor tolong bantu bekas-bekas Parajurit ini! Sebab dia bagitahu dengan saya janji daripada kerajaan persekutuan semunya HAMPEHHH!! Saya ikut apa yang bekas-bekas Parajurit ini sebut kepada saya. Yang ketiganya, soal berkaitan dengan *cut off*. Kontraktor-kontraktor datang jumpa dengan saya bagitahu "TOLOOONNGGLAH BANGKITKAN DI DEWAN YANG MULIAINI SOAL BERKAITAN CUT OFF 30% NI!!" Sebab JKR pun dah

tak pakai *cut off* 30% ini. Dalam pencerahan saya, saya ada menyebutkan soal berkaitan dengan Selangor wajib menjadi negeri pengeluar makanan sebab itu keseriusan kita ini. Saya ingin mencadangkan selangor menubuhkan Universiti Pertanian Selangor. Memperlihatkan seriusnya kita dalam persoalan menjadi negeri pengeluar makanan ini. Seterusnya soal berkaitan dengan hukuman yang amat berat. AMAT BERAT! Amat berat yang harus kita berikan kepada pesalah-pesalah.

TUAN SPEAKER : Berapa berat?

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Kepada pengkhianat-pengkhianat yang selama hari ini menyebabkan henti tugas loji-loji air yang terdapat di dalam negeri Selangor. Sebab dia kaut keuntungan, dia pergi buang sisa yang tidak sepatutnya disungai menyebabkan jutaan rakyat yang menjadi mangsa. Semalam juga kita ucapkan syabas dan tahniah kepada kepimpinan Pakatan Harapan, Ahli-Ahli Parlimen daripada Pakatan Harapan kerana RUU, ‘anti lompat parti’ telah berjaya diluluskan di Parlimen. Ini adalah memperlihatkan bahawa kita Pakatan Harapan menolak sama sekali mereka yang ingin melompat parti. Sebab masa tak ada nak pergi laju sangat saya nak bagi juga Saudara Halimey seminit je. Yang seterusnya, dalam persoalan berkaitan dengan Rancangan Selangor-1 ini benda yang sangat penting yang seharusnya kita fikirkan adalah soal berkaitan dengan pembangunan modal insan, pembangunan manusia. Nak mendiri bangunan pencakar langit mudah tetapi sukar untuk kita membina manusia yang membangunkan bangunan pencakar langit itu. Kemudian yang seterusnya, saya juga, aduuuihh... Soal berkaitan dengan penyelenggaraan sekolah. Semalam Ketua Pembangkang ada menyebutkan kita kerajaan negeri Selangor ini banyak benda soal berkaitan dengan penyelenggaraan yang tidak berjaya kita lakukan. Cuma kita nak bagitahu di Sekolah ini pun bila kita wakil-wakil rakyat masuk ke sekolah ini kita tengok kadang-kadang Guru Besar ataupun Pengetua duk bercerita degnan kita soal inilah soal itulah. Dan sepanjang saya ada berhubung dengan seorang Guru Besar, dia bagitahu peruntukan 12ribu sahaja untuk kos penyelenggaraan satu sekolah. Saat berkaitan dengan Stadium Shah Alam ini kita nak bagitahu kepada pihak kerajaan negeri buatlah. Buat stadium baru jangan dengar cakap ketua pembangkang ini. Kalau ikut sayang, ikut kasih. Eh Stadium Merdeka itu lebih kita sayang lagi kita kasih. Disanalah tempat Almarhum Tunku mengumumkan tarikh kemerdekaan negara. Disanalah Tunku mengumumkan negara kita ini MERDEKA!! Tetapi Stadium Merdeka pun diroboh. Cuba kalau nak buat stadium biar telus jangan ada rasuah. Jangan ada rasuah! Biar ketelusan, kita jujur, kita juga bertanggungjawab. Yang terakhirnya alaaaahai. Yang terakhirnya saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak MBI, kepada pihak Air Selangor khususnya Air Selangor ini kepada seorang pegawai bernama Azizul, Azizul, Azizul. Dan juga pihak MBI ni CEO dia dan juga Saudara Azri, Saudara Azri, Saudara Azri. Terima kasih, saya menyokong wabilahitaufikwalhidayah wasalamualaikum W.B.T.!!

TUAN SPEAKER : Terima kasih. Yang Berhormat sila duduk semua. Perbahasan untuk Rancangan Selangor-1 telah selesai. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada 27 Ahli-Ahli Dewan yang berminat untuk membahaskan Rancangan Selangor-1. Pihak kerajaan bersedia pada hari Isnin untuk menggulung. Ahli-Ahli Yang Berhormat masa telah menunjukkan 6.00 petang. Dengan ini Dewan ditangguhkan.

(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 6.00 PETANG)

DRAFT